

**PENGUNAAN EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK,
FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN DARI
PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA**

NORHALEEDA BINTI DZULKIFLY

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

**PENGGUNAAN EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK,
FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN DARI
PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA**

NORHALEEDA BINTI DZULKIFLY

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
SYARIAH (FIQH DAN USUL)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **NorHaleeda Binti Dzulkifly**

No. Matrik: **17035914/1 | IOA180001**

Nama Ijazah: **Sarjana Syariah (Fiqh Dan Usul)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik, Farmaseutikal Dan Makanan Dari Perspektif Hukum Islam Semasa.

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan seelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **22 Mac 2024**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: **26 Mac 2024**

Nama :

Jawatan

PENGUNAAN EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK, FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA

ABSTRAK

Penggunaan emas dalam produk telah digunakan secara meluas berikutan manfaat dan khasiatnya yang pelbagai. Ketiadaan penjelasan hukum berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa khususnya buat golongan lelaki di Malaysia menjadi persoalan utama dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini membincangkan kedudukan emas dari perspektif hukum Islam serta mengenalpasti penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Seterusnya, analisis hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa dijalankan dengan menilai aspek sumber, tujuan dan manfaat serta implikasi penggunaan emas ke atas produk tersebut. Kajian ini memberi kepentingan buat pihak pengusaha produk berasaskan emas, pengguna khususnya golongan lelaki dan pengkaji seterusnya. Bagi mencapai objektif kajian, kajian kepustakaan yang menggunakan metode dokumentasi diaplikasikan dengan meneliti literatur daripada pelbagai sumber. Pengkaji turut menjalankan kajian lapangan dengan menggunakan metode temubual separa struktur bersama beberapa orang pakar syariah dan ahli akademik. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan metode deskriptif dan kaedah tematik. Hasil kajian mendapati penggunaan emas dalam produk dibenarkan ke atas wanita manakala bagi golongan lelaki hukumnya merujuk kepada beberapa keadaan seperti telah mendapat pengesahan pakar dan dalam keadaan darurat. Sumber emas yang digunakan perlu menepati parameter yang telah ditetapkan iaitu kadar kuantiti emas yang sedikit. Bagi tujuan dan kesan penggunaan yang positif penggunaannya adalah diharuskan manakala bagi tujuan dan kesan yang negatif penggunaannya adalah diharamkan.

Kata Kunci : Emas, Kosmetik, Farmaseutikal, Makanan, Analisis Hukum.

THE USAGE OF GOLD IN COSMETICS, PHARMACEUTICAL AND FOOD PRODUCTS FROM CONTEMPORARY ISLAMIC PERSPECTIVE

ABSTRACT

The usage of gold in products has been widely used due to its various benefits and properties. The lack of explanations related to the usage of gold in cosmetic, pharmaceutical and food products from an Islamic contemporary perspective especially for men in Malaysia is the main issue in this study. Therefore, this study discuss the status of gold according to contemporary Islamic perspective and elaborate the usage of gold in cosmetic, pharmaceutical and food products. Next, analysis of the usage of gold in cosmetic, pharmaceutical and food products from contemporary Islamic perspective is carried out by evaluating aspects of the source, purpose, advantage and effect usage of gold on the products. This study is important for gold-based product operators, consumers especially men, and next researchers. In order to achieve the objective of study, a literature study that uses the documentation method is applied by examining literature from various sources. The researcher also conducted a field study using the semi-structured interview method with several Shariah experts, academics and Islamic scholars. Data were obtained using descriptive and thematic method. The results of study found that the usage of gold in products is allowed for women while for men refers to several conditions such as having certification by experts and for usage an emergency conditions. The finding indicated that the usage of gold in products are considered as permissible if fulfilled the parameters with a small quantity of gold. The usage of gold for the positive purposes and effects are considered as permissible while for negative purposes and effects are considered as prohibited.

Keywords: Gold, Cosmetics, Pharmaceutical, Food, Legal Analysis.

PENGHARGAAN

Puji syukur saya panjatkan kepada Allah *'Azza wa Jalla* yang telah memberikan taufik dan hidayahNya sehingga kajian ini dapat diselesaikan. Dalam kesempatan ini, saya ingin memberikan penghargaan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan sehingga membolehkan saya melengkapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Norhidayah binti Pauzi selaku penyelia yang banyak memberikan komitmen, tunjuk ajar, nasihat, sokongan, dorongan, kritikan, buah fikiran dan idea yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Dr. Muhammad Ikhlas bin Rosele dan barisan pensyarah yang dihormati di Jabatan Fiqh dan Usul. Tidak lupa juga kepada kakitangan akademik dan Ijazah Tinggi, staf pentadbiran dan perpustakaan, serta warga APIUM yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga kepada Zakat Bank Rakyat dan Sumbangan Pendidikan Zakat Anak Selangor atas sumbangan pendidikan yang diberikan.

Sekalung penghargaan buat ayahanda Dzulkifly bin Sudin serta ibunda Suzana binti Md Nor yang mendoakan kejayaan dan memberikan kekuatan semangat kepada perjuangan anakanda. Kepada suami tercinta Mohd Amirul Syazani bin Arbaiin, terima kasih atas segala kasih sayang, sokongan, dorongan, kesabaran, dan kesudian menjadi tempat luahan perasaan sepanjang penulisan tesis ini. Tidak dilupakan buat anakanda yang disayangi Hasya Huwainaa dan Hanna Huwaida, adik beradik yang dikasihi angah, ayap dan adik serta keluarga mentua yang dihormati abah, mama, along, Kak Myra, Nadia, Najihah dan Adam terima kasih atas bantuan, sokongan dan doa kalian.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Sa'adan bin Man, Profesor Dr. Irwan bin Mohd Subri, Dr. Mohd Mahyeddin bin Hj. Mohd Salleh, Ustaz Dr. Syed Shahridzan bin Syed Mohamed dan Encik Johari bin Ab Latiff yang banyak

memberikan maklumat dan sumbangan dalam menjayakan kajian penyelidikan ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua sahabat, teman seperjuangan dan sesiapa sahaja yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung sepanjang menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan dan doa kalian, tidak mungkin kajian ini mampu sampai ke penghujungnya. Hanya Allah SWT yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

NORHALEEDA BINTI DZULKIFLY,

17035914/1 | IOA180001

norhaleeda1917@gmail.com

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vii
PANDUAN TRANSLITERASI	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
GLOSARI	xv
SENARAI JADUAL	xxii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xxii
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian.....	3
1.3 Pernyataan Masalah Kajian.....	7
1.4 Persoalan Kajian.....	10
1.5 Objektif Kajian.....	10
1.6 Skop Kajian.....	10
1.7 Kepentingan Kajian.....	11
1.8 Sorotan Kajian Lepas.....	12

1.8.1	Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik, Perubatan dan Makanan....	12
1.8.2	Emas, Kosmetik, Perubatan dan Makanan dari Perspektif Hukum Islam..	19
1.9	Metodologi Kajian.....	28
1.9.1	Metode Pengumpulan Data.....	29
1.9.2	Metode Analisis Data.....	32
1.10	Kesimpulan.....	34

BAB 2: KEDUDUKAN EMAS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

2.1	Pengenalan.....	36
2.2	Emas menurut Perspektif Islam.....	36
2.2.1	Pengertian Emas.....	37
2.2.2	Dalil Penggunaan Emas.....	39
2.3	Perhiasan menurut Perspektif Islam.....	47
2.3.1	Pengertian Perhiasan.....	47
2.3.2	Dalil Penggunaan Perhiasan.....	48
2.4	Penggunaan Emas Dan Perhiasan Menurut Hukum Islam.....	55
2.4.1	Emas Dan Perhiasan Yang Diharuskan.....	55
2.4.2	Emas Dan Perhiasan Yang Diharamkan.....	58
2.5	Kesimpulan.....	66

BAB 3: PENGGUNAAN EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK, FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN

3.1	Pengenalan.....	68
3.2	Status Nanopartikel Emas.....	68
3.2.1	Nanopartikel.....	68
3.2.2	Nanopartikel Emas.....	71
3.2.3	Sejarah Nanopartikel Emas.....	75
3.3	Penggunaan Emas Dalam Pelbagai Produk.....	78
3.3.1	Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik.....	78
3.3.2	Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal.....	84
3.3.3	Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan.....	88
3.4	Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk.....	92
3.4.1	Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik.....	92
3.4.2	Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal.....	95
3.4.3	Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan.....	99
3.5	Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk.....	102
3.5.1	Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik.....	102
3.5.2	Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal.....	104
3.5.3	Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan.....	106
3.6	Kesimpulan.....	109

**BAB 4: ANALISIS HUKUM PENGGUNAAN EMAS DALAM PRODUK
KOSMETIK, FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN DARI PERSPEKTIF
HUKUM ISLAM SEMASA**

4.1	Pengenalan.....	112
4.2	Analisis Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik.....	112
4.3	Analisis Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal.....	125
4.4	Analisis Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan.....	135
4.5	Garis Panduan Penggunaan Emas Dalam Produk	144
4.5	Kesimpulan.....	145

BAB 5: PENUTUP

5.1	Pengenalan.....	150
5.2	Rumusan Kajian.....	150
5.3	Cadangan dan Saranan.....	156
5.5	Kesimpulan.....	158

BIBLIOGRAFI.....	160
-------------------------	------------

LAMPIRAN.....	175
----------------------	------------

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan transliterasi adalah seperti berikut:

i. Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا , ء	alif, hamzah	a, '
ب	ba'	b
ت	ta'	t
ث	tha'	th
ج	jim	j
ح	ha'	h
خ	kha'	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra'	r
ز	zay	z
س	sin	s
ش	shin	sh
ص	sad	ṣ
ض	dad	ḍ
ط	ta'	ṭ
ظ	za	ẓ
ع	'ayn	'
غ	ghayn	gh
ف	fa'	f
ق	qaf	q
ك	kaf	k
ل	lam	l
م	mim	m

ن	nun	n
و	waw	h
هـ	ha'	w
ي	ya'	y
ة	ta' marbutah	h

ii. Huruf Vokal

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin
َ: Fathah	a
ُ: Dammah	u
ِ: Kasrah	i

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin
آ/أ/إ	ā
و	ū
ي	ī

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin
أَوْ	aw
أَيَّ	ay
يَّ	i
وَّ	uww

SENARAI KEPENDEKAN

Senarai kependekan adalah seperti berikut:

Singkatan Kependekan	Perkataan
SAW	Sallallahualaihiwasallam
t.t	Tanpa tarikh
r.a.	Radiallahuanhu
SWT	Subhanahuwataala
IFFAH	Institiut Fatwa dan Halal
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MUI	Majelis Ulama Indonsesia
EFSA	<i>European Food Safety Authority</i>
ASTM	<i>American Society for Testing and Materials</i>
nm	nanometer
IUPAC	<i>International Union of Pure and Applied Chemistry</i>
⁰ c	Darjah celsius
FDA	<i>Food and Drug Administration</i>
NTP	<i>National Toxicology Program</i>
ERC	<i>Empire Rheumatism Council</i>

RA	<i>rheumatoid arthritis</i>
ACD	<i>Asean Cosmetic Directive</i>
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MPPHM	Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
DNA	Asid Deoksiribonukleik
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan
OEM	<i>Original Equipment Manufacturer</i>
ICMSF	<i>International Commission on Microbiological Specification for Foods</i>
CAC	<i>CODEX Alimentarius Commission</i>
BKMM	Badan Keselamatan dan Kualiti Makanan
EC	<i>European Commision</i>
PBKD	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Seafast Center	<i>Sotheast Asian Food and Agricultural Science and Technology Center</i>

GLOSARI

Senarai glosari adalah seperti berikut:

GLOSARI	DEFINISI
aurum	Sejenis unsur logam yang tidak reaktif dan banyak digunakan untuk membuat barang-barang kemas.
epilepsi	Gangguan pada sistem saraf pusat akibat pola aktivitas listrik yang berlebihan di otak. Hal ini menyebabkan penderitanya mengalami kejang secara berulang pada sebahagian atau seluruh tubuh.
sifilis	Penyakit jangkitan seksual yang berpunca daripada kuman bakteria yang dikenali sebagai <i>Treponema Pallidum</i> . Sifilis boleh menjangkiti lelaki dan wanita.
tuberkulosis	Batuk kering iaitu penyakit berjangkit yang biasanya disebabkan oleh bakteria <i>Mycobacterium tuberculosis</i> (MTB). Tuberkulosis umumnya menyerang paru-paru, tetapi kesannya akan mempengaruhi bahagian badan yang lain.
arthritis reumatoid	Penyakit keradangan autoimun di mana sistem imun secara tersilap menyerang

	sel-sel sihat dalam badan. Penyakit ini menjejaskan sendi seperti lutut, tangan, dan pergelangan tangan.
disenteri	Najis berdarah dimana kondisi keradangan perut usus mengakibatkan pengeluaran tinja cair yang turut berlendir dan berdarah
<i>liposomes</i>	Satu jenis teknologi nano yang terdiri daripada bebuih yang diperbuat daripada fosfolipid di mana ia boleh diisi dengan zat makanan dan ubat-ubatan agar mereka boleh dihantar ke sel-sel makanan.
<i>nanometals</i>	Bahan asas dengan keupayaan penolakan haba yang baik
<i>solid lipid nanoparticles</i>	Teknologi yang dibangunkan untuk menangani <i>bioavailability</i> dan menyasarkan isu penghantaran ubat.
<i>nanoemulsions</i>	Dikenali sebagai mikroemulsi iaitu secara spontan terdiri daripada air, minyak, surfaktan dan sebagainya dengan saiz zarah 1-100 nm isotropik termodinamik stabil, telus atau lut penyebaran homogen.

<i>niosomes</i>	Vesikel sintetik yang terdiri daripada teras berair yang dilampirkan oleh lapisan luar berasaskan surfaktan bukan ionic.
<i>nanocapsules</i>	Sistem di mana ubat larut dalam teras, terhad kepada rongga yang dikelilingi oleh membran polimer.
<i>nanosilver</i>	Partikel perak yang bersaiz nano.
<i>nanogold</i>	Partikel emas yang bersaiz nano.
<i>in vivo</i>	Berlaku di dalam tubuh organisma hidup
<i>in vitro</i>	Di luar badan organisma, biasanya di dalam tabung uji.
<i>nanogold-nanoseweed</i>	Teknologi nano menggunakan nano emas dan rumput laut.
<i>edible gold</i>	Emas yang boleh dimakan yang dibenarkan oleh Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat sebagai bahan tambahan dalam makanan, di bawah kod E 175.
<i>food grade</i>	Merujuk kepada apa-apa peralatan, perkakasan, pembungkusan atau bahan pencucian yang selamat digunakan

	apabila ianya bersentuhan dengan makanan.
<i>euthanasia</i>	Perbuatan mematikan seseorang bagi menghadkan penderitaan pesakit.
asid deoksiribonukleik (DNA)	Merupakan komponen kimia utama kromosom dan merupakan bahan yang menghasilkan gen.
zink oksida	Krim muka yang mengandungi zink oksida berperanan sebagai pelindung matahari.
titanium dioksida	Sebuah sebatian kimia oksida titanium semula jadi dengan formula kimia TiO_2 yang biasanya digunakan sebagai pigmen dengan nama titanium white. Selain itu, sebatian ini digunakan dalam cat, pelindung cahaya matahari dan makanan dengan kod nombor E171.
zirconium dioksida	Digunakan dalam rawatan sebagai kawalan dan pencegahan bagi rawatan asas pergigian, prosthesis dan tera.
hydroxyapatite	Tulang terdiri daripada campuran kolagen dan mineral berfungsi untuk merawat fillier untuk menggantikan tulang dipotong, penyampaian ubat

	tempatan dalam tulang serta masalah lain.
<i>aurum potabile</i>	minuman berasaskan emas
Ayurveda	Merupakan perubatan pelengkap dan alternatif di dunia barat di mana beberapa kaedah yang digunakan adalah seperti penggunaan ubat herba, urut, yoga, serta senaman. Perubatan Ayurveda merupakan salah satu sistem perubatan tertua di dunia.
<i>bacillus tubercle</i>	Sejenis bakteria <i>Mycobacterium tuberculosis</i> yang menyebabkan penyakit <i>tuberculosis</i> atau batuk kering
arthritis psoriatik	Penyakit radang sendi yang mempunyai kaitan dengan penyakit kulit psoriasis.
<i>juvenile idiopathic arthritis</i>	Sejenis penyakit autoimun di mana sistem imun atau sistem pertahanan badan kanak-kanak itu sendiri melawan sendi-sendi kanak-kanak tersebut dan menyebabkan keradangan.
rematik palindromik	Sejenis arthritis radang yang jarang berlaku kebiasaannya muncul pada orang yang berumur 20 dan 50 tahun yang menyebabkan sakit sendi dan bengkak.

<i>discoïd lupus erythematosus</i>	Bentuk peradangan kulit yang berlaku terutamanya pada kulit yang terdedah kepada cahaya matahari dan boleh menyebabkan parut.
Optik	merupakan salah satu cabang fizik yang menerangkan ciri dan sifat cahaya dan hubungan cahaya dengan jirim.
Konjugasi	Tindak balas metabolisme ubat yang berlaku di hepar. Tindak balas ini melibatkan proses gabungan molekul ubat atau metabolitnya dengan molekul tertentu.
asid nukleik,	Sejenis makromolekul yang terdiri daripada rantaian nukleotida yang mampu membawa maklumat atau membentuk struktur dalam sel.
terapi fotodinamik (PDT)	Ubat fotoaktif disuntik ke dalam sel-sel kanser untuk mematikannya.
<i>photothermal therapy</i> (PTT)	Terapi pencernaan merujuk kepada usaha untuk menggunakan radiasi electromagnet untuk rawatan pelbagai keadaan perubatan, termasuk kanser.

<i>asoh</i>	Pandangan mempunyai dalil yang kuat, maka ketika itu pandangan terkuat disebut al-asoh, iaitu pandangan ulama' mazhab yang mana lawannya adalah pandangan dhaif.
-------------	---

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 : Perincian Sesi Temubual

Jadual 2.1 : Kategori Emas

Jadual 4.1 : Kenyataan Sesi Temubual 1

Jadual 4.2: Kenyataan Sesi Temubual 2

Jadual 4.3 : Kenyataan Sesi Temubual 3

Jadual 4.4 : Kenyataan Sesi Temubual 4

Jadual 4.5 : Kenyataan Sesi Temubual 5

Jadual 4.6 : Kenyataan Sesi Temubual 6

Jadual 4.7 : Kenyataan Sesi Temubual 7

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah 3.1: Gambar Nanopartikel

Gambar rajah 3.2: Bentuk Nanopartikel Emas

Gambar rajah 3.3: Gambar Nanopartikel Emas

Gambar rajah 3.4: Perbandingan Saiz Nanopartikel Emas

Gambar rajah 4.1: Rumusan Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik

Gambar rajah 4.2: Rumusan Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal

Gambar rajah 4.3: Rumusan Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama yang sempurna serta melengkapkan setiap sudut dalam kehidupan manusia. Kesempurnaan tersebut terbukti apabila setiap perkara dalam kehidupan manusia terdapat hukum mengenainya sama ada ianya halal, haram, harus, makruh dan sebagainya. Hukum Islam tersebut merangkumi setiap aspek dalam kehidupan manusia termasuk dalam penjagaan kecantikan diri, kesihatan tubuh badan, dan pengambilan pemakanan seharian yang mana dianggap sebagai suatu perkara yang penting.

Perasaan ingin kelihatan sentiasa cantik adalah naluri semula jadi yang dimiliki oleh setiap insan tidak kira golongan wanita atau lelaki, tua mahupun muda. Islam juga sebenarnya menggalakkan agar manusia menjaga kecantikan dan kesihatan tubuh badan, malah Rasulullah SAW sendiri menggesa agar kita sedaya upaya menghilangkan keaiban yang ada pada diri, menjaga kecantikan, kebersihan diri, berketerampilan rapi dan disenangi oleh sesiapa sahaja ketika berinteraksi.¹

Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

إن الله جميل ويحب الجمال

Terjemahan: Sesungguhnya Allah itu cantik dan amat sukakan kecantikan.²

Dalam aspek kesihatan, umat Islam dituntut supaya menjaga kesihatan tubuh badan agar sentiasa berada dalam keadaan sihat sesuai dengan tuntutan maqasid syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Selain itu, Islam juga

¹ Norlia Sajuri, "Suntikan Kosmetik Botox Menurut Perspektif Islam," *Jurnal Penyelidikan Islam* (t.t.), 159-160.

² Abū al-Husāyn Muṣlīm bin al-Hajjāj, "Ṣaḥīḥ Muṣlīm", dalam *Māwsū'at al-Ḥadīth al-Ṣḥāḥīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Ṣāliḥ bin A'bd al-Aziz al-Ṣḥāykh (Riyādh: Dār āl-Salām, 2008), 693 (Kitāb al-Imān, bāb tahrīm al-kibrī wa bayānihi, no. ḥadīth 265).

menyuruh umatnya berikhtiar mencari penawar atau ubat apabila dijangkiti sesuatu penyakit³ supaya kembali sihat untuk meneruskan ibadah dalam kehidupan seharian. Terdapat banyak ayat al-Quran serta hadith Rasulullah SAW yang menyebut tentang galakan menjaga kesihatan dan mencari penawar apabila diserang sesuatu penyakit. Antara hadith tersebut adalah:

Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda :

ما أنزل الله داء إلا أنزل له شفاء

Terjemahan: Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.⁴

Seterusnya dalam aspek pemakanan, Islam menganjurkan umatnya untuk memilih makanan yang halal dan baik dari segi kebersihan, sumber makanan serta cara sesuatu makanan itu diproses dan disediakan. Hal ini kerana setiap makanan yang masuk kedalam tubuh badan manusia akan tumbuh menjadi darah daging dan memberi kesan kepada tubuh badan serta rohani seseorang individu. Saranan memilih makanan yang halal banyak dinyatakan dalam al-Quran dan hadith Rasulullah SAW, antaranya firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Al-Baqarah 2: 168

Terjemahan: Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.

Berdasarkan hadith-hadith dan ayat al-Quran yang dinyatakan diatas, jelas menunjukkan Islam menggesa umatnya supaya menjaga kecantikan diri dan kesihatan tubuh badan serta memilih pemakanan seharian yang berkhasiat selari dengan tuntutan

³ Nuraili @ Nazimah Hamali & Ahmad Dahlan Salleh, "Penggunaan Partikel Nano Emas dalam Inovasi Perubatan dan Kosmetik Menurut Perspektif Islam," (Prosiding Kolokium Siswazah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 23 Disember 2013) 65.

⁴ Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī", dalam *Māwsū'ā' al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin A'bd al-Aziz al-Šhāykh (Rīyādh: Dār āl-Salām, 2008), 486 (Kitāb al-Ṭibb, bāb mā anzālā Allāh dā' illā anzālā lahu šhifā', no. hadith 5678).

yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sebagai umat Islam yang bertanggungjawab, kita seharusnya berusaha dan mencari ikhtiar agar sentiasa kelihatan cantik dan sihat tubuh badan sejajar tuntutan yang digariskan dalam Islam dengan memilih sumber yang halal serta selamat untuk digunakan. Hal ini sangat penting bagi memastikan kelangsungan ibadah seharian umat Islam dapat dilakukan dan diterima oleh Allah SWT.

Dewasa ini, pelbagai produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan telah dikomersialkan secara meluas seiring dengan perkembangan sains dan teknologi moden yang kian canggih. Kini produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan yang berasaskan nanopartikel emas mula menjadi tumpuan pengguna berikutan khasiatnya yang pelbagai. Hal ini telah mencetuskan satu fenomena baru terhadap permintaan penggunaan emas dalam kehidupan manusia. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan mengenai hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Emas merupakan logam kekuningan ciptaan Allah SWT yang boleh didapati dalam keadaan tulen atau bercampur dengan unsur bumi yang lain.⁵ Dalam istilah sains, emas dikenali sebagai aurum⁶ yang mempunyai simbol (Au) dengan nombor atom 79. Emas dianggap logam kerana berkilat dan merupakan konduktor elektrik yang baik.⁷ Berdasarkan sejarah, emas merupakan logam berharga yang digunakan sebagai syiling, perhiasan barang kemas dan hasil seni lain.⁸ Penggunaan emas dalam kehidupan manusia

⁵ Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mahadi Mohammad & Ahmad Tirmizi Taha, *Panduan Syarak Tentang Emas* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 1.

⁶ Sejenis unsur logam yang tidak reaktif dan banyak digunakan untuk membuat barang-barang kemas.

⁷ Edwards R., & Goldstone J., *Gold* (United State America: Crabtree Publishing, 2004), 5.

⁸ "Emas," laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dikemaskini 23 Jun 2022, diakses 28 Oktober 2022, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Emas>.

telah digunakan sejak dahulu lagi dan semakin berkembang penggunaannya pada masa kini kerana nilainya yang berharga dan fungsinya yang pelbagai.

Pada tahun 2022, data yang diperoleh menunjukkan pengeluaran emas terbesar dunia adalah negara China diikuti oleh Russia, Australia dan Kanada.⁹ Selain itu, anggaran menunjukkan bahawa sekitar 208,874 tan emas telah dilombong yang mana kira-kira dua per tiga emas dilombong pada tahun 1950.¹⁰ Sebanyak 46% emas yang dilombong digunakan bagi penghasilan barang kemas, 22% digunakan bagi syiling dan jongkang emas, manakala 17% digunakan untuk pelaburan bank dan 15% lagi digunakan bagi kegunaan lain.¹¹ Walaupun fungsi utama emas digunakan sebagai simpanan nilai, emas juga digunakan dalam industri moden seperti dalam bidang elektronik, pembuatan kaca, rawatan pergigian, farmaseutikal, penghasilan produk kosmetik, makanan¹² dan sebagainya.

Seiring peredaran zaman yang kian membangun, kini dunia kosmetik telah menunjukkan suatu perubahan yang memberangsangkan hasil daripada perkembangan sains dan teknologi yang kian canggih. Hal ini adalah berikutan penemuan pelbagai inovasi baharu dalam penghasilan produk kosmetik dan kecantikan. Selain itu, ia turut memberi impak terhadap perubahan gaya hidup masyarakat khususnya dalam penampilan diri.¹³ Kemajuan dunia kosmetik hari ini banyak memberi perubahan dalam kehidupan manusia sejagat. Pelbagai bahan dan ramuan telah digunakan dalam penghasilan produk kosmetik dan kecantikan. Antara bahan yang mempunyai permintaan tinggi dalam pembuatan produk kosmetik pada masa kini ialah emas.

⁹ World Gold Council, "Demand and Supply," laman sesawang *Global Mine Production*, dikemaskini 7 Jun 2023, diakses 26 Jun 2023, <https://www.gold.org/goldhub/data/gold-production-by-country>.

¹⁰ World Gold Council, "Demand and Supply," laman sesawang *Above Ground Stocks*, dikemaskini 8 Februari 2023, diakses 26 Jun 2023, <https://www.gold.org/goldhub/data/how-much-gold>.

¹¹ "Gold," laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas* dikemaskini 25 Oktober 2022, diakses 28 Oktober 2022, <https://en.wikipedia.org/wiki/Gold>

¹² *Ibid.*

¹³ Berita Harian, "Fenomena Wajah V," dikemaskini 10 Disember 2012, diakses 28 Oktober 2022, <http://www.bharian.vom.my/articles/FenomenawajahV//Article/>.

Penggunaan kosmetik berasaskan emas telah digunakan sejak beribu tahun yang lalu. Hal ini terbukti apabila Ratu Cleopatra iaitu Ratu Mesir yang terkenal dengan kecantikan yang dimiliki menggunakan emas 24 karat sebagai rutin penjagaan diri bagi tujuan kecantikan dan rahsia awet muda beliau.¹⁴ Pada masa kini, teknik rawatan menggunakan emas sudah digunakan secara meluas dalam bidang kosmetik dan dihasilkan dalam bentuk sabun, serum, penyegar, wangian, skrub¹⁵ dan sebagainya. Antara produk kosmetik mengadungi emas yang terdapat di pasaran adalah seperti *Safi Rania Gold*, *Safi Youth Gold*, *Gold Brightening Facial Treatment Mask by 111 Skin*, *Farsali 24k Rose Gold Elixir*, *Adore Golden Touch Magnetic Facial Mask*, *Tatcha Camelia Gold Spun Lip Balm*, *Shangpree Gold Black Pearl Eye Mask*¹⁶ dan banyak lagi.

Selain digunakan dalam produk kosmetik, emas juga turut digunakan dalam bidang farmaseutikal. Hal ini boleh kita lihat dalam sebuah hadith yang menceritakan tentang Rasulullah SAW memerintahkan kepada seorang sahabat iaitu 'Arfajah bin As'ad untuk menggunakan hidung yang diperbuat daripada emas bagi tujuan merawat hidungnya yang cedera sewaktu peperangan Kulab.¹⁷ Jika dilihat pada hadith ini, emas telah digunakan bagi tujuan rawatan kerana khasiatnya dalam merawat sesuatu penyakit. Khasiat yang terdapat pada emas telah dikaji lalu digunakan dalam produk farmaseutikal moden pada masa kini. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pakar perubatan, terdapat

¹⁴ Fadzlina Jafar, "7 Rahsia kecantikan Cleopatra masih diamalkan pada zama moden," laman sesawang *Featured*, dikemaskini 17 April 2020, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/225156/emas-serikan-kulit-muka>.

¹⁵ Mahani Ishak, "Emas Serikan Wajah," laman sesawang *Berita Harian Online*, dikemaskini 19 Disember 2016, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.bharian.com.my/node/225156>.

¹⁶ "Super Mewah, Ini 5 Produk Kecantikan yang punya Kandungan Emas 24 Karat," laman sesawang *IDN Times*, dikemaskini 17 Mei 2018, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.idntimes.com/life/women/ulfa-luthfia/produk-kecantikan-yang-punya-kandungan-emas-24-karat-clc2>

¹⁷ Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī, "Sunan Abī Dāwūd", dalam *Māwsū'at al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin A'bd al-Aziz al-Šhāykh (Rīyādh: Dār āl-Salām, 2008), 1530 (Kitāb al-Kḥātim, mā jā'a fī rabṭi al-asnāni bi āl-dhahāb, no. hadīth 4232).

banyak khasiat yang diperoleh dalam bidang farmaseutikal, rawatan perubatan tradisional mahupun moden hasil penggunaan emas bagi merawat sesuatu penyakit.¹⁸

Seterusnya, penggunaan emas juga turut digunakan dalam industri makanan. Sejarah penggunaan emas dalam penyediaan makanan bukanlah suatu perkara yang baru kerana ianya telah digunakan sejak ribuan tahun yang lalu iaitu ketika zaman purba di Mesir, Cina dan Jepun. Hal ini terbukti apabila emas digunakan dalam hidangan santapan buat kerabat istana pada zaman Renaissance di Rom.¹⁹ Seiring peredaran zaman, kini penggunaan emas dalam penyediaan makanan semakin meluas digunakan memandangkan emas mudah didapati namun terhad kepada golongan elit yang berkemampuan.²⁰ Malah, sejak kebelakangan ini terdapat banyak hidangan makanan dihidangkan bersama lapisan emas di pasaran seperti pizza bersama daun emas 24K, sandwich keju yang dililit emas sebenar, roti burger bersama emas 24K, kopi yang ditabur serbuk emas, kek colat bersama beberapa lembaran emas, kepek ayam goreng celup emas tulen, rollney yang disalut dengan serbuk emas tulen²¹ dan sebagainya.

Fokus diberikan kepada nanopartikel emas disebabkan oleh sifat kimia dan fiziknya yang unik di mana ianya berbeza dari material berasaskan atom dan molekul.²² Nanopartikel dapat dibentuk dari pelbagai jenis unsur kimia dan nanopartikel emas adalah unsur kimia yang paling baik. Ini adalah disebabkan nanopartikel emas memiliki

¹⁸ Maria Firdz, "Kesan Pakai Emas Kepada Kesihatan!," laman sesawang *Maria Firdz Lifestyle Blogger*, dikemaskini 10 April 2016, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.mariafirdz.com/2016/10/kesan-pakai-emas-kepada-kesihatan.html>

¹⁹ Osman Affandi, "Adakah Selamat dan Bolehkah Manusia Makan Emas?," laman sesawang *Illuminasi*, dikemaskini 7 Januari 2020, diakses 28 Oktober 2022, <https://iluminasi.com/bm/bolehkah-manusia-makan-emas.html>

²⁰ *Ibid.*

²¹ AbdusFauzi, "8 Makanan Bersalut Emas Tulen Bakal Buat Anda Rasa 'Like A Royal'," laman sesawang *Makanlena* dikemaskini 18 Januari 2019, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.makanlena.com/2019/01/18/8-makanan-bersalut-emas-tulen-bakal-buat-anda-rasa-like-a-royal/>

²² Ling, T.L. et al., "The effect of Multilayer Gold Nanoparticles on the Electrochemical Response of Ammoniumlon Biosensor Based on Alanine Dehydrogenase Enzyme," *Journal Of Sensors* 754171 (2011), 3-5.

kesesuaian yang paling tinggi dengan pelbagai jenis biomolekul.²³ Sifat-sifat unik ini membuatkan industri pembuatan tertarik untuk menerapkan penggunaan teknologi nanopartikel emas dalam pelbagai bidang termasuk bidang kosmetik, farmaseutikal dan rawatan perubatan serta penyediaan makanan. Ketiadaan penjelasan hukum berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam menjadi permasalahan kajian yang utama

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Penggunaan emas dalam penghasilan pelbagai produk telah digunakan secara meluas khususnya dalam bentuk teknologi nanopartikel emas. Kini teknik rawatan kecantikan menggunakan nanopartikel emas digunakan dalam penghasilan produk kosmetik untuk menjadikan kulit lebih muda, bersih, cantik,²⁴ cerah, putih dan berseri,²⁵ serta merawat kulit yang rosak dan berminyak²⁶ sekaligus menjadikan kulit lebih anjal dan tegang.²⁷ Selain itu, nanopartikel emas digunakan dalam bidang farmaseutikal bagi merawat penyakit seperti cacar, masalah kulit, demam campak,²⁸ penyakit tua,²⁹ dan masalah saraf.³⁰ Dalam perubatan moden, nanopartikel emas digunakan bagi rawatan

²³ Akrajas Ali Umar et al., "Gold Nanonetwork Film on the ITO Surface Exhibiting one-Dimensional Optical Properties," *Nanoscale Research Letters* 7 (2012), 252.

²⁴ Titik Taufikurohmah, D. Winarni & A. Baktir, "Histology Study: Pre-Clinic Test of Nanogold in Mus Musculus Skin, at Fibroblast Proliferation and Collagen Biosynthesis," *Chemistry and Materials Research* 3.5 (2013), 55-59.

²⁵ Sista Werdyani, Lisnawati Tiara Putri & Yandi Syukri, "Aplikasi Gold Nanopartikel dengan Bahan Alam sebagai Kosmetik Pemutih Wajah: Tinjauan Sistematis," *Jurnal Sains Farmasi & Klinis* 8.2 (2021), 116-127.

²⁶ Titik Taufikurohmah et al., "The Clinical Test of Nano Gold Cosmetic for Recovering Skin Damage Due to Chemicals: Special Case," (Journal of Physics, Faculty of Mathematics and Science, Universitas Negeri Surabaya, Indonesia, Conference Series 947 012056, 2018), 1-5.

²⁷ Achmad Syahrani et al., "Activity Test of Nanogold for Reduction of Free Radicals, a Pre-Assessment Utilization Nanogold in Pharmaceutical as Medicines and Cosmetics," *Journal of Materials Science and Engineering* 2.12 (2012), 611-617.

²⁸ Mahdihassan S. "Cinnabar-gold as the best alchemical drug of longevity, called Makaradhwaja in India," *American Journal of Chinese Medicine* 13.1 (1985), 93-108.

²⁹ *Ibid.*,

³⁰ Higby, G.J., "Gold in medicine: a review of its use in the West before 1900," *Gold Bulletin* 15 (1982), 130-140.

epilepsi,³¹ sifilis,³² tuberkulosis,³³ serta artritis reumatoid.³⁴ Nanopartikel emas juga digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser³⁵ dimana dadah yang dibawa menggunakan nanopartikel emas dikesan dapat menghapuskan sel kanser³⁶ serta digunakan dalam beberapa bidang farmaseutikal lain seperti dalam bidang pergigian dan oftalmologi, terapi gen, jantung, implan telinga dan sten.³⁷ Selain digunakan dalam produk kosmetik dan farmaseutikal, nanopartikel emas juga digunakan sebagai bahan tambahan dan perhiasan dalam makanan.³⁸

Penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan digunakan oleh semua lapisan masyarakat tidak kira golongan wanita atau lelaki, tua mahupun muda. Sedia maklum bahawa, penggunaan emas diharamkan secara mutlak ke atas golongan lelaki dan diharuskan ke atas golongan wanita sebagai perhiasan luaran. Namun begitu, dalam satu kajian yang dijalankan oleh Yelvia Reza menyatakan penggunaan kosmetik yang mengandungi ekstrak emas dibolehkan ke atas lelaki.³⁹ Pernyataan yang sama juga dikemukakan dalam fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang menyatakan penggunaan kosmetik yang mengandungi bahan partikel emas bagi golongan lelaki dibenarkan dengan syarat mempunyai kepentingan yang dibolehkan secara syarak, bermanfaat dan tiada kemudaratan keatas penggunaannya.⁴⁰ Ketiadaan

³¹ Gangguan pada sistem saraf pusat akibat pola aktivitas listrik yang berlebihan di otak. Hal ini menyebabkan penderitanya mengalami kejang secara berulang pada sebahagian atau seluruh tubuh.

³² Ravishankar R.V. & Jamuna B.A., "Nanoparticles and their potential application as antimicrobials," *Article* (2011), 197-204.

³³ Ghambir, S.S. et al., "Gold Nanoparticles: A Revival in Precious Metal Administration to Patients," *Nano Letters* 11 (2011), 4029-4036.

³⁴ *Ibid.*,

³⁵ Martien, R. et al., "Pekembangan Teknologi Nanopartikel sebagai sistem Penghantaran Ubat," *Majalah Farmaseutik* 8.1 (2012), 133-144.

³⁶ *Ibid.*,

³⁷ Nuraili & Ahmad Dahlan Salleh, "Penggunaan Partikel Nano," 63.

³⁸ Osman Affandi, "Adakah Selamat dan Bolehkah Manusia Makan Emas?," laman sesawang *Illuminasi*, dikemaskini 7 Januari 2020, dicapai 28 Oktober 2022, <https://iluminasi.com/bm/bolehkah-manusia-makan-emas.html>

³⁹ Yelvia Reza, "Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktek Pemakaian Kosmetik Yang Mengandung Ekstrak Emas Bagi Kaum Laki-Laki Di R-Klinik Bengkulu" (tesis Sarjana, Institut Agama Islam Negeri (Lain), Bengkulu, 2021), 36-49.

⁴⁰ Wadah Musyawarah Para Ulama Zu'ama dan Cendikiawan Muslim, "Penggunaan Partikel Emas dalam Produk Kosmetika Bagi Laki-laki," laman sesawang *Fatwa Majelis Ulama' Indonesia*, dikemaskini 2018, dicapai 30 Oktober 2022,

penjelasan hukum berkaitan penggunaan emas dalam produk dari perspektif hukum Islam khususnya buat golongan lelaki di Malaysia menjadi persoalan utama dalam kajian ini. Hal ini kerana Islam telah melarang golongan lelaki menggunakan emas. Justeru apakah hukum penggunaan emas terhadap produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan bagi golongan lelaki?

Seterusnya, Islam menghalalkan perkara yang baik dan bermanfaat serta mengharamkan perkara yang membawa kemudaratan ke atas manusia. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Dr. Shuguang Wang mendapati penggunaan nanopartikel emas dengan saiz dan bentuk yang berbeza memberi kesan toksik terhadap kulit manusia.⁴¹ Selain itu, penembusan nanopartikel emas ke dalam membran kulit dikhuatiri memasuki saluran darah seterusnya ke otak sehingga boleh menyebabkan tersumbat, lumpuh dan kematian jika tidak dapat dikawal.⁴² Dalam satu kajian lain pula mendapati penggunaan nanopartikel emas memberi kesan kepada sistem kardiovaskular lelaki kerana tekstur kulit lelaki berbeza dalam penerimaan nanopartikel emas ini.⁴³

Berdasarkan kepada isu keselamatan penggunaan emas yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan penggunaan emas terhadap manusia memberikan beberapa kesan negatif terhadap manusia. Justeru isu keselamatan penggunaan emas kepada pengguna perlu diperhalusi semula keatas produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Rentetan daripada perkara tersebut, maka menimbulkan idea kepada pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap isu ini. Kajian ini penting untuk menjawab persoalan yang membelengu di kalangan masyarakat Islam yang amat peka dan sensitif terhadap barangan kegunaan seharian oleh umat Islam pada masa kini.

[http://www.halalmui.org/images/stories/Fatwa%20Penggunaan%20Partikel%20Emas%20dalam%20Produk%20Kosmetika%20bagi%20Laki-laki%20\(INA\).pdf](http://www.halalmui.org/images/stories/Fatwa%20Penggunaan%20Partikel%20Emas%20dalam%20Produk%20Kosmetika%20bagi%20Laki-laki%20(INA).pdf)

⁴¹ Chachibaia T., "Nanoparticles-New Medical Potential-Today and Tomorrow," *Nano Studies* 3 (2011), 9.

⁴² Noviana Anjar Hastuti, "Gold Nano Particle Sebagai Deteksi Dan Terapi Kanker" (review Jurnal, Yogyakarta State University, Indonesia, 2013), 9.

⁴³ William R.S., "Skin contact with gold and gold alloys," *Contact Dermatitis* 13.2 (2006), 56-65.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah kedudukan emas menurut perspektif hukum Islam?
2. Bagaimanakah penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan?
3. Sejauh manakah pandangan Islam terhadap penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan?

1.5 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji:

1. Membincangkan kedudukan emas menurut perspektif hukum Islam.
2. Mengenal pasti penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan.
3. Menganalisis hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam.

1.6 Skop Kajian

Skop dan batasan kajian adalah perkara penting bagi mengelakkan berlakunya perbincangan diluar lingkup kajian yang sepatutnya. Ianya bertujuan untuk membantu pengkaji fokus dalam suatu permasalahan yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada beberapa aspek sahaja. Antaranya:

1. Kajian ini memberi penekanan kepada kedudukan emas dan perhiasan menurut perspektif Islam serta hukum penggunaannya.

2. Seterusnya kajian ini membincangkan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dengan memberi penekanan yang lebih terperinci terhadap manfaat dan implikasi penggunaannya.
3. Kajian ini juga akan menilai dari sudut fiqh dan maqasid syariah serta menganalisis pandangan pakar syariah, ahli akademik dan pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam.

1.7 Kepentingan Kajian

Sebuah kajian yang dijalankan pasti akan memberikan kepentingan yang dapat membantu pelbagai pihak. Kajian ini dilakukan memandangkan banyak kepentingan yang akan diperoleh hasil daripada penemuannya, antaranya:

1. Kepentingan kajian kepada pihak pengusaha syarikat kosmetik. Semoga dapatan kajian ini dapat membantu pihak pengusaha kosmetik menerangkan serta meyakinkan pengguna mengenai status penggunaan kosmetik yang berasaskan emas.
2. Seterusnya, kajian ini memberi kepentingan kepada pihak farmaseutikal dalam menggunakan emas bagi tujuan rawatan terhadap pesakit.
3. Kajian ini juga memberi kepentingan kepada pihak pengusaha makanan dalam menggunakan emas bagi penyediaan dan hiasan sajian makanan.
4. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi kepentingan buat pengguna di Malaysia khususnya golongan lelaki sebagai panduan asas serta membekalkan maklumat kepada masyarakat tentang penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari persepektif hukum Islam.

5. Akhir sekali, kajian ini juga memberi kepentingan kepada pihak universiti dalam menemukan hasil kajian yang baru dalam bidang fiqh kepenggunaan. Semoga pengkaji selepas ini dapat melakukan kajian yang lebih mendalam khususnya dalam bidang fiqh kepenggunaan.

1.8 Sorotan Kajian Lepas

Dalam kajian ini, pengkaji membuat sorotan kajian lepas berdasarkan pembahagian tema. Sorotan kajian dimulakan dengan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik. Kemudian, sorotan kajian diteruskan dengan penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal dan makanan. Sorotan kajian diakhiri dengan tinjauan kajian terhadap penggunaan emas, kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam.

1.8.1 Penggunaan Emas dalam Produk Kosmetik, Farmaseutikal dan Makanan.

a) Penggunaan Emas dalam Produk Kosmetik.

Perkembangan teknologi nanopartikel yang semakin berkembang pesat telah menghasilkan implikasi positif khususnya dalam bidang kosmetik. Artikel tulisan Abdulazeem L. et al., yang bertajuk "*Nanoparticles In Cosmetics, What We Don't Know About Safety And Hidden Risk*" membincangkan kebaikan dan keburukan penggunaan nanopartikel dalam kosmetik. Antara bahan nanopartikel yang digunakan adalah seperti *liposomes*⁴⁴, *nanometals*⁴⁵, *solid lipid nanoparticles*⁴⁶, *nanoemulsions*⁴⁷, *nanocapsules*⁴⁸,

⁴⁴ Satu jenis teknologi nano yang terdiri daripada bebuih yang diperbuat daripada fosfolipid di mana ia boleh diisi dengan zat makanan dan ubat-ubatan agar mereka boleh dihantar ke sel-sel makanan.

⁴⁵ Bahan asas dengan keupayaan penolakan haba yang baik

⁴⁶ Teknologi yang dibangunkan untuk menangani *bioavailability* dan menyasarkan isu penghantaran ubat.

⁴⁷ Dikenali sebagai mikroemulsi iaitu secara spontan terdiri daripada air, minyak, surfaktan dan sebagainya dengan saiz zarah 1-100 nm isotropik termodinamik stabil, telus atau lut penyebaran homogen.

⁴⁸ Sistem di mana ubat larut dalam teras, terhad kepada rongga yang dikelilingi oleh membran polimer.

*niosome*⁴⁹, *nanosilver*⁵⁰, *nanogold*⁵¹, dan jenis-jenis nanokosmetik yang lain. Penggunaan nanopartikel dalam kosmetik memberi banyak manfaat kepada pengguna akan tetapi ia juga boleh memberi kesan negatif terhadap sistem badan. Antara kesan negatif penggunaan nanopartikel dalam kosmetik adalah zarah yang lebih kecil mungkin reaktif, memberi kesan toksik, boleh mendatangkan mudarat terhadap manusia dan alam sekitar dan tiada peraturan bagi keselamatan klinikal.⁵² Artikel ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkenaan penggunaan nanopartikel dalam kosmetik serta kebaikan dan keburukan penggunaan nanopartikel dalam kosmetik. Namun begitu, artikel ini dilihat mempunyai kekurangan kerana perbincangan dan huraian adalah ringkas serta kurang mendalam khususnya pada bahagian nanopartikel emas.

Seterusnya, Yelvia Reza dalam kajian tesisnya yang bertajuk “Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktek Pemakaian Kosmetik Yang Mengandung Ekstrak Emas Bagi Kaum Laki-Laki di R-Klinik Bengkulu” menyatakan dibolehkan ke atas lelaki untuk menggunakan kosmetik yang mengandungi ekstrak emas. Yelvia Reza membuat kesimpulan hukum merujuk kepada empat aspek iaitu dari segi langkah pemakaian, sumber bahan kosmetik, alat yang digunakan dan hasil pemakaian kosmetik dengan ekstrak emas.⁵³ Penerangan dan huraian yang dinyatakan dalam penulisan tesis ini banyak memberikan maklumat yang berguna kepada pengkaji namun begitu kajian ini hanya tertumpu di kawasan Bengkulu, Indonesia.

Jurnal tulisan Sista Werdyani, Yandi Syukri dan Lisnawati Tiara Putri yang bertajuk “Aplikasi Gold Nanopartikel dengan Bahan Alam sebagai kosmetik Pemutih Wajah : Tinjauan Sistematis” menyatakan teknologi nanopartikel emas memberi manfaat

⁴⁹ Vesikel sintetik yang terdiri daripada teras berair yang dilampirkan oleh lapisan luar berasaskan surfaktan bukan ionic.

⁵⁰ Partikel perak yang bersaiz nano.

⁵¹ Partikel emas yang bersaiz nano.

⁵² Abdulazeem L. et al., “Nanoparticles in cosmetics, what we don’t know about safety and hidden risk. A mini review,” *Global Nest Journal* 25.1 (2023), 1-5.

⁵³ Yelvia Reza, “Tinjauan Hukum Islam,” 36-49.

kepada agen pemutih wajah dengan menggunakan sumber bahan alam. Hal ini kerana nanopartikel emas meningkatkan kemampuan zat aktif dalam proses penyerapan ke dalam sel kulit. Keberkesanan suatu agen pemutih dinilai berdasarkan kandungan melanin dalam sel. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam kajian tersebut iaitu pertama secara *in vivo*⁵⁴ menggunakan pemodelan tikus dan ikan zebra, kedua secara *in vitro*⁵⁵ menggunakan sel kulit normal ataupun sel melanoma yang dikultur dari jaringan badan manusia. Hasilnya, keberkesanan bahan alam yang dikombinasikan bersama nanopartikel emas lebih baik jika dibandingkan dengan bahan alam dalam kondisi murni.⁵⁶ Jurnal ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan manfaat penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik namun terhad bagi tujuan memutihkan dan mencerahkan wajah.

Disamping itu, artikel tulisan Titik Taufikurohmah et al., yang bertajuk "*The Clinical Test of Nano Gold Cosmetic for Recovering Skin Damage Due to Chemicals : Special Case*" telah menemukan hasil kajian dimana penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik berhasil merawat kulit yang rosak akibat penggunaan kimia secara berlebihan pada kulit. Kajian telah dijalankan ke atas pesakit selama dua bulan dimana perubahan kulit pesakit direkod seminggu sekali dan hasilnya kulit pesakit telah kembali pulih seperti sedia kala dalam masa lapan minggu.⁵⁷ Selain itu, dalam satu artikel lain tulisan Titik Taufikurohmah et al., yang bertajuk "*Clinical Test of Nanogold-Nanoseaweed Cosmetics For User Cosmetic Society*" telah menjalankan kajian keatas 254 sukarelawan di Surabaya dengan latar belakang pelbagai kondisi kulit terhadap kesan penggunaan *Nanogold-Nanoseaweed*⁵⁸ dalam produk kosmetik. Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan terhadap kesihatan kulit sukarelawan di mana tompokan hitam pada

⁵⁴ Berlaku di dalam tubuh organisma hidup

⁵⁵ Di luar badan organisma, biasanya di dalam tabung uji.

⁵⁶ Sista Werdyani, Lisnawati Tiara & Yandi Syukri, "Aplikasi Gold Nanopartikel," 116-127.

⁵⁷ Titik Taufikurohmah et al., "The Clinical Test," 1-5

⁵⁸ Teknologi nano menggunakan nano emas dan rumpai laut.

wajah semakin pudar dan menghilang, jerawat semakin berkurangan, kulit yang berminyak kembali normal dan kulit yang normal menjadi semakin cerah, halus, segar, dan baik.⁵⁹ Kedua-dua artikel ini membantu pengkaji dalam membuktikan keberkesanan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik.

Adapun hasil penelitian dan pembahasan yang dilakukan oleh Fauziah Aulia dalam tesisnya yang bertajuk “Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Serbuk Emas Dalam Kosmetik” menyatakan hukum asal berhias menurut pandangan Islam adalah digalakkan ke atas orang muslim selagi mana mengikut syariat yang telah ditetapkan serta tidak berlebih-lebihan dan melampaui batas. Pada dasarnya hukum asal pemakaian kosmetik adalah dibenarkan dengan syarat kandungannya tidak mendatangkan mudarat terhadap pengguna serta selamat untuk digunakan. Bagi penggunaan kosmetik bersumberkan emas, jika emas yang digunakan hanya pewarna yang menyerupai emas dengan kadar yang ditetapkan maka dibolehkan, manakala jika emas tersebut adalah emas yang asli maka hukumnya tidak dibolehkan. Hal ini kerana molekul partikel emas tersebut tidak dapat dipadukan sebagai bahan kosmetik kerana serbuk emas memiliki kandungan atom yang hampir sama dengan merkuri atau logam-logam lain yang berbahaya dan mendatangkan kesan sampingan terhadap pengguna sekiranya digunakan dalam jangka waktu yang lama.⁶⁰ Kajian tesis ini sangat baik untuk dijadikan rujukan namun begitu perbincangan dan huraian dalam kajian ini adalah ringkas dan kurang mendalam tetapi ia memberi sumbangan besar kepada pengkaji bagi mendapatkan maklumat.

⁵⁹ Titik Taufikurohmah et al., “Clinical Test of Nanogold-Nanoseaweed Cosmetics for User Cosmetic Society,” *Conference Paper Atlantis Highlights in Engineering* 1 (2018), 891-895.

⁶⁰ Fauziah Aulia, “Tinjauan Hukum Islam Terhadap Penggunaan Serbuk Emas Dalam Kosmetik” (tesis Sarjana, Program Studi Perbandingan Hukum, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2015), 83-84.

b) Penggunaan Emas dalam Produk Farmaseutikal.

Dalam bidang farmaseutikal, kajian berkaitan penggunaan nanopartikel emas dalam teknologi diagnosis kanser telah banyak dijalankan. Nada Fadhillah dan Sandra Megantara dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan Nanopartikel Emas Dalam Teknologi Untuk Diagnosis Kanker” menyatakan penggunaan teknologi nanopartikel emas boleh menembus ruang-ruang antara sel yang hanya dapat ditembusi oleh ukuran partikel kaloid yang memiliki kestabilan dan kapasiti yang tinggi, dilindungi dari degradasi, mengandungi pelepasan yang terkawal, selamat digunakan dan memenuhi keperluan dos.⁶¹ Artikel ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkenaan penggunaan nanopartikel dalam bidang farmaseutikal dan perubatan. Namun begitu, artikel ini dilihat mempunyai kekurangan kerana perbincangan dan huraian maklumat adalah ringkas serta kurang mendalam.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Yuxuan Zhu et al., dalam artikel jurnal bertajuk “*Multifunctional Gold Nanoparticles in Cancer Diagnosis and Treatment*” menyatakan penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal dan rawatan perubatan telah digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser dan mempunyai potensi yang besar dalam merawat penyakit kanser.⁶² Hal ini turut disokong oleh Mario D’Acunto et al., dalam kajiannya yang bertajuk “*Exploiting Gold Nanoparticles For Diagnosis And Cancer Treatment*”.⁶³ Seterusnya, nanopartikel emas juga berkesan digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer yang membolehkan maklumat anatomi tisu diberi dengan khusus dan tepat kepada doktor untuk mendiagnosis penyakit. Hal ini dinyatakan oleh Alexandra Kavalarakis et al.,

⁶¹ Nada Fadhillah & Sandra Megantara, “Penggunaan Nanopartikel Emas Dalam Teknologi Untuk Diagnosis Kanker,” *Artikel* 16.2 (2018), 254-263.

⁶² Yuxuan Zhu et al., “Multifunctional Gold Nanoparticles in Cancer Diagnosis and Treatment,” *International Journal of Nanomedicine* 17 (2022), 2041-2067.

⁶³ Mario D’Acunto et al., “Exploiting Gold Nanoparticles for Diagnosis and Cancer Treatment,” *Nanotechnology* 32 (2021), 1-8.

dalam kajiannya yang bertajuk “*Gold Nanoparticles As Contrast Agents In Ophthalmic Imaging*”.⁶⁴ Ketiga-tiga kajian ini banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan kaedah rawatan penyakit kanser menggunakan nanopartikel emas namun implikasi atau kesan sampingan penggunaan nanopartikel emas dalam rawatan penyakit kanser tidak diuraikan secara teliti.

Seterusnya, artikel tulisan T. Chachibaia yang berjudul “*Nanoparticles – New Medical Potential – Today and Tomorrow*”⁶⁵ serta artikel tulisan P.L. Nayak dan Umesh Kumar Parida yang bertajuk “*Biomedical Applications of Gold Nanoparticles: Opportunity and Challenges*”⁶⁶ menyatakan penggunaan nanopartikel emas dalam produk mempunyai risiko terhadap kesihatan manusia berikutan ciri-ciri nanopartikel emas yang berbeza. Kedua-dua artikel ini sangat berguna kepada pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkenaan sejarah, manfaat, kesan dan implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan. Namun begitu, kajian lebih terperinci berkenaan kesan dan implikasi penggunaan emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan perlu diteliti berikutan maklumatnya yang tidak mendalam. Artikel tulisan Fricker S.P. et al., yang berjudul “*Medical Uses of Gold Compound: Past, Present and Future*” menjelaskan penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan telah digunakan sejak zaman dahulu lagi. Penggunaan emas dalam bidang farmaseutikal telah berkembang dari zaman ke zaman berikutan manfaatnya yang pelbagai dalam merawat penyakit.⁶⁷ Artikel ini banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan sejarah penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal dari zaman dahulu hingga kini.

⁶⁴ Alexandra Kavaliraki et al., “Gold Nanoparticles As Contrast Agents In Ophthalmic Imaging,” *Optics* 4 (2023), 74-94.

⁶⁵ Chachibaia T., “Nanoparticles-New Medical,” 5-11.

⁶⁶ P.L. Nayak & Umesh Kumar Parida, “Biomedical Applications of Gold Nanoparticles: Opportunity and Challenges,” *World Journal of Nano Science & Technology* 1.2 (2012), 10-19.

⁶⁷ Fricker S.P. et al., “Medical uses of Gold Compounds: Past Present and Future,” *Gold Bulletin* 29.2 (1996), 53.

c) Penggunaan Emas dalam Produk Makanan.

Selain produk kosmetik dan farmaseutikal, penggunaan emas turut digunakan dalam penyediaan sajian makanan. Literatur seterusnya adalah berdasarkan kajian Iksir Faukonuri yang berjudul “Tinjauan Hukum Islam Tentang Makanan Yang Dilapisi Emas” yang membincangkan manfaat dan mudarat makanan yang dilapisi emas serta hukum pemakaian lapisan emas dalam makanan dan hukum memakannya menurut perspektif Islam.⁶⁸ Walaupun nanopartikel digunakan secara meluas dalam sektor makanan, potensi risiko penggunaannya terhadap kesihatan manusia tidak diketahui secara menyeluruh. Kajian saintifik yang dijalankan menunjukkan penggunaan nanopartikel memberikan kesan toksik terhadap kesihatan manusia dalam tempoh yang panjang. Hal ini dinyatakan oleh Anissa Zeggui dalam kajiannya yang bertajuk “*Metallic Nanoparticles In Food : An Overview On Consumers Health Effects*”.⁶⁹ Kedua-dua kajian ini banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan manfaat dan mudarat penggunaan nanopartikel emas dalam makanan.

Selain itu, kajian yang bertajuk “Tinjauan Maqasid Syariah terhadap Penyajian Makanan Yang Dihias Dengan Serbuk Emas” oleh Umi Aulia menyatakan harus makan makanan yang dihias dengan serbuk emas jenis *edible gold*⁷⁰ yang memiliki label *food grade*⁷¹. Hal ini kerana jenis emas tersebut selamat digunakan, larut dalam tubuh, dan diperakui selamat oleh *European Food Safety Authority* (EFSA). Namun begitu, masih belum ada data yang komprehensif mengenai kesan positif dan negatif

⁶⁸ Iksir Faukonuri, “Tinjauan Hukum Islam Tentang Makanan Yang Dilapisi Emas” (tesis Sarjana, Program Studi Perbandingan Mazhab, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2021), 35-50.

⁶⁹ Anissa Zeggui, “Metallic nanoparticles in food : An overview on consumers health effects,” *Journal Food and Humanity* 1 (2023), 51-56.

⁷⁰ Emas yang boleh dimakan yang dibenarkan oleh Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat sebagai bahan tambahan dalam makanan, di bawah kod E175. Ia digunakan dalam masakan haute dalam trend gastronomi ke arah hidangan mewah.

⁷¹ Merujuk kepada apa-apa peralatan, perkakasan, pembungkusan atau bahan pencucian yang selamat digunakan apabila ianya bersentuhan dengan makanan.

hasil penggunaan *edible gold* dalam makanan.⁷² Hasil penilaian keselamatan makanan oleh EFSA pada tahun 2016 mendapati penggunaan emas secara kesimpulannya masih dibenarkan walaupun data keselamatan yang diperoleh tidak menyeluruh. Menurut EFSA lagi, logam emas yang digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan ini boleh larut dalam badan.⁷³ Kedua-dua kajian ini dilihat mempunyai kekurangan kerana perbincangan dan huraian adalah ringkas dan kurang mendalam, namun kajian ini banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan penyajian penggunaan emas dalam makanan menurut maqasid syariah.

1.8.2 Emas, Kosmetik, Farmaseutikal dan Makanan Dari Perspektif Hukum Islam

Sorotan literatur daripada buku-buku Arab turath banyak membantu pengkaji dalam memahami hukum penggunaan emas dan perhiasan dari perspektif hukum Islam. Malah semasa mereka bentuk kajian, pengkaji sering merujuk kepada buku-buku turath ini bagi membina teoritikal kajian dalam bab dua. Antara buku-buku turath yang menjadi rujukan pengkaji ialah:

Abd al-Karīm Zaydān dalam kitabnya *āl-Mufaṣṣsol fī āl-āḥkām āl-Mar'āh wa āl-Bayt āl-Muṣlīm* membahaskan penggunaan emas dan perhiasan adalah diharuskan ke atas wanita.⁷⁴ Seterusnya, Imam Mālik bin Anas menerusi *āl-Muwattṭa' āl-Imām Mālik* menyatakan keharusan tersebut tidak dikhususkan terhadap perhiasan emas sahaja, malah perhiasan yang diperbuat daripada perak, permata, mutiara dan seumpamanya juga diharuskan penggunaannya.⁷⁵ Pernyataan yang sama turut dinyatakan oleh ulama

⁷² Umi Aulia, "Tinjauan Maqasid Syariah terhadap Penyajian Makanan Yang Dihias Dengan Serbuk Emas," *Jurnal Az Zaqqa'* 10.1 (2018), 92-111.

⁷³ EFSA Panel on Food Additives and Nutrient Sources added to food (ANS), "Scientific Opinion on the re-evaluation of gold (E175) as Food Additive," *EFSA Journal* 14.1 (2016), 2-3.

⁷⁴ 'Abd al-Karīm Zaydān, *āl-Mufaṣṣsol fī āl-āḥkām āl-Mar'āh wa āl-Bayt āl-Muṣlīm* (Beirut: Mua'sasah āl-Risālah Nāshirun, 2009), 3:349; Wahbah al-Zuhaylī, *āl-Fiqh āl-Islāmi wa Adillatuhu*, cet.ke-4, (Damshiq: Dār āl-Fiqr, 2004), 3:547.

⁷⁵ Mālik bin Anas, *āl-Muwattṭa' āl-Imām Mālik*, taḥqiq: Taqī āl-Dīn āl-Nadwī (Damshiq: Dār āl-Qalam, 1992), 3:375-376.

lain seperti Ibn Qudāmah menerusi *āl-Mughni*⁷⁶ dan Imam al-Nawāwī di dalam *Rawḍat āl-Ṭālibīn*⁷⁷ Di samping itu, al-Qurṭubī dalam bukunya *al-Jāmi' al-Ahkām al-Qur'ān* membincangkan berkaitan perhiasan bagi wanita dengan mendatangkan dalil-dalil keharusan perhiasan.⁷⁸ Secara umumnya, para ulama mengharuskan penggunaan emas dan perhiasan terhadap wanita. Demikian juga sesetengah ulama telah membincangkan berkaitan pengharaman penggunaan emas ke atas lelaki seperti āl-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ āl-'Uthaymīn, dalam kitabnya *Majmū' Fatāwā wa Rasā'il Faḍīlat āl-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ āl-'Uthaymīn*. Beliau telah menghuraikan secara umum berkaitan pengharaman penggunaan emas terhadap lelaki dan keharusan ke atas wanita.⁷⁹

Yūsuf āl-Qaraḍāwī dalam karyanya yang berjudul *āl-Ḥalāl wa āl-Ḥarām fi al-Islām*⁸⁰ telah mengemukakan beberapa prinsip halal dan haram dalam kehidupan seharian sebagai rujukan umum khususnya buat masyarakat Islam. Buku ini menyentuh halal dan haram dalam pakaian dan perhiasan, makanan dan minuman, penyembelihan, pemburuan, arak dan lain-lain. Secara umum, buku ini banyak membantu pengkaji dalam memahami prinsip-prinsip halal dan haram dalam Islam yang boleh menjadi rujukan garis panduan umum kepada semua kategori produk halal termasuk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Namun begitu, buku ini tidak membincangkan isu-isu semasa berkaitan produk halal yang berlaku pada masa kini seperti penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan.

Selain itu, beberapa fatwa berkaitan penggunaan emas menjadi rujukan pengkaji dalam kajian ini. Antara fatwa yang menjadi rujukan adalah fatwa yang dikeluarkan oleh Dār āl-Ifta' berkaitan hukum memakai emas, perak dan logam lain bagi lelaki dan

⁷⁶ Abū Muḥammad 'Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad Ibn Qudāmah, *āl-Mughni* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī 1972), 4:224.

⁷⁷ Abū Zakariyya Muḥy al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī, *Rawḍat āl-Ṭālibīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 2006), 1:444.

⁷⁸ Abū 'Abdullāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi' al-Ahkām al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2006), 19:20.

⁷⁹ Nāsr āl-Fahd āl-Sulaymān (ed.), *Majmū' Fatāwā wa Rasā'il Faḍīlat āl-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ āl-'Uthaymīn*, cet. ke-2 (Riyādh: Dār āl-Ṭurayyā lil-Naṣhr, 2005), 18:105.

⁸⁰ Yūsuf āl-Qaraḍāwī, *āl-Ḥalāl wa āl-Ḥarām fi al-Islām* (āl-Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1980), 39-123.

perempuan di mana dinyatakan haram bagi lelaki memakai emas dan tidak bagi perempuan kecuali ketika darurat maka diharuskan ke atas lelaki.⁸¹ Seterusnya, pengkaji merujuk fatwa yang dikeluarkan Majelis Ulama Indonesia (MUI) yang menyatakan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik bagi lelaki dibolehkan dengan syarat mempunyai kepentingan yang dibolehkan syarak, mendatangkan manfaat serta aspek bahaya dalam penggunaan partikel emas tersebut telah hilang.⁸² Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia memutuskan bahawa haram memakai emas putih ke atas golongan lelaki.⁸³ Fatwa-fatwa ini membantu pengkaji dalam membuat kesimpulan hukum pada akhir kajian.

Berdasarkan kepada pemerhatian dan penelitian, terdapat beberapa kajian berkaitan kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa. Sebagai contoh penelitian dari segi kosmetik, kajian yang dilakukan adalah berkaitan pembedahan plastik menurut perpektif hukum Islam. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh M Nashih Ulwan dan Rachmad Risqy Kurniawan yang bertajuk “Operasi Plastik Perspektif Hukum Islam” mendapati pembedahan plastik yang bertujuan merawat penyakit atau kecacatan dibolehkan sementara bagi tujuan mempercantikkan wajah dan tubuh badan tanpa sebarang penyakit hukumnya adalah haram.⁸⁴ Kajian ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan pembedahan kosmetik yang dibenarkan dalam Islam. Namun begitu, kajian ini tidak membincangkan hukum

⁸¹ Al-Šhāykh al-Ḥusāyn Ma'mun, “Ḥukm al-taḥālī bi āl-dḥāhab wa āl-fidah wa ḡhayrihimā min āl ma'adin li āl rijāl wa āl-nisā',” laman sesawang *Fatāwa Dār āl-Iftā'*, dikemaskini 8 September 1955, dicapai 1 Februari 2024, <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/17397>

⁸² Wadah Musyawarah Para Ulama Zu'ama dan Cendikiawan Muslim, “Penggunaan Partikel Emas dalam Produk Kosmetika Bagi Laki-laki,” laman sesawang *Fatwa Majelis Ulama' Indonesia*, dikemaskini 2018, dicapai 30 Oktober 2022, [http://www.halalmui.org/images/stories/Fatwa%20Penggunaan%20Partikel%20Emas%20dalam%20Produk%20Kosmetika%20bagi%20Laki-laki%20\(INA\).pdf](http://www.halalmui.org/images/stories/Fatwa%20Penggunaan%20Partikel%20Emas%20dalam%20Produk%20Kosmetika%20bagi%20Laki-laki%20(INA).pdf)

⁸³ e-Sumber Maklumat Fatwa, “Penggunaan Suasa Dan Emas Putih (Platinum) Sebagai Perhiasan Untuk Lelaki,” laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dikemaskini 2018, diakses 9 September 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15923>

⁸⁴ M Nashih Ulwan & Rachmad Risqy Kurniawan, “Operasi Plastik Perspektif Hukum Islam,” *Jurnal Ilmu al-Quran & Tafsir* (2023), 1-10.

penggunaan kosmetik yang berasaskan emas.

Dalam satu penelitian lain yang dijalankan oleh Ellitte Millenitta Umbarani dan Agus Fakhruddin yang bertajuk “Konsep Mempercantik Diri Dalam Perspektif Islam dan Sains” menyatakan penggunaan sesuatu kosmetik perlu diperhatikan dari segi kandungan bahan, cara memperolehnya serta kehalalan produk kosmetik tersebut. Kosmetik yang digunakan perlulah selamat serta tidak membahayakan kulit atau diri penggunanya.⁸⁵ Hal ini dipersetujui oleh Rabiatul Adawiyah Ab Rahman dan Zalina Zakaria dalam kajiannya yang bertajuk “Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard Ms 2200- Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam- Kosmetik dan Dandanan Diri- Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur” yang menyatakan produk kosmetik halal perlu dilihat dengan lebih menyeluruh dari aspek bahan ramuan, pemprosesan, pembungkusan dan penyediaan bagi menghasilkan produk kosmetik halal yang selamat, berkualiti, dan berkesan.⁸⁶ Kedua-dua kajian ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan kosmetik halal menurut perspektif Islam.

Ahmad Murshidi Mustapha dan Noraini Junoh dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis Pandangan Hukum Menurut Ulama Kontemporari Dalam Isu Kepenggunaan Berkaitan Kosmetik” membincangkan pandangan hukum syarak dalam kosmetik semasa yang terdiri daripada anggota dan unsur daripada haiwan, manusia dan penggunaan alkohol.⁸⁷ Selain itu, Nur Fadhilah Apardi dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan Kolagen Untuk Tujuan Kosmetik: Kajian dari Perspektif Hukum Islam”

⁸⁵ Ellitte Millenitta Umbarani & Agus Fakhruddin, “Konsep Mempercantik Diri Dalam Perspektif Islam dan Sains,” *Dinamika Sosial Budaya* 23.1 (2021), 114-125.

⁸⁶ Rabiatul Adawiyah & Zalina Zakaria, “Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard Ms 2200- Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam- Kosmetik dan Dandanan Diri- Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur,” *Journal of Shariah Law Research* 4.2 (2019), 137-152.

⁸⁷ Ahmad Murshidi Mustapha & Noraini Junoh, “Analisis Pandangan Hukum Menurut Ulama Kontemporari Dalam Isu Kepenggunaan Berkaitan Kosmetik,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 27.2 (2022), 166-177.

menyatakan penggunaan kolagen secara semulajadi adalah diharuskan bagi tujuan kecantikan dan kesihatan anggota selagi mana ia tidak mengubah ciptaan Allah dan melanggar hukum syarak.⁸⁸ Kedua-dua kajian ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan hukum penggunaan kosmetik yang bersumberkan haiwan, manusia, alkohol dan kolagen dari perspektif hukum Islam, namun begitu perbincangan berkaitan penggunaan emas dalam kosmetik tidak dibincangkan dalam kedua-dua kajian tersebut.

Dalam bidang farmaseutikal, Muhammad Remy bin Othman dalam kajiannya yang bertajuk “Perubatan Islam : Analisis Perkembangan, Kesan dan Permerkasaan di Malaysia” menyatakan ilmu perubatan Islam telah memberi kesan besar dalam bidang farmaseutikal dan perubatan sama ada dalam perubatan moden mahupun klasik hasil daripada pengaruh tamadun yang pelbagai.⁸⁹ Hal ini telah mencetuskan kajian farmaseutikal dan perubatan yang pelbagai dalam kalangan sarjana seperti kajian yang dilakukan oleh Mohammad Khairul Anuar Adnan, Ahmad Irdha Mokhtar dan Mohd Al Adib Samuri yang bertajuk “Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam Perubatan : Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor”. Kajian ini membincangkan beberapa isu farmaseutikal dan perubatan seperti *euthanasia*,⁹⁰ penubuhan bank susu ibu di Malaysia, penggunaan rawatan terapi larva bagi pesakit luka kronik dan penggunaan asid deoksiribonukleik (DNA)⁹¹ untuk menentukan status nasab anak.⁹² Kajian ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan kaedah fiqh dalam menganalisis dan mengistinbat hukum-hukum bagi isu-

⁸⁸ Nur Fadhilah Apardi, “Penggunaan Kolagen Untuk Tujuan Kosmetik: Kajian dari Perspektif Hukum Islam” (tesis Sarjana Jabatan Fiqh Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 82-83.

⁸⁹ Muhammad Remy bin Othman et al., “Perubatan Islam: Analisis Perkembangan, Kesan dan Permerkasaan di Malaysia,” *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 28 (2023), 25-47.

⁹⁰ Perbuatan mematikan seseorang bagi menghadkan penderitaan pesakit.

⁹¹ Merupakan komponen kimia utama kromosom dan merupakan bahan yang menghasilkan gen.

⁹² Mohammad Khairul Anuar Adnan, Ahmad Irdha Mokhtar & Mohd Al Adib Samuri, “Implementasi Kaedah Fiqah Berelemenkan Darurat dalam Perubatan : Analisis Fatwa Terpilih Jabatan Mufti Negeri Selangor,” *Journal of Islam in Asia* 20.1 (2023), 3-23.

isu semasa yang berkaitan dengan dunia farmaseutikal dan perubatan.

Seterusnya penelitian yang dilakukan lebih memberi fokus kepada unsur halal dan haram yang digunakan dalam bidang farmaseutikal dan perubatan. Antaranya ialah penelitian yang dilakukan oleh Mohd Sharkawi Shaadan dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan Bahan Haram dalam Perubatan: Kajian di bahagian Farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya” yang menyatakan penggunaan bahan haram diharuskan dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh para fuqaha.⁹³ Selain itu, Nurul Husna Azhar dalam kajiannya yang bertajuk “Plasma Darah Dalam Perubatan Menurut Perspektif Ulama Kontemporari” menyatakan Islam mempunyai dua pandangan berbeza mengenai penggunaan plasma darah dalam perubatan iaitu ulama kontemporari mengharuskan manakala mengikut mazhab Syafi’i dan mazhab Hanbali penggunaan plasma darah adalah diharamkan. Penentuan hukum ini bergantung kepada proses istihalah yang digunakan dalam plasma darah.⁹⁴ Kajian ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan syarat penggunaan bahan haram yang dibenarkan dalam Islam. Namun begitu, kajian ini tidak membincangkan hukum penggunaan emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan.

Muhammad Yusof Niteh bersama rakannya yang lain di dalam “e-prosiding Persidangan antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan yang bertajuk Penggunaan Ubat-Ubatan yang mengandungi bahan terlarang” menyatakan syaria Islam secara amnya membenarkan penggunaan ubatan yang yang dibuat daripada bahan terlarang berdasarkan garis panduan yang telah dinyatakan oleh fuqaha yang menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama. Hal ini juga dikukuhkan lagi dengan fatwa

⁹³ Mohd Sharkawi Shaadan, “Penggunaan Bahan Haram dalam Perubatan : Kajian di bahagian Farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya” (tesis Sarjana Jabatan Fiqh Usul, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 151.

⁹⁴ Nurul Husna Azhar et al., “Plasma Darah Dalam Perubatan Menurut Perspektif Ulama Kontemporari,” *Journal of Multidisciplinary Islamic Studies* 3.1 (2023), 1-7.

dan pendapat yang dikeluarkan oleh mereka yang pakar dalam bidang ini.⁹⁵ Kajian ini juga membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan ubat-ubatan yang mengandungi bahan terlarang yang dibenarkan dalam Islam. Namun begitu, kajian ini tidak membincangkan hukum penggunaan emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan menurut perspektif Islam.

Dalam bidang makanan, kajian banyak dilakukan berkaitan halal dan haram serta aspek keselamatan sesuatu makanan. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Sri Mulyati, Achmad Abubakar dan Hasyim Hadade yang bertajuk “Makanan Halal dan Tayyib dalam Perspektif al-Quran” menyatakan makanan yang halal ialah makanan yang diperbolehkan untuk dimakan serta tidak mendatangkan dosa sedangkan tayyib pula ialah baik, suci, berkhasiat, berkadar dan selamat.⁹⁶ Selain itu, Muhammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli dan Suhaimi Ab. Rahman dalam kertas persidangan yang bertajuk “Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Isu-Isu Makanan Semasa” menjelaskan antara kriteria makanan halal dan haram menurut al-Quran adalah tidak mengandungi sesuatu yang memabukkan, tidak bersumberkan darah haiwan, bukan berasaskan sumber daripada manusia, bebas daripada khinzir dan derivatifnya serta bukan sumber daripada bangkai atau haiwan yang tidak disembelih.⁹⁷ Kedua-dua kajian tersebut membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan makanan halal dan tayyib serta maklumat berkaitan isu halal dan haram dalam produk makanan semasa akan tetapi kajian berkaitan emas dalam makanan tidak dibincangkan dalam kajian tersebut.

⁹⁵ Muhammad Yusof Niteh et al., “Penggunaan Ubat-Ubatan yang mengandungi bahan terlarang” (e-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, 23-24 April 2018), 221.

⁹⁶ Sri Mulyati, Achmad Abubakar & Hasyim Hadade, “Makanan Halal dan Tayyib dalam Perspektif al-Quran,” *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 1.1 (2023), 23-33.

⁹⁷ Muhammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli & Suhaimi Ab. Rahman, “Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Isu-Isu Makanan Semasa” (Kertas Persidangan, 2011), 13.

Seterusnya, Musfirah Syahida, Saadan Man dan Mohd Anuar Ramli dalam kajiannya yang bertajuk “Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam : Kajian Terhadap Pengambilan Makanan Berisiko” membincangkan mengenai keselamatan pengambilan makanan berisiko menurut perspektif Islam. Pengambilan makanan berisiko dibolehkan dengan syarat diambil mengikut kuantiti yang ditetapkan, mengamalkan senaman tiga kali seminggu, serta mengambil makanan yang tinggi serat setiap hari. Namun begitu, hukum akan bertukar makruh dan haram terhadap pesakit kronik yang mengambil makanan melebihi kuantiti yang ditetapkan dan tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat. Hal ini kerana mereka telah meletakkan diri ke arah kebinasaan serta melanggar panduan syariat Islam dan makanan yang mereka ambil itu tidak lagi bersifat *ḥalāl* *ṭayyib*.⁹⁸ Perkara ini dipersetujui oleh Khairul Effendi Hashim dalam kajiannya yang menunjukkan kepentingan mahasiswa untuk memahami konsep *ḥalāl* *ṭayyib*. Hal ini kerana ia mempunyai kesan langsung kepada objektif syariah memelihara nyawa yang dapat menjaga kepentingan tubuh daripada sudut keselamatan dan kesihatan sekaligus melahirkan mahasiswa yang cerdas dan cergas.⁹⁹ Kedua-dua kajian ini membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan ciri-ciri dan syarat-syarat pengambilan makanan berisiko serta hubungan konsep *ḥalāl* *ṭayyib* dengan maqasid syariah memelihara nyawa. Namun begitu, keselamatan penggunaan emas dalam makanan tidak dibincangkan dalam kedua-dua kajian tersebut.

Dalam E-prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021, Setiawan Gunardi et al., dalam kajian yang berjudul “Panduan Makanan dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah dan Perundangan Malaysia” menyatakan

⁹⁸ Musfirah Syahida, Saadan Man & Mohd Anuar Ramli, “Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam : Kajian Terhadap Pengambilan Makanan Berisiko,” *Jurnal Fiqh* 12 (2015), 23-24.

⁹⁹ Khairul Effendi Hashim, Nasharuddin Mohammad & Mohd Sham Kamis, “Kepentingan Memahami Konsep Halalan Tayyiban dalam Aspek Keselamatan Makanan di Kalangan Mahasiswa Muslim: Pandangan daripada Perspektif Maqaasid Syariah Memelihara Nyawa,” *Journal of Management & Muamalah* 12.2 (2022), 1-11.

perundangan makanan halal di Malaysia telah digubal dengan penuh teliti dan bersistematik merangkumi pelbagai akta, manual dan standard. Di Malaysia, terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam tadbir urus pemakanan halal seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan lain-lain. Kesemua agensi ini terlibat bagi memastikan perlindungan hak pengguna muslim dan tadbir urus halal dibuat dengan telus dan penuh integriti sekaligus memberikan kesan yang positif terhadap budaya pemakanan masyarakat muslim.¹⁰⁰ Kajian ini membantu pengkaji dalam memahami prosedur panduan makanan halal menurut perspektif Syariah dan perundangan di Malaysia.

Sorotan literatur seterusnya adalah artikel tulisan Nuraili @ Nazimah Hamali dan Ahmad Dahlan Salleh yang bertajuk “Penggunaan Partikel Nano Emas dalam Inovasi Perubatan dan Kosmetik Menurut Perspektif Islam”.¹⁰¹ Artikel ini banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan partikel nano emas dalam produk kosmetik dan farmaseutikal dari perspektif hukum Islam. Namun begitu, artikel ini tidak membincangkan penggunaan partikel nano emas dalam makanan dan dilihat mempunyai kelompongan. Perbincangan dan perbincangan yang lebih terperinci perlu dijalankan berikutan ketiadaan penjelasan hukum berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, pengkaji melihat bahawa kajian di bawah tajuk ini perlu dilakukan bagi membuktikan kepentingan dan signifikasi kajian

¹⁰⁰ Setiyawan Gunardi et.al, “Panduan Makanan dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah dan Perundangan Malaysia” (E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021, “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030” Universiti Sains Islam Malaysia, 2021), 302.

¹⁰¹ Nuraili & Ahmad Dahlan Salleh, “Penggunaan Partikel Nano” 65.

dijalankan. Seperti yang dinyatakan dalam sorotan kajian lepas, kajian oleh para akademik dan sarjana berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam tidak dibahaskan secara terperinci. Kelompongan dilihat dari sudut ketiadaan penjelasan hukum berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam khususnya bagi golongan lelaki beragama Islam di Malaysia. Justeru, kajian penyelidikan berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam ini sangat relevan untuk dijalankan bagi mengisi kelompongan daripada kajian terdahulu seterusnya menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan fiqh kepenggunaan.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu elemen yang memainkan peranan penting dalam setiap kajian yang hendak dijalankan. Mutu dan kualiti sesuatu kajian dinilai melalui kaedah-kaedah yang digunakan sama ada sesuai dan menepati objektif kajian yang dijalankan. Penggunaan metode yang baik dapat menentukan halatujtu sesuatu kajian seterusnya kajian dapat disempurnakan dengan baik dan lebih sistematik.¹⁰²

Dalam penyelidikan ini, pengkaji sebagai instrumen utama bergerak daripada perkara- perkara yang khusus daripada suatu peringkat kepada peringkat berikutnya, sehinggalah dibuat kesimpulan pada akhirnya. Oleh yang demikian, kaedah atau metodologi yang digunakan dalam kajian ini bersifat kualitatif.¹⁰³ Kaedah kualitatif merupakan pendekatan kajian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata bertulis atau lisan daripada orang yang diamati. Pendekatan ini lebih berupa kata-kata

¹⁰² Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 5.

¹⁰³ Lecomte & Goets, *Etnography and Qualitative design in Education Research* (London : Academic Press Inc, 1984), 4-7.

berbanding angka.¹⁰⁴

Menurut Azizah Hamzah, kajian kualitatif ini tidak memerlukan kepada bilangan responden yang ramai tetapi berusaha memperoleh maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan kepada sampel yang kecil.¹⁰⁵ Antara elemen yang akan dirujuk melalui kaedah kualitatif adalah seperti makna, definisi, konsep, ciri-ciri, karakter, metafora, simbol dan perihal sesuatu perkara.¹⁰⁶ Oleh itu, kaedah kualitatif digunakan oleh pengkaji dengan menyatakan definisi serta konsep pada bab dua dan tiga bagi menjawab persoalan yang terdapat di dalam kajian ini.

Seterusnya, pengkaji membahagikan metodologi kajian kepada dua bahagian utama iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Data-data yang dikumpul adalah menerusi kajian perpustakaan dan kajian lapangan iaitu temu bual separa struktur yang dijalankan oleh pengkaji.

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data merupakan satu teknik bagi mendapatkan data secara fizikal untuk dianalisis dalam suatu kajian. Pengumpulan data melalui kajian kualitatif tidak mempunyai hipotesis kajian khusus untuk dijawab sebagaimana yang terdapat dalam kajian kuantitatif. Pengumpulan data hanya berdasarkan kepada persoalan kajian tanpa terlebih dahulu memuktamadkan pemboleh ubah.¹⁰⁷ Oleh itu, metode pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

¹⁰⁴ Bogdan & Taylor, *Introduction to Qualitative Research in Education Research : A Phenomenological Approach to Social Science* (New York : John Wiley, 1975), 5.

¹⁰⁵ Azizah Hamzah "Kaedah Kualitatif dalam penyelidikan Sosiobudaya," *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 6.1 (2010), 5.

¹⁰⁶ Berg & Bruce Lawrance, *Qualitative Research Methods for social Sciences, Seventh Edition* (Boston : Allyn & Bacon, 2009), 3.

¹⁰⁷ Rasid Mail & Raman Nordin, *Penyelidikan Peringkat Sarjana : Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif* (Sabah : Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2015), 97- 98.

a) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan untuk mendapatkan serta mengumpulkan maklumat-maklumat dalam bentuk dokumen yang berkaitan dengan topik kajian. Metode ini merupakan kedah penyelidikan utama yang digunakan dalam kajian ini. Dalam metode kajian perpustakaan ini, pengkaji merujuk dan mengumpulkan data-data dan maklumat dari pelbagai bahan bertulis yang merangkumi buku-buku ilmiah, kitab-kitab fiqh lama dan baharu, jurnal, makalah, latihan ilmiah, disertasi, kertas kerja, tesis, jurnal, laporan bertulis, dan bahan pada laman sesawang sebagai maklumat semasa kajian pengkaji.¹⁰⁸ Penyelidikan perpustakaan ini menjadi maklumat asas kepada landasan hasil kajian. Antara perpustakaan yang menjadi kunjungan pengkaji seperti:

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Pendeta Za'ba Universiti Malaya
- iv. Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
- v. Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia

b) Kajian Lapangan (Temu bual)

Pengkaji turut menggunakan metode kajian lapangan iaitu melalui metode temu bual bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Temu bual merupakan komunikasi dua hala secara bersemuka antara pengkaji dan responden.¹⁰⁹ Kajian yang menggunakan kaedah temu bual ini boleh dikatakan penting dan mempunyai kesahihan yang tinggi kerana akan mengukuhkan lagi dapatan kajian pengkaji.

¹⁰⁸ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 259. Lihat juga J.Prancis Rumel, *An Introduction to Research in Education* cet. Ke-2 (New York : Harper & Row Publisher, 1964), 59.

¹⁰⁹ Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 114.

Mengikut Gall dan Borg, kelebihan utama metode temubual ialah pengkaji boleh membina hubungan yang baik dengan responden bagi mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut dan mendalam serta boleh menjelaskan sebarang persoalan yang tidak jelas.¹¹⁰ Hal ini turut disokong oleh Martin Descombe yang menyatakan melalui metode temubual, maklumat dan penilaian yang mendalam akan diperoleh.¹¹¹ Metode temubual merupakan kaedah yang paling biasa digunakan dalam kajian sosial dimana terdapat tiga bentuk temu bual yang boleh dijalankan dalam sesuatu kajian iaitu temu bual berstruktur, tidak berstruktur dan separa berstruktur.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode temu bual secara separa struktur. Sebelum melaksanakan temu bual, pengkaji merangka soalan temu bual yang telah mendapat pengesahan daripada pensyarah. Soalan temu bual tersebut akan digunakan semasa sesi temu bual dijalankan sama ada secara bersemuka mahupun atas talian. Antara kaedah yang digunakan dalam temu bual separa struktur ini ialah pengkaji memilih responden yang berkeelayakan dan mengadakan temu janji bersama responden, soalan-soalan disediakan secara formal dan terancang, menggunakan pita rakaman dan buku catatan. Semasa temu bual dijalankan, pengkaji turut menyoal lebih mendalam tentang jawapan yang diberikan oleh responden serta memberi kebebasan kepada responden untuk memberi jawapan berkaitan soalan yang dikemukakan. Setelah itu, maklumat yang telah diperoleh akan dipindahkan dalam bentuk penulisan lalu dianalisis oleh pengkaji.

Antara individu atau pihak yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini terdiri daripada ahli akademik yang mempunyai kemahiran dan kelayakan dalam bidang usul fiqh dan fatwa halal seperti Professor Madya Dr. Sa'adan bin Man, Dr. Mohd Mahyeddin bin Hj. Mohd Salleh dan Professor Dr. Irwan Bin Mohd Subri yang juga merupakan mantan Pengarah Instituti Fatwa dan Halal (IFFAH). Selain itu, antara

¹¹⁰ Gall & M.D Borg, *Educational Research an Introduction* (New York: Longman, 1996), 201.

¹¹¹ Martin Descombe, *The Good Research Guide* (Buckingham: Open University Press, 1998), 36.

responden lain yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada Pegawai Penyelidik JAKIM, dan Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Perincian sesi temu bual bersama responden adalah seperti berikut:

Responden	Nama	Jawatan	Tarikh
Responden 1 (R1)	Professor Dr. Irwan Bin Mohd Subri	Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia	4 Januari 2023
Responden 2 (R2)	Dr. Mohd Mahyeddin bin Hj. Mohd Salleh	Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia	5 Januari 2023
Responden 3 (R3)	Professor Madya Dr. Sa'adan bin Man	Pensyarah, Jabatan Fiqh & Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya	5 Januari 2023
Responden 4 (R4)	Encik Johari Bin Ab Latiff	Pegawai Penyelidik JAKIM	12 Januari 2023
Responden 5 (R5)	Ustaz Dr. Syed Shahrizan bin Syed Mohamed	Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan	9 Februari 2023

Jadual 1.1 : Perincian Sesi Temubual

1.9.2 Metode Analisis Data

Analisis data adalah satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data serta prosedur statistik.¹¹² Proses analisis data akan dilakukan setelah semua data dan

¹¹² Bhasah Abu Bakar, *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah* (Kuala Lumpur : Utusan Publications, 2007), 10.

maklumat diperolehi. Data- data yang didapati melalui kaedah pengumpulan akan dinilai secara terperinci dengan menggunakan beberapa kaedah. Proses analisis data kualitatif merupakan proses berterusan yang bermula sebaik sahaja pengkaji memasuki lapangan kajian. Oleh sebab itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengumpul dan menganalisis data secara deskriptif semasa dan selepas data diperolehi. Kaedah utama yang akan diguna oleh pengkaji dalam kajian ini ialah kaedah tematik.

Analisis tematik merupakan proses kodifikasi informasi yang menghasilkan tema, model tema atau indikator yang berkait dengan tema tersebut. Tema-tema ini memungkinkan interpretasi sesebuah fenomena dalam populasi kajian yang dibuat. Temu bual yang direkodkan semasa proses pengumpulan data akan diterbitkan dalam tulisan berbentuk transkripsi. Setelah itu, proses kodifikasi pula dibuat bagi mengenalpasti pola tema yang berkaitan dengan objektif dan persoalan kajian. Melalui proses ini, data akan ditapis dan kemudiannya pembuangan bagi data-data yang tidak berkaitan dilakukan untuk memudahkan analisis data kajian dibuat.¹¹³ Secara keseluruhan, proses analisis data dalam kajian ini meliputi tiga urutan aktiviti iaitu penyaringan data, persembahan data dan penulisan kesimpulan atau verifikasi seperti berikut:

Pertama, penyaringan data merupakan proses mengurangkan jumlah data dengan memilih dan mengasingkan data yang penting serta data yang kurang relevan untuk di masukkan dalam kajian. Aktiviti meringkaskan, memilih, membuang dan menyusun data dilakukan untuk menjadikan data lebih berfokus dan membantu pengkaji dalam proses membuat keputusan dapatan kajian. Proses penyaringan data ini dilakukan secara berterusan sepanjang kajian dijalankan.

Kedua, proses persembahan data dilakukan secara sistematik bertujuan untuk memberikan informasi atau data secara jelas dan mudah difahami. Dalam kajian ini,

¹¹³ Shuhairy Norhisham, "Kaedah Analisis Data Kualitatif," laman sesawang *Pascasiswazah*, diakses 8 Mac 2018, <http://www.pascasiswazah.com/kaedah-analisis-data-kualitatif/>

pengkaji membuat persembahan data dengan menggunakan perkataan, jadual, gambar rajah, dan huraian.

Akhir sekali, penulisan kesimpulan dan verifikasi dibina dengan melakukan proses penganalisan data. Hal ini bagi membolehkan pengkaji membina kesimpulan tentang persoalan kajian disokong dengan bukti-bukti daripada data yang diperoleh sepanjang kajian dijalankan. Pengkaji menghasilkan satu kesimpulan secara khusus dan diaplikasikan dalam bab empat di mana pengkaji akan menghuraikan hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa berdasarkan dalil-dalil yang berkaitan.

1.10 Kesimpulan

Terdapat lima pecahan bab utama dalam kajian ini. Bab satu merupakan pendahuluan yang membincangkan pengenalan secara umum mengenai tajuk kajian. Pengkaji memulakan bab dengan memberi sedikit gambaran mengenai latar belakang penggunaan nanopartikel emas serta menjelaskan permasalahan kajian berkaitan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Selain itu, pengkaji juga turut menyenaraikan beberapa persoalan dan objektif kajian serta mengenal pasti kepentingan dan skop kajian. Pengkaji turut membuat sorotan kajian lepas berkaitan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan serta emas, kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam. Metode pengumpulan data dan analisis data digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian.

Bab kedua pengkaji menjelaskan tentang kedudukan emas menurut perspektif hukum Islam. Permulaan bab dua dimulai dengan huraian secara umum berkaitan emas dan perhiasan dari segi pengertian dan dalil pensyariaan. Seterusnya, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci berkaitan hukum penggunaan emas dan perhiasan

menurut Islam dan diakhiri dengan kesimpulan oleh pengkaji.

Bab ketiga pengkaji menyatakan berkenaan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Perbincangan bab ini dimulakan dengan pengertian nanopartikel, nanopartikel emas dan sejarah nanopartikel emas. Seterusnya, penerangan berkaitan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan akan diterangkan oleh pengkaji. Perbincangan diteruskan dengan penerangan berkaitan manfaat serta implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Akhir sekali, bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan oleh pengkaji.

Bab keempat, pengkaji akan melakukan analisis berkaitan hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa. Huraian analisis memberi fokus kepada tiga elemen iaitu sumber bahan, tujuan dan manfaat serta implikasi penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Setelah menganalisis ketiga-tiga elemen ini, pengkaji membuat rumusan dan garis panduan hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa.

Bab kelima merupakan bab terakhir yang menjadi rumusan kepada keseluruhan kajian. Bab ini menyatakan rumusan dapatan sepanjang kajian dijalankan. Selain itu, beberapa cadangan serta saranan akan diberikan oleh pengkaji sebagai penambahbaikan bagi penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan juga makanan. Pengkaji turut membuat kesimpulan secara umum pada akhir bab ini.

BAB 2:

KEDUDUKAN EMAS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

2.1 Pengenalan

Bab dua merupakan penjelasan terhadap objektif membincangkan kedudukan emas dari perspektif hukum Islam. Perbincangan bab ini dimulakan dengan penjelasan berkaitan emas dan perhiasan menurut perspektif hukum Islam. Pengertian serta dalil berkaitan emas dan perhiasan dinyatakan pada bahagian ini. Seterusnya, perbincangan diteruskan dengan penjelasan berkaitan hukum penggunaan emas dan perhiasan menurut hukum Islam. Penjelasan hukum dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hukum penggunaan emas dan perhiasan yang diharuskan serta hukum penggunaan emas dan perhiasan yang diharamkan. Perbincangan bab dua diakhiri dengan kesimpulan oleh pengkaji.

2.2 Emas Menurut Perspektif Islam

Emas merupakan sejenis logam berharga mempunyai nilai yang tinggi berbanding logam lain serta mempunyai kedudukan yang istimewa.¹ Emas mempunyai pelbagai jenis ketulenan dan mutu yang berbeza mengikut kadar karat emas di mana semakin tinggi nilai karat semakin tinggi peratus ketulenan dan mutu emas. Karat merupakan pecahan ketulenan emas yang mempunyai 24 bahagian keseluruhannya dan merujuk kepada tahap ketulenan logam emas.² Berikut merupakan kategori emas bersama jumlah karat, peratus ketulenan dan contoh emas.

¹ Wan Fuad Wan Hassan, *Emas Ratu Segala Logam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), 23.

² Habib, "Apakah Beza Antara Emas 24K, 22K, 18K, 9K?" *laman sesawang Habib*, dikemaskini 12 Julai 2022, dicapai 7 Februari 2024, <https://www.habibjewels.com/apakah-beza-antara-emas-24k--22k--18k--9k-->

Kategori Emas	Jumlah Karat	Peratus Ketulenan	Contoh Emas
999	24K	99.9% emas tulen (tanpa campuran logam lain).	Jongkong emas, wafer, syiling
916	22K	91.66% emas tulen + 8.34% gabungan logam seperti tembaga, zink, nikel dan aloi lain.	Barang kemas seperti rantai leher, rantai tangan, gelang tangan, cincin, subang.
750	18K	75% emas emas tulen + 25% logam lain seperti tembaga, zink, nikel dan perak.	Emas disematkan dengan berlian atau batu permata.
375	9K	37.5% emas tulen + 62.5% logam lain seperti nikel, zink, paladium.	Emas digunakan dalam pelbagai jenis reka bentuk dengan berlian dan batu permata.

Jadual 2.1 : Kategori emas³

Secara umum, emas digunakan sebagai syiling, barang kemas dan hasil seni lain sejak zaman dahulu lagi⁴ serta merupakan salah satu daripada logam yang disebut oleh Allah SWT di beberapa tempat dalam al-Quran. Berikut merupakan pengertian emas dan dalil pensyariatan emas.

2.2.1 Pengertian Emas

Definisi atau pengertian merupakan pernyataan suatu istilah sama ada dalam bentuk perkataan, frasa atau kumpulan simbol lain. Definisi boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu dari sudut bahasa dan istilah.

³ *Ibid.*,

⁴ P.L. Nayak & Umesh Kumar Parida, "Biomedical Applications of Gold," 10.

Perkataan emas atau dalam bahasa Arabnya *āl-dhahab* (الذهب) dari segi bahasa bermaksud unsur logam, kepingan emas, syiling emas atau harta yang berwarna kuning keemasan.⁵ Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, emas dari sudut istilah bermaksud sejenis logam berharga berwarna kuning yang biasanya dijadikan perhiasan seperti cincin serta tinggi mutunya, mulia dan berharga.⁶ Adapaun emas dalam bahasa Inggeris disebut *gold* membawa beberapa maksud iaitu (1) *a yellow metallic element that occurs naturally in pure form and used especially in coins, jewellery, and electronics*, (2) *gold coins, gold piece, money, gold standard*, (3) *a variable colour averaging deep yellow*, (4) *something resembling gold or valued as the finest of its kind*, (5) *a medal awarded as the first prize in a competition such as a gold medal*.⁷

Asal kata *gold* merupakan serapan dari bahasa Jerman Kuno iaitu “*ghel*” yang beerti kuning atau bersinar. Secara kimia, emas adalah unsur kimia dengan simbol (Au) berasal dari bahasa latin iaitu Aurum yang bermaksud cahaya fajar. Selain itu, emas merupakan sejenis logam yang terdapat dalam jadual berkala⁸ kumpulan 1B dengan nombor atom 197.⁹ Emas boleh wujud dalam beberapa keadaan pengoksidaan iaitu -I, 0, I, II, III, IV dan V, namun hanya emas 0, I, dan III sahaja yang memiliki kestabilan dalam larutan berair.¹⁰ Sifat logam emas yang padat, lembut, berkilat, mudah ditempa dan mulur,¹¹ serta sifat konduktifnya yang sangat baik dan ketidakupayaannya untuk bertindak balas dengan air atau oksigen menjadikannya sangat berguna dalam kehidupan

⁵ Āhmad Šhawqī Daif et al., *āl Mu'jam āl-Wasit Edisi kelima* (āl-Qāherah: Maktabah āl-šyuruq āl-dawliyah, 2011), 328.

⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat, “Emas,” laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, dikemaskini 2017, diakses 27 Januari 2023, <https://prpm.dbp.gov.my/Caril?keyword=emas&d=128916&#LIHATSINI>

⁷ Merriam-Webster, “Gold,” laman sesawang *Dictionary Merriam Webster*, dikemaskini 2023, diakses 27 Januari 2023, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/gold>

⁸ Titik Taufikurohmah et al., “Activity Test of Nanogold for reduction of free Radicals a Pre-Assessment Utilization Nanogold in Pharmaceutical as Medicines and Cosmetics,” *Journal of Materials Science and Engineering* 2.12 (2012), 611.

⁹ Thakor A.S. et al., “Gold Nanoparticles: A Revival in Precious Metal Administration to Patients,” *Nano Letters* 11 (2011), 4030.

¹⁰ Fricker S.P., “Medical uses of Gold,” 55.

¹¹ Pradeep Thalappil, “Anshup: Noble metal nanoparticles for water purification: A critical review,” *Thin Solid Films* 517.24 (2009), 6441-6478.

manusia dari semasa ke semasa.¹² Rumusannya, emas merupakan sejenis logam berwarna kuning keemasan yang berharga dan terkenal digunakan secara semulajadi sama ada dalam bentuk tulen seperti syiling emas, kepingan emas, barang kemas dan medium pertukaran yang bernilai ataupun diambil manfaatnya dalam penghasilan sesuatu produk.

2.2.2 Dalil Penggunaan Emas

Emas merupakan salah satu daripada logam yang disebut oleh Allah SWT di beberapa tempat dalam al-Quran. Lafaz emas atau dalam bahasa Arabnya *āl-dhahab* disebut sebanyak lapan kali di dalam al-Quran di mana dua ayat dari surah Ali-Imran, dua ayat dari surah al-Zukhruf dan masing-masing satu ayat dari surah al-Taubah, surah al-Kahfi, surah al-Hajj, dan surah Fatir. Berikut merupakan ayat-ayat yang menyebut berkaitan emas di dalam al-Quran:

- i. Pertama, Allah SWT berfirman dalam surah Ali-Imran:

رُئِيَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ
الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَاَبِ ﴿١٤﴾

Surah Ali-Imran 3: 14

Terjemahan: Dihiasikan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).

Dalam ayat ini, Allah SWT menegaskan kecintaan manusia terhadap beberapa perkara dan kecintaan tersebut merupakan sesuatu yang semula jadi iaitu cinta terhadap

¹² P.L. Nayak & Umesh Kumar Parida, "Biomedical Applications of Gold," 10.

wanita, anak-anak serta harta kekayaan seperti emas dan perak.¹³ Allah SWT memulakan ayat ini dengan menyebut wanita kerana fitnah yang ditimbulkan wanita itu lebih berat. Seterusnya, kecintaan kepada anak dimaksudkan sebagai kebanggaan serta untuk memperbanyakkan keturunan manakala kecintaan terhadap harta benda bertujuan untuk dibangga-bangga, angkuh dan sombong kepada orang-orang lemah serta menindas orang-orang fakir.¹⁴ Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan perasaan cinta terhadap emas dan perak iaitu sebahagian daripada harta benda merupakan fitrah semula jadi manusia kerana kedua-duanya dapat memenuhi keperluan manusia sama seperti kaum wanita yang merupakan keperluan semula jadi kaum lelaki.

ii. Kedua, dalam surah Ali-Imran juga Allah SWT berfirman :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَحَدِهِمْ مِلْءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا
وَلَوْ افْتَدَى بِهِ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٩١﴾
Surah Ali-Imran 3:91

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang kafir, lalu mati sedang mereka tetap kafir, maka tidak sekali-kali akan diterima dari seseorang di antara mereka: emas sepenuh bumi, walaupun dia menebus dirinya dengan (emas yang sebanyak) itu. Mereka itu akan mendapat azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dan mereka pula tidak akan beroleh seorang penolong pun.

Berdasarkan ayat ini, Ibn Kathir dalam tafsirnya menyatakan barangsiapa meninggal dunia dalam keadaan kafir, maka tidak akan ada kebaikan darinya yang diterima oleh Allah SWT selamanya meskipun ia telah menginfakkan emas sepenuh isi bumi sebagaimana Nabi Muhammad SAW pernah ditanya mengenai ‘Abd Allah bin Ja’dan yang sentiasa menjamu tetamu, menolong orang yang memerlukan, dan memberi makan namun tidak ada manfaat ke atasnya di akhirat kerana dia tidak pernah memohon

¹³ Sayyid Ibrahīm Ḥussayn Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān* (Beirut: Lubnān, 1971), 549-551.

¹⁴ Abū al-Fidā’ ‘Imād ad-Dīn Ismā’īl ibn ‘Umar ibn Kathīr al-Qurashī al-Damishqī, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, (Riyād: Dār al-Salām, t.t.), 1:352.

keampunan terhadap Allah SWT.¹⁵ Ini beerti tidak ada sesuatupun yang dapat menyelamatkan diri dari siksa Allah meskipun dia telah menginfakkan emas sepenuh isi bumi.¹⁶ Begitu juga dengan pandangan al-Qutubi yang menyatakan tidak diterima dari seorang antara mereka yang kafir akan emas sepenuh bumi meski ianya disumbangkan walaupun dia menebus dirinya dengan emas sebanyak itu.¹⁷ Hal ini menunjukkan Allah SWT tidak menerima sebarang amal kebaikan yang dilakukan oleh orang-orang kafir meskipun mereka memiliki logam emas yang mulia dan menggunakannya ke arah kebaikan kerana mereka tidak beriman kepada Allah SWT.

iii. Ketiga, firman Allah SWT dalam surah al-Taubah :

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾
Surah al-Taubah 9:34

Terjemahan: Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, (bahawa mereka akan mendapat) seksa yang pedih.

Ayat ini menggambarkan kesiksaan yang dialami mereka di akhirat kerana kesalahan menyimpan harta kekayaan serta menyimpan emas dan perak tanpa membelanjakannya di jalan Allah SWT. Harta yang dikumpul dan disimpan itu memang menyeronokkan namun berubah menjadi suatu penyeksaan yang amat pedih di akhirat kelak.¹⁸ Menurut Ibn Kathir, barangsiapa yang mencintai harta lebih daripada mencintai Allah SWT, nescaya ia akan diseksa dengan harta tersebut sebagaimana Abu Lahab yang selalu memusuhi Rasulullah SAW sementara si isteri membantunya, maka pada hari akhirat isteri tersebut akan menjadi seksa baginya.¹⁹ Seorang Arab Badwi pernah

¹⁵ *Ibid*, 381.

¹⁶ *Ibid*.,

¹⁷ Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubi)*, (Dār al-Kitāb al-‘Arabī: Kāherah, 1993), 4:85.

¹⁸ Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, 627-628.

¹⁹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 2:351-353.

bertanya kepada Ibnu ‘Umar r.a, apakah yang dimaksudkan dengan ayat ini, maka jawab Ibnu Umar r.a, “Barangsiapa menyimpan emas dan perak namun tidak menunaikan zakatnya, maka celakalah baginya. Ini sebelum turun perintah zakat, setelah perintah zakat turun, Allah SWT menjadikan zakat sebagai pencuci harta”.²⁰ Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan bahawa harta kekayaan seperti emas merupakan ujian Allah SWT terhadap hambaNya di mana harta tersebut perlulah dibelanjakan di jalan Allah dan boleh disucikan melalui pembayaran zakat.

iv. Keempat, firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi :

أُولَئِكَ لَهُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُجْلُونَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ
مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَكَئِينَ فِيهَا عَلَى
الْأَرَائِكِ نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

Surah al-Kahfi 18:31

Terjemahan: Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiasan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau dari sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat di dalamnya dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah Syurga tempat berehat yang semolek-moleknya.

Ibn Kathir menyatakan setelah Allah SWT menceritakan keadaan orang yang celaka, lalu Allah SWT menceritakan keadaan orang-orang yang bahagia iaitu dalam kalangan orang beriman dan beramal soleh di mana mereka akan dimasukkan ke dalam syurga ‘Adn yang mengalir sungai di bawah bilik-bilik dan rumah-rumah mereka serta mereka dihiasi dengan perhiasan gelang-gelang emas dan mutiara lalu dipakaikan ke atas mereka pakaian daripada sutera.²¹ Said bin Jubair berkata *asāwir* adalah bentuk jamak dari *siwār* iaitu gelang, di mana setiap daripada mereka mempunyai tiga bentuk gelang

²⁰ al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubī)*, 8:122-123.

²¹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 3:84.

yang diperbuat daripada emas, intan dan mutiara.²² Ibn ‘Aziz pula berkata *asāwir* adalah jamak *aswirah* dan *aswirah* adalah jamak dari *siwār* dan *suwār* iaitu perhiasan yang dikenakan di tangan yang diperbuat dari emas di dalam syurga.²³

v. Kelima, Allah SWT berfirman dalam surah al-Hajj :

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ يُجْلُونَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ

﴿٢٣﴾

Surah al-Hajj 22:23

Terjemahan: Sesungguhnya Allah memasukkan orang-orang beriman dan mengerjakan amal yang soleh ke dalam syurga-syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai. Di syurga itu mereka diberi perhiasan dengan gelang-gelang dari emas dan mutiara, dan pakaian mereka adalah sutera.

Dalam ayat ini, Allah SWT menyebutkan keadaan penghuni syurga di mana air sungai mengalir menembus pada naungannya, sisi-sisi dan pinggirnya serta di bawah pohon-pohon dan istana-istananya yang dapat diarahkan ke mana sahaja menurut apa yang mereka kehendaki. Mereka diberi perhiasan berupa gelang-gelang emas di tangan mereka,²⁴ dan pakaian ahli syurga berbeza dengan ahli neraka di mana pakaian mereka tidak dipotong dari kain api neraka malah dipotong dari sutera.²⁵ Para ahli tafsir berkata bahawa para raja mengenakan gelang dan mahkota sewaktu berada di dunia, maka Allah SWT menetapkan hal itu untuk penduduk di syurga dan tidak ada seorang pun dari penduduk syurga terkecuali di tangannya tiga gelang yang diperbuat dari emas, perak dan mutiara.²⁶ Ayat ini sama seperti ayat yang diceritakan sebelum ini di mana Allah menceritakan kenikmatan yang diperoleh di syurga di mana mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang emas, perak dan mutiara serta dipakaikan dengan pakaian yang diperbuat daripada sutera.

²² al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubī)*, 10: 257.

²³ *Ibid*, 258.

²⁴ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 3: 214-216.

²⁵ Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 5: 588-589.

²⁶ al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubī)*, 12: 20-21.

vi. Keenam, firman Allah SWT dalam surah Fatir :

جَنَّاتٍ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ

فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾

Surah Fatir 35:33

Terjemahan: (Bagi mereka) Syurga 'Adn mereka masuk ke dalamnya, di dalamnya mereka diberi perhiasan dengan gelang-gelang dari emas, dan dengan mutiara, dan pakaian mereka di dalamnya adalah sutera.

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT memberitahu bahawa orang-orang yang terpilih di antara hamba-hambanya yang mewarisi kitab yang diturunkan olehNya akan dimasukkan ke dalam Syurga 'Adn di akhirat kelak dimana merupakan tempat kembali dan datangnya mereka kepada Allah SWT.²⁷ Di dalam syurga tersebut, mereka diberikan perhiasan berupa gelang-gelang emas dan mutiara. Selain itu, mereka juga dipakaikan dengan pakaian yang diperbuat daripada sutera yang mana diharamkan keatas mereka sewaktu di dunia, namun dihalalkan ketika didalam syurga.²⁸ Itulah kenikmatan dalam bentuk benda yang dapat memenuhi keinginan sesetengah orang sewaktu di dunia yang diperoleh sewaktu di akhirat. Ketiga-tiga ayat ini menceritakan perihal nikmat yang terdapat di syurga ke atas orang yang beriman lagi beramal soleh sewaktu di dunia yang berupa sungai yang mengalir dibawah kediaman mereka, pakaian yang diperbuat daripada sutera dan gelang-gelang yang diperbuat daripada emas, perak dan mutiara.

vii. Ketujuh, Allah SWT berfirman dalam surah al-Zukhruf :

فَلَوْلَا أُلْقِيَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّنْ ذَهَبٍ أَوْ جَاء مَعَهُ الْمَلَائِكَةُ مُقَرَّرِينَ ﴿٥٣﴾

Surah al-Zukhruf 43: 53

Terjemahan: Terjemahan: "(Kalau betul ia seorang Rasul) maka sepatutnya ia dipakaikan (oleh Tuhannya) gelang-gelang emas (yang menandakan ia seorang pemimpin), atau datang malaikat bersama-sama dengannya (sebagai saksi tentang kebenarannya)?

²⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 3: 558.

²⁸ *Ibid*, 559.

Dalam ayat ini, Allah SWT menerangkan perilaku orang kafir yang terlalu memandang keduniaan sehingga menjadikan emas sebagai alat mengukur kedudukan sesama mereka. Ibn ‘Abbas, Qatadah dan ulama lain menyatakan *aswirātun min dhahabin* bermaksud perhiasan diperbuat dari emas yang dipakai di tangan.²⁹ Menurut Mujahid, apabila mereka memakaikan gelang kepada seseorang, mereka memakaikan dua gelang kepada orang itu, dan mereka mengalungnya dengan dua kalung emas sebagai tanda kebesarannya.³⁰ Mereka melakukan sedemikian kerana kebiasaan yang berlaku pada saat itu adalah memakaikan perhiasan emas kepada orang-orang mulia sebagai tanda kebesaran. Oleh sebab itu, Firaun mempersoalkan mengapa tuhan Musa a.s tidak memakaikan gelang emas kepada Nabi Musa a.s jika dia adalah orang yang benar.³¹ Hal ini telah menyebabkan rakyat yang dungu percaya Firaun yang memiliki kerajaan Mesir dan sungai-sungai yang mengalir di bawah istananya adalah lebih baik dari Musa a.s yang hanya memiliki kalimat yang benar, pangkat kenabian dan dakwah untuk menyelamatkan manusia dari azab yang pedih.³² Dalam ayat ini dapat kita lihat emas menjadi medium yang sangat bernilai dalam menentukan kedudukan seseorang kerana emas menjadi adat dan tradisi mereka supaya menjadi raja yang berkuasa.

viii. Kelapan, Allah SWT berfirman dalam surah al-Zukhruf :

يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِصِخَافٍ مِّنْ ذَهَبٍ وَأَكْوَابٍ وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ الْأَنفُسُ
وَتَلَذُّ الْأَعْيُنُ وَأَنْتُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٧١﴾

Surah al-Zukhruf 43:71

Terjemahan: Diedarkan kepada mereka pinggan-pinggan besar dan piala-piala dari emas; dan di dalam Syurga itu pula disediakan segala yang diinginkan oleh nafsu serta di pandang indah.

²⁹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 4: 131.

³⁰ al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubī)*, 16 : 67

³¹ *Ibid.*,

³² Sayyīd Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 339-340

Dalam ayat ini Allah mengkhabarkan berita gembira kepada hamba-hambanya yang beriman, taat dan patuh pada perintahNya sewaktu berada di dunia dengan nikmat syurga iaitu pinggan-pinggan makanan dan piala-piala yang diperbuat dari emas, dan di sana mereka memperoleh segala apa yang menjadi keinginan hati berupa kelazatan dan kenikmatan mata memandang.³³ Al-Mu'tamar bin Sulaiman berkata dari ayahnya bahawa tidak ada seorang pun yang tidak terkejut dengan keadaan ketika manusia dibangkitkan pada hari kiamat, dan keatas orang-orang yang beriman masuklah mereka ke dalam syurga bersama isteri dan anak-anak lalu bersenang-senang dan bergembira serta diedarkan kepada mereka piring-piring dan bejana yang diperbuat daripada emas.³⁴ Para *mufasssir* berkata orang yang darjatnya paling rendah di dalam syurga akan dikelilingi oleh tujuh puluh ribu orang anak yang membawa tujuh puluh ribu piring emas sementara orang yang darjatnya paling tinggi di dalam syurga, mereka akan dikelilingi oleh tujuh ratus ribu orang anak di mana setiap anak membawa satu piring emas yang berisi jenis makanan yang berbeza dalam setiap piring untuk makan pagi dan petang.³⁵ Ayat ini menceritakan antara nikmat syurga yang diperoleh oleh orang yang beriman dan beramal soleh di akhirat kelak adalah makan dalam pinggan, bejana dan piala yang diperbuat daripada emas di mana perkara tersebut adalah diharamkan ke atas manusia sewaktu di dunia.

Berdasarkan lapan ayat al-Quran yang dinyatakan, emas merupakan suatu logam yang menjadi kecintaan terhadap manusia dan merupakan fitrah semulajadi seperti yang dijelaskan dalam surah al-Imran ayat 14. Seterusnya, logam emas juga diletakkan pada kedudukan yang tinggi sehingga dijadikan alat sebagai mengukur kedudukan antara mereka seperti yang dinyatakan dalam surah al-Zukhruf ayat 53. Oleh sebab pandangan manusia yang tinggi terhadap emas, maka Allah SWT telah mengangkat kedudukannya

³³ *Ibid*, 351-352.

³⁴ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 4: 134-135.

³⁵ al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubī)*, 16: 74-76.

ke tahap yang lebih tinggi sehingga dijadikan antara medium untuk menceritakan kemewahan dan nikmat yang terdapat dalam syurga. Hal ini telah dinyatakan dalam surah al-Kahf ayat 31, al-Hajj ayat 23, Fatir ayat 33 dan al-Zukhruf ayat 71. Akhir sekali, disebalik kecintaan manusia terhadap logam emas ini dan kedudukan emas yang tinggi di mata mereka, pada hakikatnya emas merupakan ujian Allah SWT buat hambanya seperti yang dinyatakan dalam surah Ali-Imran ayat 91 dan al-Taubah ayat 34.

2.3 Perhiasan Menurut Perspektif Islam

Berhias diri bagi golongan wanita mahupun lelaki merupakan fitrah semula jadi di dalam diri dan dibenarkan dalam Islam selagi mana tidak melanggar etika perhiasan yang ditetapkan. Bahkan, Islam juga menggalakkan umatnya berbuat demikian bagi menambahkan keserian dan keceriaan dalam kehidupan mereka. Berikut merupakan pengertian perhiasan dari segi bahasa dan istilah beserta dalil pensyariatan perhiasan.

2.3.1 Pengertian Perhiasan

Perhiasan atau dalam perkataan Arabnya *al-zinah* dari segi bahasa membawa maksud sesuatu yang baik dan cantik atau sesuatu yang digunakan sebagai perhiasan.³⁶ Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, perhiasan merupakan sesuatu yang digunakan untuk berhias atau menghias³⁷ adapun dalam bahasa Inggeris perhiasan disebut sebagai *jewellery* iaitu objek hiasan yang dipakai pada pakaian atau badan yang kebiasaannya diperbuat daripada logam berharga seperti emas, perak dan batu permata.³⁸

³⁶ Āḥmad Ṣhawqī Daif et al., *āl Mu'jam āl-Wasit*, 426.

³⁷ Kamus Dewan Edisi 4, "Perhiasan," laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, dikemaskini 2017, diakses 27 Januari 2023, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perhiasan>

³⁸ Cambridge Dictionary, "Jewellery," laman sesawang *Cambridge University Press & Assessment*, dikemaskini 2023, diakses 27 Januari 2023, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/jewellery>

Dari segi istilah, al-Zamakhsharī dan al-Alūsī ketika membincangkan maksud perhiasan berpendapat bahawa perhiasan membawa maksud pakaian serta sesuatu yang digunakan untuk kecantikan atau mencantikkan seseorang.³⁹ Sementara Imam al-Rāzī pula menyatakan bahawa terdapat dua pendapat mengenai maksud perhiasan iaitu pakaian yang menutup aurat dan semua jenis atau bentuk perhiasan termasuk cara-cara menyuci badan, pemakaian barang-barang kemas dan sebagainya.⁴⁰ Menurut Imam al-Rāzī lagi, semua jenis perhiasan itu diharuskan oleh syarak kecuali perhiasan-perhiasan yang dinyatakan secara khusus oleh syarak tentang larangan serta pengharaman penggunaannya.⁴¹ Oleh itu, perhiasan merupakan suatu medium atau peralatan yang digunakan oleh seseorang individu untuk menghias dan mencantikkan diri atau sesuatu yang dipakai oleh seseorang untuk menghias diri seperti pakaian dan peralatan lain yang dihalalkan untuk menghiasi dirinya yang terdiri daripada emas, perak, mutiara, permata dan seumpamanya.

2.3.2 Dalil Penggunaan Perhiasan

Berhias diri bagi golongan wanita mahupun lelaki merupakan fitrah semula jadi dalam diri seseorang dan dibenarkan dalam Islam selagi mana tidak melanggar hukum perhiasan yang ditetapkan. Bahkan, Islam juga menggalakkan umatnya berbuat demikian bagi menambahkan keserian dan keceriaan dalam kehidupan seharian. Hukum dasar dalam berhias adalah dibolehkan sama ada perhiasan itu dipakai sebagai baju, pada wajah, tubuh, mahupun tempat-tempat tertentu. Terdapat beberapa ayat yang menyebut berkaitan perhiasan di dalam al-Quran antaranya:

³⁹ Abū al-Qāsim Maḥmūd ibn ‘Umar al-Zamakhsharī, *Tafsir al-Kaṣhāf: ‘an Ḥaqā’iq at-Tanzil wa ‘Uyuni al-‘Aqāwil fī Wujūh at-Tta’wīl*, (Beirut : Dār al-Ma’rifāt, 2005), 2:101, lihat juga Abū al-Thanā’ Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd ibn ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Alūsī al-Baghdādī, *Rūḥ al-ma’ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm wa Sab’u al-mathānī*, (Beirut : Idārat al-Tibā’ah al-Muniriyyah, t.t), 8: 111.

⁴⁰ Fakhr al-Dīn Muḥammad ibn ‘Umar al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, (al-Qāherah: al-Maṭba’ah al-Bahiyah al-Miṣriyyah, t.t), 7:51.

⁴¹ *Ibid.*

- i. Galakan umat Islam untuk berhias

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾ قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

Surah al-A'raf 7: 13-32

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan sembahyang). Katakanlah (Muhammad), “Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah disediakan untuk hamba-hamba-Nya dan rezeki yang baik-baik?” Katakanlah, “Semua itu untuk orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia, dan (khusus untuk mereka saja) pada hari kiamat. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat itu untuk orang-orang yang mengetahui.

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT menyeru umatnya agar memakai pakaian yang merupakan perhiasan diri ketika melakukan ibadat termasuklah ketika di dalam masjid lebih-lebih lagi di tempat melakukan tawaf.⁴² Seterusnya, dalam ayat ini Allah SWT berfirman lagi sebagai bantahan terhadap orang-orang yang mengharamkan makanan, minuman atau pakaian berdasarkan pendapat mereka sendiri bukan berdasarkan syariat Allah SWT. Hal ini kerana masyarakat jahiliah telah mengharamkan memakai pakaian ketika mengerjakan tawaf, sedangkan Allah SWT tidak pernah mengharamkannya.⁴³ Adapun menurut al-Qurtubī yang dimaksudkan dengan perhiasan dalam ayat di atas adalah hiasan ketika mengerjakan solat seperti alas pada kaki.⁴⁴ Dalam sebuah hadith sahih disebutkan:

إن الله جميل ويحب الجمال

Terjemahan: Sesungguhnya Allah itu cantik dan amat sukakan kecantikan.⁴⁵

⁴² Sayyīd Qutb, *Fī Zilāl al-Qurʾān*, 8: 50-52.

⁴³ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurʾān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 3: 371-374.

⁴⁴ al-Qurtubī, *Al-Jāmiʿ li Ahkām al-Qurʾān (Tafsīr Qurtubī)*, 7: 452.

⁴⁵ Abū al-Husāyn Muslim bin al-Hajjāj, “*Sahīh Muslim*”, dalam *Māwsūʿā al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin Aʿbd al-Aziz al-Šhāykh (Riyād: Dār āl-Salām, 2008), 693 (Kitāb al-Imān, bāb tahrīm al-kibrī wa bayānihi, no. ḥadīth 265).

Hadith di atas menunjukkan galakan ke atas umat Islam untuk berhias bagi tujuan memperindah dan mempercantikkan diri. Oleh itu, tidak salah ke atas umat Islam untuk memakai perhiasan sebagaimana Rasulullah SAW turut memakai pakaian yang cantik serta bersih dan kadangkala mahal yang telah diterimanya sebagai hadiah. Sesungguhnya di akhirat kelak, Allah SWT telah menyediakan perhiasan di syurga buat orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta taat melakukan ibadah kepada Allah SWT ketika berada di dunia.

ii. Dunia sebagai perhiasan

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَهَوٌّ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ
كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا وَفِي الْآخِرَةِ
عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿٢٠﴾

Surah Al-Hadid 57: 20

Terjemahan: Ketahuilah, sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurauan, perhiasan dan saling berbangga di antara kamu serta berlumba dalam kekayaan dan anak keturunan, seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani; kemudian (tanaman) itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur. Dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan ampunan dari Allah serta keridhaan-Nya. Dan kehidupan dunia tidak lain hanyalah kesenangan yang palsu.

Dalam ayat ini Allah SWT menyatakan sesungguhnya kehidupan di dunia ibarat tempat permainan manusia jika dibandingkan dengan kebesaran kehidupan di akhirat di mana berakhirnya kesudahan untung nasib manusia setelah selesai sandiwara hidup di dunia yang berupa permainan, hiburan, sifat berbangga-bangga, berlumba-lumba, memperbanyakkan harta dan anak di mana kesemuanya merupakan kehidupan yang penuh dengan kesibukan dan kesungguhan.⁴⁶ Perkataan *al-zinah* dalam ayat ini bermaksud sesuatu yang digunakan untuk menghias tubuh, iaitu untuk menghias diri

⁴⁶ Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 27: 307-308.

bukan dengan maksud untuk taat kepada Allah seperti yang dilakukan oleh orang-orang kafir di mana mereka selalu menghias diri mereka dengan keduniaan.⁴⁷ Allah SWT memberikan perumpamaan bahawa kehidupan di dunia seperti bunga yang akan hancur dan nikmat yang pasti hilang serta merupakan kesenangan yang fana yang menipu siapa sahaja yang cenderung kepadanya.⁴⁸ Perkara ini turut dinyatakan dalam surah al-Kahfi:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾
Surah Al-Kahfi 18: 7

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang di bumi sebagai perhiasan baginya, untuk Kami menguji mereka, siapakah di antaranya yang terbaik perbuatannya

Dalam ayat ini, Allah SWT memberitahu sesungguhnya Allah SWT telah menjadikan dunia ini sebagai alam fana' yang dihiasi dengan hiasan-hiasan yang tidak kekal abadi. Allah SWT menjadikan dunia ini sebagai tempat ujian dan bukan tempat untuk menetap. Selanjutnya Allah mengkhabarkan perihal kelenyapan, kefana'an, keberakhiran dan kehancuran perhiasan dunia tersebut.⁴⁹ Sesungguhnya kenikmatan dunia tidak kekal abadi kerana asas kewujudannya diambil dari sifat kehidupan dunia yang memperdaya manusia. Kesemua nikmat-nikmat yang terdapat di dunia merupakan perhiasan sementara yang dicipta oleh Allah SWT buat hambanya bagi menguji perbuatan manusia sewaktu berada di dunia.

iii. Sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْصُمْنَ مِنْ أَنْبَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءُ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاؤُ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ

⁴⁷ al-Qurtubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubī)*, 18: 65.

⁴⁸ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 8: 59.

⁴⁹ *Ibid*, 5: 232.

يُظْهِرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Surah An-Nur 24: 31

Terjemahan: Dan katakanlah kepada para perempuan yang beriman agar mereka menjaga pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali yang (biasa) terlihat. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kerudung kedadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau para perempuan (sesama Islam) mereka, atau hamba sahaya yang mereka miliki, atau para pelayan laki-laki (tua) yang tidak mempunyai keinginan (terhadap perempuan), atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, agar kamu beruntung.

Ayat ini merupakan perintah Allah SWT ke atas golongan wanita yang beriman untuk menyembunyikan perhiasan badan mereka bagi membezakan mereka dengan sifat wanita jahiliyah dan wanita musyrikah.⁵⁰ Perhiasan itu halal bagi perempuan untuk memenuhi keinginan semulajadinya di mana perhiasan terbahagi kepada dua bahagian iaitu *khilqiyyah* dan *muktasabah*. Perhiasan *khilqiyyah* adalah bahagian wajah seseorang perempuan adapun perhiasan *muktasabah* merupakan sesuatu yang dilakukan oleh seorang perempuan untuk memperbaiki rupa atau penampilannya.⁵¹ Setiap perempuan ingin menjadi cantik dan dipandang cantik. Walaupun perhiasan itu berbeza mengikut peredaran zaman, namun asas perhiasan itu adalah sama sahaja bagi fitrah setiap wanita iaitu menyempurnakan sifat-sifat kejelitaan dan menunjukkannya kepada lelaki. Islam tidak menentang keinginan ini, akan tetapi Islam mengatur dan mengawalinya dengan cara memerintahkan berhias kepada arah yang betul iaitu kepada suami dan mahramnya

⁵⁰ *Ibid*, 6: 43.

⁵¹ al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān (Taḥsīn Qurṭubī)*, 12: 579.

sahaja.⁵² Oleh sebab itu, wanita tidak boleh mempamerkan perhiasan mereka kepada lelaki yang bukan mahram kecuali perhiasan yang tidak mungkin disembunyikan seperti yang ternampak pada tangan dan muka.

iv. Sebaik-baik perhiasan adalah takwa

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوْآتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَى
ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

Surah Al-A'raf 7: 26

Terjemahan: Wahai anak cucu Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi auratmu dan untuk perhiasan bagimu. Tetapi pakaian takwa, itulah yang lebih baik. Demikianlah sebahagian tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka ingat.

Dalam ayat ini, Allah SWT menyebut dengan seruannya tentang nikmat kepada manusia iaitu nikmat pakaian yang menutup aurat yang terbuka.⁵³ Dengan pakaian tersebut, ia menjadi perhiasan yang cantik menggantikan perbuatan tidak menutup aurat yang keji. Seruan ini dibuat bagi menghadapi kaum musyrikin Arab yang jahil ketika itu di mana mereka melakukan tawaf dalam keadaan bogel tanpa sebarang pakaian.⁵⁴ Perkataan *al-libās* dalam ayat ini membawa maksud penutup aurat manakala *al-riyāṣh* bererti sesuatu yang digunakan untuk menghiasi diri. Jadi pakaian merupakan sesuatu yang primer sedangkan perhiasan merupakan sesuatu pelengkap dan tambahan semata. Seterusnya, dalam ayat ini Allah menyebut tentang pakaian takwa yang disifatkan sebagai pakaian yang paling baik. Para ahli tafsir berbeza pendapat mengenai makna kalimat *libās al-taqwa* dimana menurut Ibn Abī Ḥātim ia membawa maksud pakaian yang dipakai oleh orang yang bertakwa di akhirat kelak, sedangkan Zaid bin Alī As Suddi, Qotādah dan Ibn Juraij mengatakan maksud *libās al-taqwa* adalah iman. Al-‘Auḍī mengatakan dari Ibn Abbās menyatakan perkataan *libās al-taqwa* membawa maksud amal soleh, sementara Al-Diyāl bin ‘Amr dari Ibn Abbās menyatakan ia adalah keceriaan pada wajah. Adapun

⁵² Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, 18: 103-106.

⁵³ al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān (Tafsīr Qurṭubi)*, 7:433.

⁵⁴ Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, 8: 42-43.

menurut ‘Urwah bin Al-Zubair menyatakan *al-libās at-taqwa* adalah takut kepada Allah begitu juga ‘Abd al-Rahmān bin Zaid bin Aslām menyatakan ia membawa maksud merasa takut kepada Allah, lalu dia menutupi auratnya.⁵⁵ Hal ini menunjukkan perhiasan dan takwa mempunyai hubungan yang rapat dan saling merangkumi antara satu sama lain dimana semua pengertian yang dinyatakan saling berkaitan dan sebaik-baik perhiasan adalah takwa.

Berdasarkan ayat al-Quran berkaitan perhiasan yang telah dinyatakan di atas, pengkaji membuat kesimpulan sesungguhnya Allah SWT memberi galakan ke atas hambanya untuk berhias dan mempercantikkan diri terutamanya ketika ingin mengerjakan ibadah kepada Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam surah al-A’raf ayat 31 dan 32. Seterusnya, Allah menegaskan dalam surah al-Hadid ayat 20 dan surah al-Kahfi ayat 7 bahawa sesungguhnya kenikmatan yang terdapat di dunia merupakan perhiasan sementara yang dicipta oleh Allah SWT buat hambaNya bagi menguji perbuatan mereka sewaktu berada di dunia. Sebaik-baik perhiasan itu adalah wanita solehah di mana mereka menyembunyikan perhiasan yang terdapat pada badan mereka daripada lelaki yang bukan mahram bagi membezakan mereka dengan sifat wanita jahiliyah dan wanita musyrikah. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan dalam surah al-Nur ayat 31. Akhir sekali, sesungguhnya takwa kepada Allah itu merupakan sebaik-baik perhiasan di mana takwa di sini membawa pelbagai maksud seperti pakaian yang dipakai oleh orang yang bertakwa di akhirat kelak, iman, amal soleh, keceriaan pada wajah, dan takut kepada Allah lalu dia menutupi auratnya seperti yang dinyatakan dalam surah al-A’raf ayat 26.

⁵⁵ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, 3: 364-365.

2.4 Penggunaan Emas Dan Perhiasan Menurut Hukum Islam

Perbincangan mengenai hukum penggunaan emas dan perhiasan telah dibincangkan secara jelas dalam penulisan para ulama' dan fuqaha' terdahulu di mana huraian yang dinyatakan dalam penulisan mereka tidaklah begitu berbeza antara satu sama lain. Berdasarkan penghuraian tersebut, secara umumnya dapat difahami bahawa hukum penggunaan emas dan perhiasan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu penggunaan emas dan perhiasan yang diharuskan serta penggunaan emas dan perhiasan yang diharamkan.

2.4.1 Emas Dan Perhiasan Yang Diharuskan

Perbincangan dimulakan dengan penjelasan berkaitan hukum penggunaan emas dan perhiasan yang diharuskan dalam Islam. Berdasarkan pandangan para fuqaha', mereka telah berijmak hukum penggunaan emas dan perhiasan adalah diharuskan ke atas wanita.⁵⁶ Keharusan tersebut tidak dikhususkan terhadap perhiasan emas sahaja, malah perhiasan yang diperbuat daripada perak, permata, mutiara dan seumpamanya juga diharuskan penggunaannya. Keharusan ini merujuk kepada riwayat Imam Mālik menerusi *āl-Muwaṭṭa'* di dalam bab *mā yukrah min al-takḥattum bi āl-ḍhahab* yang menyatakan:

فاما النساء فلا بأس بتختم الذهب لهن

Terjemahan: Adapun bagi perempuan maka tidak mengapa berhias dengan cincin yang diperbuat daripada emas.⁵⁷

Berdasarkan riwayat tersebut, jelas menunjukkan perhiasan yang diperbuat daripada emas adalah dibenarkan ke atas golongan wanita. Selain itu, pernyataan yang sama juga turut dinyatakan oleh ulama' lain seperti Ibn Qudāmah menerusi *al-Mughnī*,

⁵⁶ 'Abd al-Karīm Zaydān, *āl-Mufaṣṣsol fi āl-āḥkām āl-Mar'āh*, 3:349, lihat juga Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmi*, 3:547.

⁵⁷ Mālik bin Anas, *āl-Muwaṭṭa'*, 3:375-376.

dan al-Imam al-Nawāwī di dalam *Rawḍat al-Ṭālibīn* yang menyatakan keharusan penggunaan perhiasan emas ke atas golongan wanita.⁵⁸ Sedikit perbezaan yang dinyatakan oleh Ibn Qudāmah dan al-Imam al-Nawāwī adalah keharusan penggunaan perhiasan emas ke atas wanita bukanlah secara mutlak. Hal ini kerana sekiranya penggunaan emas dan perhiasan tersebut digunakan secara berlebih-lebihan dan melampaui batas sehingga berlaku pembaziran, maka hukum penggunaan perhiasan emas tersebut bertukar menjadi haram.⁵⁹

Seterusnya, antara dalil yang menjadi sandaran dan hujah bagi keharusan penggunaan emas dan perhiasan ke atas wanita adalah berdasarkan firman Allah SWT:

أَوْ مَن يُنَشِّأُ فِي الْحِلْيَةِ وَهُوَ فِي الْخِصَامِ غَيْرُ مُبِينٍ ﴿١٨﴾
Surah az-Zukhruf 43:18

Terjemahan: Dan apakah patut (menjadi anak Allah) orang yang dibesarkan dalam keadaan berperhiasan sedang dia tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertengkaran.

Berdasarkan ayat ini, al-Qurṭubī dalam *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* menyebutkan bahawa perhiasan merupakan kesempurnaan bagi seorang wanita. Beliau turut menukilkkan kata-kata Imam Mujahid yang menyebutkan *rukḥas al-nisā' fi āl-dhahab wa al-ḥarīr* yang bermaksud diberi keringanan ke atas wanita itu emas dan sutera. Beliau juga menyatakan bahawa ayat ini merupakan dalil bagi keharusan penggunaan emas dan perhiasan serta sutera ke atas golongan wanita.⁶⁰ Ibn Kathīr menerusi tafsirnya juga menyebut bahawa wanita itu memiliki kekurangan dari segi zahir dan batin dimana dari segi zahirnya, kekurangan tersebut dapat disempurnakan dengan memakai perhiasan. Dalam penulisannya juga, beliau turut menukilkkan kata-kata seorang penyair Arab:

وما الحلي إلا زينة من نقيصة يتم من حسن إذا الحسن قصرا
وأما إذا كان الجمال موفرا كحسنك لم يجتج إلا أن يزورا

⁵⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* 4:224, lihat juga Al-Nawāwī, *Rawḍat al-Ṭālibīn* 1:444.

⁵⁹ *Ibid.*,

⁶⁰ al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, 19:20.

Terjemahan: Perhiasan tidak lain kecuali hiasan kekurangan untuk menyempurnakan keindahan jika keindahan berkurang. Akan tetapi, jika keindahan itu mencukupi seperti keindahanmu, nescaya tidaklah perlu dihiasi.⁶¹

Menurut syair di atas, jelas menunjukkan bahawa perhiasan digunakan bagi menutup kekurangan zahir yang dimiliki oleh seorang wanita. Selain daripada ayat diatas, antara hadis Rasulullah SAW yang mempunyai kaitan dalam keharusan penggunaan emas dan perhiasan terhadap wanita ialah:

Daripada Abu Musa, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَحَلَّ لِلنَّاتِ أُمِّي الْحَرِيرِ وَالذَّهَبَ وَحَرَّمَ عَلَى ذُكُورِهَا

Terjemahan: Allah menghalalkan sutera dan emas bagi kaum wanita dari umatku, dan mengharamkannya dari yang laki-laki.⁶²

Berdasarkan hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menghalalkan perhiasan emas dan sutera ke atas golongan wanita namun mengharamkan perhiasan emas dan sutera ke atas golongan lelaki. Oleh itu, berdasarkan pernyataan yang telah dikemukakan di atas jelas menunjukkan penggunaan emas dan perhiasan adalah diharuskan ke atas wanita. Penggunaan perhiasan tersebut bukan khusus untuk emas sahaja, malah penggunaan perak, mutiara, berlian, sutera dan seumpamanya juga adalah dibenarkan ke atas wanita. Hal ini adalah bagi tujuan menambahkan keserian, keindahan dan menutup kekurangan zahir yang terdapat pada diri seorang wanita serta mencantikkan diri di hadapan suami.

⁶¹ Ibn Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, 4:2535.

⁶² Abū ‘Abd al-Rahman Aḥmad bin Alī bin Šyu’aib bin Alī bin Sinān bin Baḥr al-Kḥurāsānī al-Nasā’i, “Sunan al-Nasā’i al-Sughra”, dalam *Māwsū’at al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin ‘Abd al-Aziz al-Šhāykh (Riyāḍ: Dār āl-Salām, 2008), 2424 (Kitāb al-Zinah, bāb Taḥrīm labsi al-ḍahab, no. ḥadīth 5267).

2.4.2 Emas Dan Perhiasan Yang Diharamkan

Penggunaan emas dan perhiasan dari perspektif hukum Islam adalah diharuskan dan dibenarkan hanya ke atas golongan wanita dengan syarat tidak berlebih-lebihan dan melampaui batas. Adapun bagi golongan lelaki, penggunaan perhiasan emas adalah diharamkan⁶³ kerana sifat perhiasan emas hanya dikhususkan ke atas golongan wanita.⁶⁴

Pengharaman ini adalah jelas merujuk kepada nas-nas berikut:

Daripada Abū Hurairah r.a, bahawa Rasūlullah SAW bersabda:

أَنَّهُ نَهَى عَنْ خَاتَمِ الذَّهَبِ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi SAW melarang (lelaki) daripada memakai cincin emas.⁶⁵

Daripada Barra' bin 'Azib r.a berkata:

نَهَانَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ سَبْعِ نَهَانَا عَنْ خَاتَمِ الذَّهَبِ أَوْ قَالَ حَلَقَةِ الذَّهَبِ وَعَنْ الْحَرِيرِ وَالْإِسْتَبْرَقِ وَالْدِّيْبَاجِ وَالْمِشْرَةَ الْحُمْرَاءِ وَالْقَسِيَّ وَأَنِةَ الْفِضَّةِ وَأَمَرَنَا بِسَبْعِ بَعَادَةِ الْمَرِيضِ وَاتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ وَتَشْمِيتِ الْعَاطِسِ وَرَدِّ السَّلَامِ وَإِجَابَةِ الدَّاعِي وَإِبرَارِ الْمُقْسِمِ وَنَصْرِ الْمَظْلُومِ

Terjemahan: Nabi SAW melarang kami tujuh perkara yaitu melarang mengenakan cincin dari emas atau kalung dari emas, memakai kain sutera, istibraq, dibaj, misarah, hamra', Qasiy (sejenis kain sutera campuran) dan tempat air dari perak, dan memerintahkan kami tujuh perkara, yaitu menjenguk orang sakit, mengiringi jenazah, mendo'akan orang bersin, menjawab salam, memenuhi undangan, menunaikan sumpah dan menolong orang yang terzalimi.⁶⁶

⁶³ Imām 'Abd al-Rahman ibn Ahmad ibn Rajab al-Hanbalī, *Kitāb Ahkām al-Khawātīm wa mā yata'aluqbihā* (Beirut : Dar Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1987), 36.

⁶⁴ Ahmad Amiruddin bin Ahmad Shukri, "Taudih al-Hukmi : Hukum Lelaki Memakai Perhiasan Emas," laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*, dikemaskini 29 Ogos 2023, diakses 1 September 2023, <https://www.muftiselangor.gov.my/taudhih-al-ahkam/1366-30-taudhih-al-hukmi-hukum-lelaki-memakai-perhiasan-emas>

⁶⁵ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī* (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, Dār al-Yamāmah, 1994) 7:155, no. Hadis 5864.

⁶⁶ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī", dalam *Māwsū'āt al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz al-Shaykh (Riyād: Dār āl-Salām, 2008), 499 (Kitāb al-Libās, Bāb Khawātīm al-ḡhahab, no. hadith 5863).

Daripada Abi Musa al-Ash'ari sesungguhnya Rasulullah SAW berkata:

حرم لباس الحرير والذهب على ذكور أمتي وأحل لإناثهم.

Terjemahan: Diharamkan memakai sutera dan emas bagi orang-orang lelaki dalam kalangan umatku dan dihalalkan bagi orang perempuan.⁶⁷

Daripada Ali bin Abi Thalib berkata:

أن نبي الله (ص) أخذ حريرا فجعله في يمينه، وأخذ ذهباً فجعله في شماله، ثم قال : إن هذين حرام على ذكور أمتي.

Terjemahan: Rasulullah SAW mengambil sutera, diletakkan di sebelah kanannya, kemudian Baginda mengambil emas dan diletakkan kesebelah kirinya, lalu berkata: “Kedua-dua ini haram bagi orang-orang lelaki dalam kalangan umatku.”⁶⁸

Merujuk kepada hadith-hadith di atas, jelas menunjukkan bahawa golongan lelaki tidak dibenarkan memakai perhiasan yang diperbuat daripada emas seperti cincin emas. Selain itu, pakaian yang diperbuat daripada sutera juga diharamkan penggunaannya ke atas golongan lelaki. Hal ini kerana perbuatan tersebut merupakan perbuatan *tašyabbuh* iaitu menyerupai golongan wanita. Bahkan larangan ini juga jelas disebut dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbās r.a beliau berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ،
وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat orang-orang lelaki yang menyerupai wanita dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.⁶⁹

⁶⁷ Abū 'Īsa Muḥammad Ibn 'Īsa as-Sulamī ad-Dārī al-Būghī at-Tirmidhī, “Jāmi' at-Tirmidhī”, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif lī al-Nashr wa al-Tawzī', t.t), 401 (Kitāb al-Libās 'an Rasūl Allāh Ṣallallāhu 'Alayhi wa Sallam, Bāb Mā Ja'a fī al-Harīr wa al-ḡhahab, no. hadīth 1720).

⁶⁸ Abū 'Abd al-Rahman Aḥmad bin Alī bin Šyua'ib bin Alī bin Sinān bin Baḥr al-Kḥurāsānī al-Nasā'i, “Sunan al-Nasā'i al- Kubra”, dalam *Māwsū'āt al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin A'bd al-Aziz al-Šhāykh (Riyāḍ: Dār āl-Salām, 2008), 436 (Kitāb al-Zinah, Bāb Tahrīm al-ḡhahab 'ala al-Rijāl, no. hadīth 9446).

⁶⁹ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī* (Damsyiq: Dār Ibn Kaṭṭhīr, Dār al-Yamāmah, 1994) 5: 2207, no. hadīth 5546.

Berdasarkan hadis di atas, Imam Ibn Hajar al-‘Asqalānī telah menukilkan dalam kitabnya *Fath al-Bārī* pandangan Imam al-Ṭabarī, katanya:

لَا يَجُوزُ لِلرِّجَالِ التَّشَبُّهُ بِالنِّسَاءِ فِي اللِّبَاسِ وَالزَّيْنَةِ الَّتِي تَخْتَصُّ بِالنِّسَاءِ وَلَا
الْعَكْسُ

Terjemahan: Dilarang bagi seseorang lelaki menyerupai wanita dalam perihal pakaian dan perhiasan yang dikhususkan untuk wanita, begitu juga sebaliknya.⁷⁰

Hal ini menunjukkan larangan terhadap golongan lelaki memakai pakaian dan perhiasan yang menyerupai golongan wanita dan golongan wanita ditegah daripada memakai pakaian dan perhiasan yang menyerupai golongan lelaki. Perkara ini juga disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abū Hurairah r.a, katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لُبْسَةَ الْمَرْأَةِ، وَالْمَرْأَةَ
تَلْبَسُ لُبْسَةَ الرَّجُلِ

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah SAW melaknat seorang lelaki yang memakai pakaian wanita, dan seorang wanita yang memakai pakaian lelaki⁷¹

Syeikh Badr al-Dīn al-‘Ainī menjelaskan bahawa celaan dalam hadis di atas adalah merujuk kepada perbuatan golongan lelaki yang menyerupai golongan perempuan dari sudut pakaian dan juga perhiasan yang khusus buat golongan perempuan seperti memakai perhiasan rantai, gelang tangan, gelang kaki, anting-anting dan seumpamanya.⁷² Berdasarkan hadis-hadis yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan haram bagi seseorang untuk memakai pakaian mahupun perhiasan yang khusus bagi jantina berlawanan dengannya. Perkara ini turut dinyatakan di dalam *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah* bahawa tiada khilaf dalam kalangan fuqaha’ berkenaan pengharaman bagi lelaki menyerupai wanita dari sudut pergerakan badan, kelembutan kata-kata, perhiasan,

⁷⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, t.t), 10:332.

⁷¹ Abū ‘Abd Allah Muhammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Māwsū‘at al-Ḥadīth al-Ṣhāriḥ: al-Kutub al-Sittāh*, ed. Sālih bin ‘Abd al-Aziz al-Ṣhāykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 440 (Kitāb al-Libās, bāb al-Mutaṣyābbihun bi an-Nisā’ wa al-Mutaṣyābbihāt bi ar-Rijāl, no. ḥadīth 5435).

⁷² Abū Muḥammad Maḥmūd ibn Aḥmad ibn Mūsā Badr al-Dīn al-‘Aynī, *Umdah al-Qārī Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Lubnān: Dār al-kutub al-‘ilmiyyah, 2009), 22:41.

pakaian dan lain-lain yang khas bagi wanita dari sudut adat dan tabiat begitu juga sebaliknya.⁷³

Seterusnya, penggunaan bekas makanan atau minuman yang diperbuat daripada emas dan perak juga termasuk dalam kategori penggunaan perhiasan emas yang diharamkan. Pengharaman ini tidak terbatas ke atas golongan lelaki sahaja, malah turut diharamkan ke atas golongan wanita. Allah SWT telah menegaskan azab yang dahsyat bagi mereka yang makan dan minum menggunakan bekas yang diperbuat daripada emas atau perak. Pengharaman tersebut jelas sepertimana yang disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah r.a katanya:

مَنْ شَرِبَ فِي إِنَاءٍ مِنْ ذَهَبٍ أَوْ فِضَّةٍ فَإِنَّمَا يُجْرَجُ فِي بَطْنِهِ نَارًا مِنْ جَهَنَّمَ

Terjemahan: Sesiapa yang minum daripada bekas (yang diperbuat daripada) emas atau perak. Maka perutnya akan menggelegak disebabkan api neraka.⁷⁴

Merujuk hadith di atas, para ulama' bersepakat mengharamkan penggunaan bekas makanan atau minuman yang diperbuat daripada emas atau perak tidak kira bagi golongan lelaki mahupun wanita.⁷⁵ Seterusnya, ijmak ulama' turut mengharamkan penggunaan perkakas dan peralatan yang diperbuat daripada emas selain bekas makanan atau minuman seperti tempat minyak rambut, tempat menyimpan celak, tempat mengambil air wudhu', jam, pen, tepak sireh, tombol pintu, pagar, buku dan sebagainya yang diperbuat daripada emas.⁷⁶ Hal ini adalah berdasarkan perbahasan yang dinukilkan oleh Ibn al-Qayyim dalam *I'lam al-Muwaqqin* yang menjelaskan berkenaan pengharaman penggunaan barangan yang diperbuat daripada emas selain bekas makanan dan minuman:

⁷³ Wazārah al-Auqāf wa al-Šyi'un al-Islāmiyah, *al-Mausu'ah al-Fiqhīyyah al-Kuwaitiyyah* (Kuwait: Wazārah al-Auqāf wa al-tsiun al-Islāmiyah, 1980), 11: 267.

⁷⁴ Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj, "Sahih Muslim", dalam *Māwsū'āt al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin A'bd al-Aziz al-Šhāykh (Riyād: Dār āl-Salām, 2008), 1454 (Kitāb al-libās wa zinah, bāb tahrīm isti'māl al-dhahab wal fiddah fi al-syarb wa ghairihi 'ala al-rijal wa al-nisa', no. ḥadīth 5509).

⁷⁵ Abū Zakariyya Muḥy al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, 1994), 14: 29-30.

⁷⁶ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb al-Zur'i al-Dimashqī al-Ḥanbalī, *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'alamīn* (Riyād: Dār Ibn Juzay, 1997), 1:166.

وهذا التحريم لا يختص بالأكل والشرب، بل يعم سائر وجوه الانتفاع، فلا
يجل له أن يغتسل بها، ولا يتوضأ بها، ولا يكتحل منها، وهذا أمر لا
يشك فيه عالم.

Terjemahan: Pengharaman ini tidak terhad kepada makan dan minum (iaitu di dalam bekas dari emas), bahkan ia juga termasuk segala bentuk penggunaannya, maka tidak halal mandi darinya, berwuduk, meletak lemak atau minyak masak padanya, bercelak darinya, ini semua perkara yang tidak syak lagi akan hukum haramnya.⁷⁷

Oleh itu, tidak dibenarkan ke atas golongan lelaki mahupun golongan wanita menggunakan segala jenis perkakas dan peralatan yang diperbuat daripada emas atau perak. Dilarang juga menggunakan pinggan emas atau perak bagi tujuan menghias rumah, menghias kedai mahupun digunakan dalam majlis keramaian.⁷⁸ Para fuqaha' menyamakan pengharaman bekas makanan dan minuman dengan segala jenis perkakas dan peralatan lain yang diperbuat daripada emas dan perak.⁷⁹ Hal ini kerana mereka yang menggunakan bekas makanan atau minuman serta perkakas dan peralatan yang diperbuat daripada emas dan perak ketika di dunia diumpamakan menyerupai amalan orang kafir sewaktu berada di dunia seperti yang dinyatakan dalam riwayat Huzaifah bin al Yaman r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَشْرَبُوا فِي آيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَلَا تَأْكُلُوا فِي صِحَافِهَا، فَإِنَّهَا هُمْ فِي
الدُّنْيَا، وَلَكُمْ فِي الْآخِرَةِ

Terjemahan: Jangan kalian minum dalam bekas-bekas daripada emas dan perak dan jangan kalian makan dalam pinggan daripada keduanya kerana sesungguhnya ia untuk mereka (yakni orang-orang kafir) di dunia dan untuk kamu di akhirat.⁸⁰

⁷⁷ Ibid.,

⁷⁸ Syaikh Taqiyuddin Abū Bakar bin Muḥammad al-Ḥiṣhnī al-Ḥusainī, *Kifāyah al-Akhyār fī Hāl Ghayah al-Ikhtisār*, (Damṣyik: Dār al-Kḥair, 1994), 20.

⁷⁹ Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Alī ibn Ḥajar al-Haytamī al-Makkī al-Anṣārī, *al-Minhāj al-Qawīm Syarḥ ‘ala al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah fī al-Fiqh al-Shafi’i* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 18-19.

⁸⁰ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī* (Damsyiq: Dār Ibn Kaṭhīr, Dār al-Yamāmah, 1994) 337, (Kitāb al-aṭ‘imah, Bāb al-akli fī ina’in mufaḍḍahāḍin, no. hadith 5426).

Perbincangan diteruskan dengan penentuan status hukum logam bersadur emas yang terdiri daripada perhiasan yang disadur emas, perak dan suasa. Dalam menentukan hukum penggunaan logam yang bersadur emas atau campuran, Imam al-Nawawī menjelaskannya di dalam *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*, katanya:

لَوْ كَانَ الْحَاتَمُ فَضَّةً وَمَوْهَهُ بِذَهَبٍ أَوْ مَوْهَ السَّيْفِ وَغَيْرُهُ مِنْ آلَاتِ الْحَرْبِ
أَوْ غَيْرِهَا بِذَهَبٍ فَإِنْ كَانَ تَمْوِيهَا يَحْصُلُ مِنْهُ شَيْءٌ إِنْ عُرِضَ عَلَى النَّارِ فَهُوَ
حَرَامٌ بِالِاتِّفَاقِ وَإِنْ لَمْ يَحْصُلْ مِنْهُ شَيْءٌ فَطَرِيقَانِ (أَصْحَهُمَا) وَبِهِ قَطَعَ
الْعِرَاقِيُّونَ يَحْرُمُ لِلْحَدِيثِ

Terjemahan: Sekiranya cincin itu diperbuat dari perak dan dicampur, disadur (menggunakan api) dengan emas atau pedang yang disadur ataupun selainnya dari alatan perang dengan emas, sekiranya dileburkan kembali di atas api lalu masih dapat dikesan emasnya maka hukumnya haram secara sepakat. Sekiranya tidak dapat dikesan lagi emas tersebut maka ada dua jalan (yang paling sahih di antara keduanya) dan dengannya diputuskan oleh ulama' al-Iraq adalah haram berdasarkan hadis.⁸¹

Oleh itu, merujuk kepada kenyataan Imam al-Nawawī di atas jelas menunjukkan bahawa emas campuran dan perhiasan bersadur dengan emas yang mampu dikesan emasnya apabila dileburkan maka hukumnya adalah haram. Adapun bagi emas campuran dan perhiasan yang bersadur emas tetapi emasnya tidak dapat dikesan apabila dileburkan, maka terdapat khilaf dalam kalangan ulama' al-Šhāfi'īyyah. Menurut pandangan yang *asoh*⁸² hukumnya adalah haram kerana mengambil hukum haram emas secara mutlak bagi lelaki sama ada perhiasan mahupun peralatan yang diperbuat daripada emas.⁸³ Adapun menurut sebahagian ulama' al-Šhāfi'īyyah, perhiasan bersadur emas yang tidak dapat dikesan jika dileburkan adalah harus kerana dihukumkan seperti tiada.⁸⁴

⁸¹ Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn ibn Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab* (Kaherah: Idārah al-Taba'ah al-Muniriyyah, t.t.), 4:441.

⁸² Pandangan mempunyai dalil yang kuat, maka ketika itu pandangan terkuat disebut al-asoh, iaitu pandangan ulama' mazhab yang mana lawannya adalah pandangan dhaif.

⁸³ al-Nawāwī, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, 4:441.

⁸⁴ *Ibid.*,

Di samping itu, para ulama mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan perkara ini di mana mazhab Hanafi menyatakan boleh menggunakan logam yang disadur emas atau perak dengan syarat sebahagian saduran tidak boleh dipisahkan kembali, begitu juga menurut mazhab Shafi'i yang menyatakan boleh menggunakan jika saduran emas pada logam itu sedikit. Namun begitu, berbeza dengan pandangan mazhab Hanbali yang menyatakan hukum menggunakan logam yang disadur emas atau perak sama sahaja seperti menggunakan bekas yang diperbuat daripada emas dan perak.⁸⁵ Begitu juga dengan hukum penggunaan perhiasan suasa di mana suasa ialah campuran antara emas, perak dan tembaga. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa kandungan campuran bahan dalam suasa adalah terdiri daripada 70% tembaga, 20% emas dan 10% perak⁸⁶. Berdasarkan definisi suasa, terdapat persamaan yang jelas antara suasa dan perhiasan bersadur emas. Oleh itu, hukum penggunaan suasa adalah sama seperti hukum penggunaan perhiasan bersadur emas sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Di samping itu, berdasarkan penulisan fuqaha' yang lalu terdapat pengecualian yang mana hukum asal penggunaan sesuatu barangan yang haram bertukar menjadi harus merujuk kepada situasi dan keadaan yang tertentu seperti darurat.⁸⁷ Sebagai contoh, penggunaan hidung atau gigi yang diperbuat daripada emas diharuskan penggunaannya ke atas golongan lelaki bagi tujuan perubatan ketika situasi darurat. Selain itu, antara keharusan lain yang dibenarkan menggunakan peralatan yang diperbuat daripada emas adalah seperti minum air yang terdapat dalam bejana atau bekas emas ketika ketiadaan air.⁸⁸ Hal ini sepertimana yang difatwakan oleh Ibn Taymiyyah dalam *Majmu' Fatawa*.

⁸⁵ Muhammad Shahrul Nizam Mahadi, "Al-Kafi #702 : Hukum Menggunakan Dulang Disadur Perak," laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dikemaskini 24 Januari 2018, diakses 9 September 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2265-al-kafi-702-hukum-menggunakan-dulang-disadur-perak>

⁸⁶ e-Sumber Maklumat Fatwa "Penggunaan Suasa Dan Emas Putih (Platinum) Sebagai Perhiasan Untuk Lelaki," laman sesawang *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, dikemaskini 2018, diakses 9 September 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15923>

⁸⁷ Abū Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī, *Minhāj al-Thālibīn* (Beirut: Dār al-Minhāj, 2005), 167.

⁸⁸ Amir al-Jazzar & Anwar al-Baz, *Majmū'ah al-Fatāwa li Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*, cet. Ke-3 (al-Qaherah: Dār al-Wafa' al-Manṣurah, 2005), 21:47.

Selain itu, menurut pandangan ulama' Maliki dan Hanbali dibolehkan juga menggunakan peralatan peperangan yang diperbuat daripada emas seperti pedang khusus bagi lelaki.⁸⁹

Justeru, merujuk kepada kenyataan-kenyataan yang telah disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan perhiasan emas adalah diharamkan ke atas golongan lelaki. Hal ini kerana perbuatan tersebut merupakan perbuatan *tašyabbuh* iaitu menyerupai golongan wanita. Selain itu, penggunaan bekas makanan dan minuman yang diperbuat daripada emas atau perak juga termasuk dalam kategori perhiasan emas yang diharamkan ke atas golongan lelaki dan juga wanita. Turut diharamkan perkakas dan peralatan lain yang diperbuat daripada emas kerana perbuatan tersebut diumpamakan menyerupai amalan orang kafir sewaktu berada di dunia. Seterusnya dalam menentukan hukum logam yang disadur dengan emas, sekiranya logam tersebut dileburkan dan emas tersebut mampu dikesan maka hukumnya adalah haram. Adapun sekiranya setelah logam dilebur, emas yang disadur pada logam tidak dapat dikesan maka terdapat khilaf dalam menentukan hukum penggunaan logam tersebut. Berdasarkan pandangan yang terkuat menyatakan hukumnya adalah haram merujuk kepada hukum mutlak pengharaman emas ke atas golongan lelaki manakala menurut pandangan sebahagian ulama' al-Šhāfi'īyyah, hukumnya adalah harus kerana emas yang disadur dihukumkan seperti tiada. Begitu juga dengan hukum penggunaan suasa di mana hukumnya adalah sama seperti hukum logam yang bersadur emas. Walaubagaimanapun, terdapat pengecualian yang mana hukum asal penggunaan sesuatu barangan yang diperbuat daripada emas bertukar menjadi harus merujuk kepada situasi dan keadaan yang tertentu seperti darurat.

⁸⁹ Wazārah al-Auqāf, *Al-mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, 18:110.

2.5 Kesimpulan

Ringkasnya, emas merupakan sejenis logam berwarna kuning keemasan yang berharga dan terkenal digunakan secara semulajadi sama ada dalam bentuk tulen seperti syiling emas, kepingan emas, barang kemas dan medium pertukaran yang bernilai ataupun diambil manfaatnya dalam penghasilan sesuatu produk. Emas mempunyai pelbagai jenis ketulenan dan mutu yang berbeza mengikut kadar karat emas di mana semakin tinggi nilai karat semakin tinggi peratus ketulenan dan mutu emas. Lafaz emas atau dalam bahasa Arabnya *āl-dhahab* disebut sebanyak lapan kali di dalam al-Quran di mana emas merupakan suatu logam yang menjadi kecintaan terhadap manusia dan merupakan fitrah semulajadi. Logam emas juga diletakkan pada kedudukan yang tinggi sehingga dijadikan alat sebagai mengukur kedudukan antara mereka. Oleh sebab pandangan manusia yang tinggi terhadap emas, maka Allah SWT telah mengangkat kedudukan logam emas ke tahap yang lebih tinggi sehingga dijadikan antara medium untuk menceritakan kemewahan dan nikmat yang terdapat dalam syurga. Akhir sekali, di sebalik kecintaan manusia terhadap logam emas ini dan kedudukan emas yang tinggi di mata mereka, pada hakikatnya emas merupakan ujian Allah SWT buat hambaNya di dunia.

Seterusnya, perhiasan merupakan suatu medium atau peralatan yang digunakan oleh seseorang individu untuk menghias dan mencantikkan diri seperti pakaian dan peralatan lain yang dihalalkan untuk menghiasi dirinya yang terdiri daripada emas, perak, mutiara, permata dan seumpamanya. Berhias diri bagi golongan wanita mahupun lelaki merupakan satu fitrah di dalam diri dan dibenarkan dalam Islam selagi mana tidak melanggar etika perhiasan yang ditetapkan. Nas-nas yang berkaitan dengan gesaan berhias juga dibincangkan dalam al-Quran antaranya berkenaan galakan umat Islam untuk berhias, dunia sebagai perhiasan, sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah, dan sebaik-baik perhiasan adalah takwa.

Secara umumnya dapat difahami bahawa hukum penggunaan emas dan perhiasan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu penggunaan yang diharuskan dan penggunaan yang diharamkan. Penggunaan emas dan perhiasan adalah diharuskan ke atas wanita selagi mana tidak digunakan secara berlebih-lebihan dan tidak melanggar hukum syarak. Keharusan penggunaan perhiasan tersebut bukan khusus untuk emas sahaja, malah penggunaan perak, mutiara, berlian, sutera dan seumpamanya juga adalah dibenarkan ke atas wanita. Hal ini adalah bagi tujuan menambahkan keserian, keindahan dan menutup kekurangan zahir yang terdapat pada diri seorang wanita serta mencantikkan diri di hadapan suami.

Selanjutnya, penggunaan perhiasan emas adalah diharamkan ke atas golongan lelaki kerana perbuatan tersebut merupakan perbuatan *tašyabbuh* iaitu menyerupai golongan wanita. Selain itu, diharamkan ke atas golongan lelaki dan wanita menggunakan bekas makanan dan minuman serta perkakas dan peralatan lain yang diperbuat daripada emas atau perak. Bagi logam yang bersadur emas, terdapat perbezaan pandangan dalam menentukan hukum penggunaannya dimana jika saduran itu sedikit iaitu tidak dapat dipisahkan dari logam tersebut maka harus menggunakannya kerana emas atau peraknya telah musnah di dalam logam lain dan ianya dianggap seperti tiada dan sekiranya saduran itu banyak serta dapat dipisahkan dari logam melalui proses lebur dan sebagainya, maka hukumnya penggunaan logam tersebut adalah haram. Begitu juga dengan hukum penggunaan suasa di mana hukumnya adalah sama seperti hukum logam yang bersadur emas. Walaubagaimanapun, terdapat pengecualian yang mana hukum asal penggunaan sesuatu barangan yang diperbuat daripada emas bertukar menjadi harus merujuk kepada situasi dan keadaan yang tertentu seperti darurat.

BAB 3:

PENGGUNAAN EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK, FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga merupakan penjelasan bagi memberikan jawapan terhadap objektif kajian mengenal pasti penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Emas yang digunakan dalam penghasilan produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan adalah dalam bentuk nanopartikel. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan status nanopartikel emas secara jelas dengan memberikan penerangan mengenai nanopartikel, nanopartikel emas dan sejarah penggunaan nanopartikel emas. Seterusnya, pengkaji membincangkan berkenaan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Selain itu, pengkaji juga menerangkan manfaat serta tujuan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Perbincangan diteruskan dengan penjelasan berkenaan implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal serta makanan dan diakhiri dengan kesimpulan oleh pengkaji pada bahagian penutup bab ini.

3.2 Status Nanopartikel Emas

Pada bahagian ini, pengkaji menjelaskan status nanopartikel emas dengan memberikan penjelasan berkaitan nanopartikel, nanopartikel emas dan sejarah nanopartikel emas seperti berikut:

3.2.1 Nanopartikel

Istilah nano berasal daripada perkataan greek *nanos* yang bermaksud kecil serta tidak dapat dilihat dengan mata kasar kerana saiznya yang tersangat kecil. Menurut American

Society for Testing and Materials (ASTM), nanopartikel ialah zarah dengan dua dimensi atau lebih yang memiliki ukuran saiz diantara 1 hingga 100 nanometer (nm).¹ International Union of Pure and Applied Chemistry (IUPAC) menyatakan nanopartikel merupakan zarah dalam sebarang bentuk dimensi dengan julat 1×10^{-9} dan 1×10^{-7} meter.² Pada tahun 2012, IUPAC membuat penambahbaikan pada istilah nanopartikel dengan menambah tiub dan gentian dengan hanya dua dimensi di bawah 100 nm.³

Seterusnya, menurut International Standards Organization (ISO) Technical Specification 80004, nanopartikel ialah objek dengan tiga dimensi luaran dalam skala nano, dimana paksi terpanjang dan terpendeknya tidak mempunyai perbezaan yang ketara.⁴ Selain itu, menurut Khan dan rakan-rakan nanopartikel adalah zarah yang berukuran kecil dengan diameter antara 1 hingga 100 nm di mana ia merupakan zarah tiga dimensi serta memiliki ukuran berskala nanometer.⁵ Adapun menurut Christina Buzea dan rakan-rakan, nanopartikel ialah zarah dengan sekurang-kurangnya satu dimensi lebih kecil daripada 1 nm namun lebih besar daripada atom dan molekul.⁶

Nanopartikel mempunyai ciri fizikal dan kimia yang istimewa kerana terdiri daripada struktur elektronik tertentu.⁷ Selain itu, nanopartikel tidak hanya berbentuk bulat, namun mempunyai bentuk batang, piramid, atau bentuk yang tidak diketahui serta mempunyai keupayaan yang lebih tinggi di sesetengah kawasan berbanding bahan-bahan

¹ F.K. Alanazi, A.A. Radwan, & I.A. Alsarra, "Biopharmaceutical application of Nanogold," *Saudi Pharmaceutical Journal* 18 (2010), 179-193.

² Aleman J. V. et al., "Definitions of terms relating to the structure and processing of sols, gels, networks, and inorganic-organic hybrid materials: IUPAC Recommendations 2007," *Pure and Applied Chemistry* 79.10 (2007), 1801-1829.

³ Vert M. et al., "Terminology for biorelated polymers and applications: IUPAC Recommendations 2012," *Pure and Applied Chemistry* 84.2 (2012), 377-410.

⁴ Penulis tidak diketahui, "ISO/TS 80004-2: Nanotechnologies Vocabulary Part 2: Nano-objects," *International Organization for Standardization* (2018), 1.

⁵ Khan A.K. et al., "Gold Nanoparticles: Synthesis and Applications in Drug Delivery," *Tropical Journal of Pharmaceutical Research* 13.7 (2014), 1169-1171.

⁶ Christina Buzea, Ivan I. Pachecho & Kevin Robbic, "Nanomaterials and Nanoparticles: Sources and toxicity," *Biointerphases* (2008), 21.

⁷ Di Guglielmo C. et al., "Embryotoxicity of cobalt ferrite and gold nanoparticles: a first in vitro approach," *Reproduct Toxicol* 30 (2010), 271-276.

yang bersaiz besar (*bulk*).⁸ Sifat nanopartikel bergantung pada ukuran dan susunan ikatannya dimana kestabilan, keterlarutan, dan aktiviti kimia atau biologi boleh diubah secara radikal dengan cara menyalutnya dengan pelbagai bahan bagi menjalankan fungsinya.⁹

Kini, penggunaan teknologi nanopartikel telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti elektronik, fotokimia, bioperubatan, dan kimia. Selain itu, nanopartikel juga digunakan dalam bidang industri makanan, farmaseutikal, aplikasi alam sekitar, kosmetik, pertanian, automotif, pembinaan, perkakas rumah, petroleum, percetakan, peralatan sukan dan tekstil.¹⁰ Nanopartikel yang digunakan dalam produk kosmetik adalah seperti emas, perak, karbon, tanah liat, zink oksida, titanium dioksida, silikon dioksida, sodium silikat, kojic asid dan hydroxycarboxylic asid. Bagi bidang farmaseutikal pula, nanopartikel yang digunakan adalah seperti emas, perak, karbon, berlian, tanah liat, titanium dioksida, silikon dioksida, aluminium oksida, zirkonium dioksida, hydroxyapatite, dan ytterbium trifluoride adapun dalam bidang makanan nanopartikel yang digunakan merangkumi emas, silver, tanah liat, titanium dioksida, zink oksida, silikon dioksida, kalsium, tembaga, platinum, mangan, paladium, dan karbon.¹¹

Kesimpulannya, nanopartikel merupakan zarah atau partikel kecil yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, bersaiz nanometer yang memiliki ukuran diantara 1 hingga 100 nm dan merujuk kepada penyatuan atom-atom. Sifat-sifat nanopartikel yang keras, mulur pada suhu tinggi, mempunyai ketahanan yang kuat, tahan karat dan aktif secara kimia membuatkan nanopartikel digunakan bersama sebatian kimia yang lain dalam penghasilan pelbagai produk dalam industri. Perbincangan mengenai penggunaan nanopartikel bersama sebatian emas dalam penghasilan produk kosmetik, farmaseutikal


⁸ Khan A.K. et al., "Gold Nanoparticles: Synthesis," 1169-1171.

⁹ Sadri R., "Study of environmentally friendly and facile functionalization of graphene nanoplatelet and its application in convective heat transfer," *Energy Conversion and Management* 150 (2017), 26–36.

¹⁰ Di Guglielmo C. et al., "Embryotoxicity of cobalt," 271-276.

¹¹ *Ibid.*,

dan makanan akan dibincangkan oleh pengkaji pada bahagian seterusnya. Berikut merupakan gambar rajah nanopartikel.¹²



Gambar rajah 3.1: Gambar nanopartikel yang diambil dari sumber Wikipedia

3.2.2 Nanopartikel Emas

Emas adalah logam berharga yang digunakan manusia sebagai syiling, barang kemas dan hasil seni lain sejak zaman dahulu lagi. Emas merupakan unsur logam yang jarang ditemui dengan takat lebur 1064°C dan takat didih 280°C .¹³ Secara kimia, emas merupakan logam peralihan mulia yang terdapat dalam jadual berkala¹⁴ kumpulan 1B dengan nombor atom 197.¹⁵ Emas boleh wujud dalam beberapa keadaan pengoksidaan iaitu -I, 0, I, II, III, IV dan V, namun hanya emas 0, I, dan III sahaja yang memiliki kestabilan dalam larutan berair.¹⁶ Sifat logam emas yang padat, lembut, berkilat, mudah ditempa dan mulur,¹⁷ serta sifat konduktifnya yang sangat baik dan tindak balas yang lemah terhadap air atau oksigen menjadikannya sangat berguna kepada manusia dari semasa ke semasa.¹⁸

¹² Wikipedia, "Nanoparticle," laman sesawang *Wikipedia The Free Encyclopedia*, dikemaskini 18 Februari 2024, dicapai 20 Februari 2024, <https://en.wikipedia.org/wiki/Nanoparticle>

¹³ P.L. Nayak & Umesh Kumar Parida "Biomedical Applications of Gold," 10.

¹⁴ Titik Taufikurohmah et al., "Activity Test of Nanogold," 611.

¹⁵ Thakor A.S. et al., "Gold Nanoparticles: A Revival," 4030.

¹⁶ Fricker S.P., "Medical uses of Gold," 55.

¹⁷ Pradeep Thalappil, "Anshup: Noble metal nanoparticles," 6441-6448.

¹⁸ P.L. Nayak & Umesh Kumar Parida "Biomedical Applications of Gold," 10.

Partikel nano dapat dibentuk dari pelbagai jenis unsur kimia, salah satunya adalah emas di mana emas merupakan unsur kimia yang paling baik. Partikel emas berasal dari garam emas yang biasa ditemukan dari sumber alam kemudian direduksi sehingga menjadi partikel emas murni lalu diproses sehingga menghasilkan nanopartikel emas yaitu partikel emas dalam ukuran yang sangat kecil.¹⁹ Nanopartikel emas ini kemudian dilarutkan dalam bahan air lalu digunakan dalam penghasilan pelbagai produk. Nanopartikel emas ditakrifkan sebagai larutan koloid yang stabil bagi kelompok atom emas dengan saiz antara 1 hingga 100 nm.²⁰ Nanopartikel emas merupakan 99.99% emas tulen dengan saiz zarah 20-30 nm dan berwarna serbuk coklat gelap²¹ di mana ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan hanya boleh dilihat dengan menggunakan mikroskop.²² Nanopartikel emas digunakan sebagai reagen kimia serta kerap digunakan dalam industri elektronik²³

Nanopartikel emas merupakan salah satu partikel nano yang paling stabil, tidak beracun dan mudah disintesis. Selain itu, nanopartikel emas juga memiliki kesesuaian yang paling tinggi dengan pelbagai jenis biomolekul,²⁴ mudah disediakan, mempunyai ketoksikan yang rendah dan mudah melekat pada molekul yang mempunyai kepentingan biologi.²⁵ Di samping itu, nanopartikel emas dapat disintesis melalui metode kimia,

¹⁹ Wadah Musyawarah Para Ulama Zu'ama dan Cendekiawan Muslim, "Penggunaan Partikel Emas dalam Produk Kosmetika Bagi Laki-laki," laman sesawang *Fatwa Majelis Ulama' Indonesia*, dikemaskini 2018, dicapai 12 Februari 2024, [http://www.halalmui.org/images/stories/Fatwa%20Penggunaan%20Partikel%20Emas%20dalam%20Produk%20Kosmetika%20bagi%20Laki-laki%20\(INA\).pdf](http://www.halalmui.org/images/stories/Fatwa%20Penggunaan%20Partikel%20Emas%20dalam%20Produk%20Kosmetika%20bagi%20Laki-laki%20(INA).pdf)

²⁰ *Ibid*, 11.

²¹ Hwananoparticles, "Nanopartikel Emas 99.95% Ketulenan Tinggi 20-30nm Untuk Reagen," laman sesawang *Hongwuentreprise Group*, dikemaskini 2022, dicapai 10 Februari 2024, <https://www.hwnanoparticles.com/ms/high-purity-99-95-20-30nm-gold-nanoparticle-for-reagents-product/>


²² Silvia Usmania, "Sintesis Nanopartikel Emas Menggunakan Bioreduktor Ekstrak Air Dengan Daun Pegagan (*Centella Asiatica L.*)" (tesis Sarjana Sains, Program Studi Kimia, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Malang, 2022), 8-22.

²³ Hwananoparticles, "Nanopartikel Emas 99.95% Ketulenan Tinggi 20-30nm Untuk Reagen," laman sesawang *Hongwuentreprise Group*, dikemaskini 2022, dicapai 10 Februari 2024, <https://www.hwnanoparticles.com/ms/high-purity-99-95-20-30nm-gold-nanoparticle-for-reagents-product/>

²⁴ Akrajas Ali Umar et al., "Gold Nanonetwork Film," 252.

²⁵ Chen Yu, Preece J.A. & Palmer R.E., "Processing and characterisation of gold nanoparticles for use in plasmon probe spectroscopy and microscopy of biosystem," *Ann NY Acad Sci* 1130 (2008), 2016.

metode percambahan benih, metode fizik, metode biologi, metode pematangan penghadaman, metode elektrokimia, dan metode sonokimia sehingga menghasilkan nanopartikel emas dengan pelbagai ukuran, bentuk dan struktur²⁶ seperti *gold nanospheres*, *nanorods*, *nanobelts*, *nanocages*, *nanoprism*, dan *nanostars*.²⁷ Berikut merupakan gambar rajah bentuk nanopartikel.²⁸



Gambar rajah 3.2: Bentuk nanopartikel emas yang diambil dari sumber *Shutterstock* dan *iStock*

Kini perkembangan teknologi telah menghasilkan revolusi dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kosmetik, farmaseutikal dan makanan di mana nanopartikel emas digunakan sebagai alternatif dalam penghasilan sesuatu produk atau rawatan. Nanopartikel emas telah diiktiraf sebagai bahan penting yang mempunyai sifat istimewa diperlukan dan sesuai digunakan untuk banyak aplikasi.²⁹ Hal ini adalah kerana ukuran nanopartikel emas yang lebih kecil dengan luas permukaan yang lebih besar sehingga memudahkan dalam proses penembusan sel membrane kulit bagi penghasilan produk

²⁶ Oka Shinta Sekar Kirana et al., "Review: Sintesis Nanopartikel Emas (Au-NPs)," (2022), 1.

²⁷ Thakor A.S. et al., "Gold Nanoparticles: A revival," 4029.

²⁸ Shutterstock, "Gambar tanpa royalti gold nanoparticles," laman sesawang *Shutterstock*, dikemaskini 31 Disember 2023, dicapai 20 Februari 2023, <https://www.shutterstock.com/id/search/gold-nanoparticles> lihat juga Meletios Verras, "Nanopartikel Emas Foto Stok," laman sesawang *iStock By Getty Images*, dikemaskini 22 Mac 2018, dicapai 20 Februari 2024, <https://www.istockphoto.com/id/foto/nanopartikel-emas-gm936418636-256175139>

²⁹ S.Suwandee, "Gold Nano-particles Separation and Storage for Cosmetics, Healthcare and Beauty with Safety Usage," *Life Science Journal* 11.10 (2014), 1225.

kosmetik.³⁰ Dalam bidang farmaseutikal, nanopartikel emas digunakan kerana aplikasi penyebarannya luas dalam penghantaran ubat yang disasarkan, pengimbasan imej, diagnosis dan terapi penyakit kerana nanopartikel emas mempunyai ukuran yang sangat kecil, permukaan yang luas dan tinggi, stabil, tidak toksik serta memiliki sifat kimia yang baik. Nanopartikel emas juga digunakan sebagai bahan penyalutan untuk membolehkan bahan biologi diperhatikan di bawah mikroskop elektron pengimbas.³¹ Adapun dalam bidang makanan, nanopartikel emas digunakan sebagai bahan tambahan makanan dalam kuantiti yang sangat kecil lalu dijadikan sebagai perhiasan kek dan pastri, coklat, minuman beralkohol³² dan sebagainya.

Pada tahun 2007, atas permintaan Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat telah menyenaraikan nanopartikel emas dan perak sebagai bahan kimia baru yang perlu dikaji oleh National Toxicology Program (NTP). Ini merupakan salah satu usaha bagi mengenalpasti keselamatan penggunaan nanopartikel emas dan perak dalam penghasilan sesuatu produk.³³ Oleh sebab itu, kajian nanopartikel emas semakin mendapat perhatian di kalangan para pengkaji dan penyelidik kerana sifat-sifat dan ciri-cirinya yang amat unik. Nanopartikel emas telah digunakan dalam pelbagai bidang kajian yang terdiri daripada fizik, kimia, biologi dan perubatan. Keupayaan nanopartikel emas yang mudah disesuaikan telah menjadikan nanopartikel emas digunakan dalam pelbagai skop penyelidikan.

Kesimpulannya, partikel emas adalah bahagian terkecil dari emas yang direduksi sehingga menjadi partikel emas murni lalu diproses sehingga menghasilkan nanopartikel emas. Nanopartikel emas adalah partikel emas dalam ukuran yang sangat kecil dan merupakan sebahagian daripada nanoteknologi yang semakin luas manfaatnya dalam

³⁰ Sista Werdyani, "Aplikasi Gold Nanopartikel," 117.

³¹ Khan A.K. et al., "Gold Nanoparticles Synthesis," 1117-1169.

³² Thakor A.S. et al., "Gold Nanoparticles: A revival," 4030.

³³ Chacibaia T., "Nanoparticles-New Medical," 10.

kehidupan manusia. Nanopartikel dapat dibentuk dari pelbagai jenis unsur kimia dan dari banyak-banyak jenis unsur kimia, nanopartikel emas adalah yang paling baik. Ini adalah disebabkan emas memiliki kesesuaian yang paling tinggi dan ciri-ciri yang paling baik dengan pelbagai jenis biomolekul dan digunakan dalam penghasilan pelbagai produk seperti produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan.



Gambar rajah 2.3: Gambar nanopartikel emas yang diambil dari sumber

Shutterstock

3.2.3 Sejarah Penggunaan Nanopartikel Emas

Penggunaan nanopartikel emas dalam kehidupan seharian manusia bukanlah suatu perkara yang baharu kerana ia telah digunakan sejak berkurun abad yang lalu. Penemuan cawan sangkar *Lycurgus* pada abad keempat dan kelima membuktikan wujudnya percampuran kaloid emas dalam pembuatan cawan sangkar *Lycurgus*. Cawan tersebut kelihatan merah delima apabila cahaya dipancarkan dan bertukar hijau apabila cahaya dipantulkan dari arah tertentu.³⁴ Hal ini adalah disebabkan oleh kehadiran kaloid emas dalam pembuatan cawan tersebut. Seterusnya, nanopartikel emas turut digunakan untuk menghias gereja-gereja di Eropah seperti Gereja Notre Dame yang terkenal di Paris.

³⁴ P.L Nayak & Umesh Kumar Parida "Biomedical Applications of Gold," 10.

Nanopartikel emas yang digunakan berperan menghasilkan warna-warna yang berbeza bergantung kepada ukurannya iaitu pada skala bawah 100 nm, emas yang biasanya hijau akan berubah menjadi beraneka warna mengikut jenis gelombang cahaya yang diserap dan dipantulkannya.³⁵

Selain itu, sejarah berkaitan penggunaan nanopartikel emas dalam kehidupan seharian juga telah diterbitkan dan dibukukan sejak zaman dahulu lagi. Pada tahun 1618, Francisci Antonii iaitu seorang ahli falsafah dan pakar perubatan telah menerbitkan sebuah buku berkaitan pembentukan koloid emas serta manfaatnya dalam bidang farmaseutikal dan perubatan. Kira-kira setengah abad kemudian, Nicholas Culpepper seorang ahli botani Inggeris melakukan hal yang sama dengan menerbitkan sebuah buku berkaitan kegunaan koloid emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan. Seterusnya pada tahun 1676, Johann Kunckel seorang Ahli Kimia Jerman menerbitkan sebuah buku mengenai pembuatan kaca berwarna. Kunckel berpendapat bahawa warna merah jambu yang terdapat pada *aurum potable* atau minuman berasaskan emas berasal dari nanopartikel emas metalik yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia.³⁶ Kesemua buku dan penerbitan yang dihasilkan membuktikan bahawa kajian mengenai manfaat nanopartikel emas dalam kehidupan seharian manusia telah wujud sejak dahulu lagi.

Seterusnya, pemanfaatan nanopartikel emas telah digunakan secara meluas dalam bidang kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Sejarah penggunaan nanopartikel emas dalam bidang kosmetik, farmaseutikal dan makanan bermula sejak 2500 sebelum masehi di beberapa buah negara seperti China, Mesir, Jepun dan India.³⁷ Di China, emas digunakan bagi merawat penyakit cacar, ulser, kulit dan demam campak³⁸ sementara di

³⁵ *Ibid.*,

³⁶ Gupta Swaroopa R.N., "Applications of gold nano particles in medical research and cosmetics," *Int. Res. J. of Science & Engineering* 6.5 (2018), 183-184.

³⁷ Ravishankar R.V. & Jamuna B.A., "Nanoparticles and their potential," 200.

³⁸ Giasuddin A., Jhuma K., & Mujibul A., "Use of Gold Nanoparticles in Diagnostics, Surgery and Medicine: A Review," *Bangladesh J Med. Biochem* 5.2 (2012), 57.

Mesir seorang ahli kimia menggunakan nanopartikel emas halus bagi menghasilkan eliksir kaloid yang dikenali sebagai emas cair bagi tujuan merawat dan menjadikan wajah lebih muda.³⁹ Di Jepun, partikel emas dicampurkan di dalam makanan seperti serbuk teh bagi tujuan kesihatan sementara di India ubat tradisional ayurveda⁴⁰ bersama emas digunakan secara meluas oleh berjuta-juta orang setiap tahun bagi tujuan peremajaan.⁴¹ Seterusnya di Eropah, sejarah penggunaan nanopartikel emas bermula pada abad ke 17 dan 19 bagi merawat penyakit demam dan sifilis.⁴²

Selanjutnya pada tahun 1842, John Herchel telah mencipta proses fotografi yang dipanggil *chrysotype* menggunakan kaloid emas bagi mengimbas imej di atas kertas. Pada tahun 1856, Michael Faraday telah mencipta larutan merah delima secara tidak sengaja semasa memasang kepingan daun emas pada slaid mikroskop. Pada tahun 1898, Richard Adolf Zsigmondy telah menyediakan kaloid emas pertama dalam larutan cecair.⁴³ Penggunaan emas dalam bidang farmaseutikal dan perubatan moden bermula pada tahun 1890 apabila seorang ahli bakteriologi Jerman, Robert Koch menemukan sianida emas bersifat bakteristatik bagi merawat penyakit tuberkulosis iaitu batuk kering.⁴⁴ Walaubagaimanapun, terdapat kajian yang mendakwa penggunaan emas tidak efektif untuk merawat penyakit tuberkulosis akan tetapi pada tahun 1935, satu kajian yang dijalankan oleh Empire Rheumatism Council (ERC) mengesahkan emas berkesan bagi rawatan artritis reumatoid.⁴⁵

Di samping itu pada zaman pertengahan, *aurum potabile* atau minuman berasaskan emas digunakan untuk menyembuhkan penyakit seperti artritis, masalah

³⁹ Chachibaia T., "Nanoparticles-New Medical," 7.

⁴⁰ Merupakan perubatan pelengkap dan alternatif di dunia barat di mana beberapa kaedah yang digunakan adalah seperti penggunaan ubat herba, urut, yoga, serta senaman. Perubatan Ayurveda merupakan salah satu sistem perubatan tertua di dunia.

⁴¹ Giasuddin A., Jhuma K., & Mujibul A., "Use of Gold Nanoparticles," 57.

⁴² Thakor A.S. et al., "Gold Nanoparticles: A Revival," 4029

⁴³ *Ibid*, 184.

⁴⁴ Fricker S.P., "Medical uses of Gold," 53.

⁴⁵ *Ibid*,

jantung, penyakit kelamin, disentri,⁴⁶ epilepsi, tumor serta diagnosis sifilis dan kaedah ini kekal digunakan sehingga abad ke-20.⁴⁷ Sejarah telah membuktikan penggunaan nanopartikel emas dalam kehidupan seharian manusia telah digunakan sejak zaman dahulu lagi. Seiring dengan peredaran zaman yang kian maju dan canggih, kini kajian berkenaan nanopartikel emas telah banyak dijalankan dalam kalangan para saintis dan sarjana. Hal ini adalah berikutan perkembangan teknologi nano khususnya nanopartikel emas yang digunakan secara meluas dalam penghasilan sesuatu produk pada masa kini. Sifat fizik dan kimia nanopartikel emas yang unik, sintesis yang mudah serta mempunyai kestabilan yang tinggi menjadi asbab utama pelbagai kajian nanopartikel emas dijalankan. Hal ini bagi membuktikan manfaat teknologi berasaskan nanopartikel emas dalam pelbagai bidang seperti elektronik, farmasuetikal, kimia, makanan, kosmetik, pertanian, automotif, pembinaan, komunikasi, percetakan, dan pelbagai bidang yang lain.

3.3 Penggunaan Emas Dalam Pelbagai Produk

Perkembangan teknologi yang kian canggih telah menghasilkan revolusi penggunaan nanopartikel emas dalam penghasilan pelbagai produk berikutan manfaatnya yang pelbagai. Pada bahagian ini, pengkaji menerangkan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan.

3.3.1 Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik

Perkataan kosmetik diambil dari perkataan Yunani iaitu “Kosmetikos” yang membawa maksud keterampilan, menghias dan mengatur. Kosmetik secara umumnya merupakan

⁴⁶ Najis berdarah di mana kondisi keradangan perut usus mengakibatkan pengeluaran tinja cair yang turut berlendir dan berdarah.

⁴⁷ P.L Nayak & Umesh Kumar Parida, “Biomedical Applications of Gold,” 10.

sediaan yang digunakan pada bahagian luar badan untuk tujuan kecantikan atau pembersihan supaya rupa bentuk berubah menjadi lebih menarik dan menawan.⁴⁸ Menurut Food and Drug Administration (FDA) kosmetik merupakan bahan untuk mempercantik, menaikkan daya tarik, atau mengubah penampilan tanpa mempengaruhi struktur tubuh mahupun fungsinya.⁴⁹ Seterusnya, Asean Cosmetic Directive (ACD)⁵⁰ menyatakan kosmetik merupakan sediaan yang digunakan pada bahagian luar tubuh badan manusia seperti epidermis, sistem rambut, kuku, bibir, organ genital luaran dan lain-lain atau ke atas gigi dan membran mukosa di dalam rongga mulut.⁵¹

Selain itu, menurut garis panduan kawalan produk kosmetik Malaysia produk kosmetik merupakan mana-mana bahan atau penyediaan yang bertujuan untuk digunakan luaran tubuh manusia iaitu kulit, rambut, bibir, kuku dan bahagian luar alat kelamin atau gigi dan membran mukus di dalam mulut dengan tujuan untuk membersihkan, mewangikan, mengubah rupa dan memperbaiki bau badan serta mengekalkannya dalam keadaan yang baik.⁵² Berdasarkan pengertian yang telah dinyatakan, kosmetik merupakan produk atau alat solek yang digunakan oleh seseorang individu untuk mencantikkan dan membersihkan diri khususnya bahagian luaran agar kelihatan lebih cantik, kemas, indah dan berseri.

Dermatologi melaporkan penggunaan produk kosmetik pada bahagian muka, rambut, kuku, dan kulit merupakan bahagian anggota yang kerap kali digunakan bagi tujuan

⁴⁸ Mohamad Isa Abdul Majid, *Kosmetik dan Anda* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2009), 23.

⁴⁹ Penulis tidak diketahui, "Is it a cosmetic, a drug, or both? (Or is it soap?)," laman sesawang *U.S. Food and Drug Administration*, dikemaskini 25 Februari 2022, diakses 27 Januari 2023, <http://www.fda.gov/cosmetics/guidancecomplianceregulatoryinformation/ucm074201.htm>

⁵⁰ Penulis tidak diketahui, "Definition and Scope of Cosmetic Product," laman sesawang *Asean Cosmetics Association*, dikemaskini 30 September 2015, diakses 27 Januari 2023, <http://aseancosmetics.org/default/asean-cosmetics-directive/Articles-of-acd>

⁵¹ Suhaimi Ab Rahman & Muhammad Aizat Jamaluddin, "Kriteria Makanan yang Baik dan Buruk" (Halal Haram Dalam Kepenggunaan Islam Semasa, Universiti Putra Malaysia, Selangor, 2011), 185.

⁵² Erina Camillia Mohd Chazali, "Kawalan Produk Kosmetik di Malaysia," Laman Sesawang MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, dikemaskini 22 Ogos 2019, dicapai 27 Januari 2023, <http://www.myhealth.gov.my/kawalan-produk-kosmetik-di-malaysia/>

kecantikan, penampilan diri mahupun rawatan.⁵³ Kategori atau jenis-jenis kosmetik diklasifikasikan kepada beberapa bahagian tertentu. Pertama, bahagian kosmetik solekan seperti pemerah pipi, celak, pemerah bibir, bedak asas, pembayang mata dan penggaris mata. Kosmetik jenis ini sering digunakan dan menjadi kesukaan dalam kalangan wanita. Hal ini kerana kosmetik solekan ini mampu membuat wajah si pemakai kelihatan cantik berseri dengan solekan yang menarik. Kedua, kosmetik perawatan muka turut dikategorikan sebagai jenis kosmetik yang menjadi kegunaan harian sama ada di kalangan wanita mahupun lelaki.⁵⁴ Kosmetik penjagaan muka digunakan bagi memelihara fungsi kulit⁵⁵, mengekalkan kelembapan kulit,⁵⁶ mengurangkan tisu parut pada kulit⁵⁷ dan mengurangkan tanda-tanda penuaan kulit⁵⁸ kepada pengguna. Contoh bagi kosmetik perawatan muka adalah seperti pencuci muka, toner, pelindung matahari, topeng muka dan krim pelembab.

Seterusnya yang ketiga, produk kecantikan rambut seperti syampu, krim, gel, mousse, dan penyembur merupakan antara produk yang sering digunakan pada rambut dan dikategorikan sebagai kosmetik penjagaan rambut.⁵⁹ Penggunaannya sering digunakan untuk membersihkan, mengekalkan dan menghilangkan kelemumur. Produk kosmetik rambut turut diguna pakai dalam mengatasi masalah keguguran serta kerosakan rambut. Keempat, jenis kosmetik dalam penjagaan kuku turut digunakan oleh golongan wanita dan lelaki sebagai sebahagian kecantikan diri. Mengilat dan mewarnakan kuku

⁵³ Zoe Kececioglu Draelos, "Cosmetics: An Overview", *Current Problems in Dermatology* 2.7 (1995), 45-64.

⁵⁴ Zoe Diana Draelos, "Cosmetics and Skin Care Products: A Historical Perspective" *Dermatologic Clinic* 4.18 (2000), 557-559.

⁵⁵ J.T Mortenson, P. Bjerring & M.Cramers, "Locobase Reapir (R) Cream Following CO2 Laser Skin Resurfacing Reduces Interstitial Fluid Oozing", *Journal of Cosmetics and Laser Therapy* 3 (2001), 155-158.

⁵⁶ R.H Muller, "The Influence of Solid Lipid Nanoparticles on Skin Hydration and Viscoelasticity- in Vivo Study," *European Journal of Pharmaceutics and Biopharmaceutics* 56.1 (2003), 67-72.

⁵⁷ J. Armendariz-Borunda et al., "A Control Clinical Trial with Pirfenidone in the Treatment of pathological Skin Scarring Caused by Burns in Pediatric Patients," *Annals of Plastic Surgery* 68.1 (2012), 22-28.

⁵⁸ A.Vararesou et al., "Efficacy and Tolerance Study of an Oligopeptide with Potential Anti-Aging Activity," *Journal of Cosmetics, Dermatological Sciences and Applications* 1.4 (2011), 133-140.

⁵⁹ Maria Fernanda Reis, "Hair Cosmetics: An Overview," *International Journal of Trichology* 1.7 (2015), 2-15.

melalui teknik *manicure*⁶⁰ dan *pedicure*⁶¹ merupakan antara rawatan yang popular pada masa kini. Terdapat beberapa jenis produk kosmetik penjagaan kuku seperti pengilat dan pewarna kuku. Akhir sekali, terdapat juga jenis kosmetik lain yang menjadi kebiasaan penggunaannya dalam kehidupan seharian seperti pembersih badan, pencukur janggut serta misai, produk wangi-wangian, dan deodorant.

Dalam menggunakan sesuatu produk kosmetik, aspek keselamatan merupakan salah satu perkara yang perlu diambil berat oleh pengguna. Di Malaysia, JAKIM merupakan pihak berkuasa yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam mengeluarkan pensijilan Halal terhadap sesuatu produk di pasaran.⁶² Terdapat sembilan skim pensijilan halal yang dikendalikan oleh pihak JAKIM iaitu premis makanan, produk, bahan guna, kosmetik, rumah sembelihan, farmaseutikal, logistik, Original Equipment Manufacturer (OEM) dan peranti perubatan.⁶³ Garis panduan utama yang diguna pakai oleh Badan Pensijilan Halal JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang digunakan bersama standard halal Malaysia sebagai keperluan panduan prosedur pensijilan halal.⁶⁴ Produk kosmetik serta dandanan diri adalah produk yang selamat dan dibenarkan oleh hukum Syarak sekiranya menepati ciri-ciri berikut:⁶⁵

- a) bukan terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau bahan daripada anggota manusia atau terbitan daripadanya;

⁶⁰ Rawatan tangan dan kuku tangan.

⁶¹ Rawatan kaki dan kuku kaki.

⁶² Seksyen 29 Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan Halal (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

⁶³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga), Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021.

⁶⁴ Rosita Husain, "Implementation of Statistical Process Control by Management in Cosmetic Production Organization: Case of Halal Cosmetics Companies in Selangor," *JABER* 13.7, (2015) 5899-5919.

⁶⁵ Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1: 2008 Barangan Kepenggunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia 2008), 2.

- b) bukan terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahan daripada halwan yang orang Islam dilarang oleh hukum Syarak menggunakannya atau memakannya ataupun tidak disembelih mengikut hukum Syarak;
- c) tidak mengandungi apa-apa bahan atau bahan terubahsuai genetik yang dihukum sebagai najis mengikut hukum Syarak;
- d) tidak disediakan, diproses, dikilang atau disimpan dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas daripada bahan-bahan najis mengikut hukum Syarak;
- e) apabila menyediakan, memproses atau mengilang produk tersebut, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan a), b), c) atau d); dan
- f) tidak memudaratkan pengguna atau pemakainya.

Kini penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik telah digunakan secara meluas dalam penghasilan pelbagai produk kosmetik seperti krim muka, losyen badan, gincu,⁶⁶ krim siang dan malam, serum mata, topeng muka⁶⁷ dan banyak lagi. Nanopartikel emas yang digunakan dalam produk kosmetik merupakan 99.99% emas tulen dengan saiz zarah 20-30 nm dan berwarna serbuk coklat gelap di mana ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan hanya boleh dilihat dengan menggunakan mikroskop kemudian dihablur menjadi serbuk yang bersaiz lebih kecil dari molekul dan digunakan bersama bahan-bahan lain dalam penghasilan produk kosmetik. Industri kosmetik telah menemukan pelbagai kesan positif hasil penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik sekaligus menjadi perhatian di kalangan pengguna kerana daya tarikannya yang mewah dan kesan terapeutik yang berkesan. Antara kesan positif hasil penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik adalah penghantaran vitamin dan mineral yang lebih cepat kedalam

⁶⁶ Chachibaia T., "Nanoparticles - New Medical," 6.

⁶⁷ Gupta Swaroopa R.N., "Applications of Gold Nano," 189

kulit, bentuk terkecil dan paling sempurna untuk merangsang peredaran darah dalam kulit, membantu dalam penjaan semula sel kulit, menjadikan kulit lebih sihat sekaligus meningkatkan keanjalan kulit dan menjadikan tona kulit lebih baik.⁶⁸

Penghasilan produk kosmetik yang berasaskan nanopartikel emas digunakan secara meluas oleh syarikat produk kosmetik dan kecantikan pada masa kini. Antara produk kosmetik di pasaran yang mengadungi emas adalah seperti Gold Brightening Facial Treatment Mask by 111 Skin, Farsali 24k Rose Gold Elixir, Adore Golden Touch Magnetic Facial Mask, Tatcha Camelia Gold Spun Lip Balm, Shangpree Gold Black Pearl Eye Mask⁶⁹ dan banyak lagi. Selain itu, antara syarikat ternama yang menggunakan nanopartikel emas dalam penghasilan sebahagian produk kosmetik mereka ialah Syarikat Safi. Terdapat dua kategori produk Safi Rania yang berasaskan nanopartikel emas iaitu Safi Rania Gold dan Safi Youth Gold.⁷⁰

Sebanyak 16 buah jenis produk penjagaan diri dan kulit dihasilkan di bawah produk rangkaian Safi Rania Gold. Empat produk mengandungi nano emas 24K dan nutrisi madu, lima produk mengandungi kandungan nano emas 24K dan royal jelly sementara satu produk mengandungi nano emas 24K, nutrisi madu dan royal jelly. Selain itu, terdapat 3 buah produk yang mengandungi nano emas 24K dan nutrisi propolis sementara 3 buah produk yang lain masing-masing mengandungi kandungan gabungan nano emas 24K dan kepingan emas 24K diperhebatkan bersama nutrisi beetox dan propolis, nutrisi madu dan hyaluronic asid, serta nutrisi beetox, propolis dan vitamin C.⁷¹ Seterusnya bagi rangkaian produk Safi Youth Gold terdapat 16 buah jenis produk penjagaan diri dan kulit dimana produk-produk tersebut dihasilkan menggunakan

⁶⁸ *Ibid*, 189-190.

⁶⁹ Ulfa Luthfia, "Super Mewah, Ini 5 Produk Kecantikan yang punya Kandungan Emas 24 Karat," laman sesawang *IDN Times*, dikemaskini 17 Mei 2018, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.idntimes.com/life/women/ulfa-luthfia/produk-kecantikan-yang-punya-kandungan-emas-24-karat-clc2>

⁷⁰ Wipro Unza Holdings Ltd, "Skincare," Laman sesawang *Safi*, diakses 27 Januari 2023, https://safi.com.my/skincare/?filter=true&product_tag=safi-rania-gold

⁷¹ *Ibid*.,

kandungan bahan seperti 98% emas tulen, ceramide 3, triple gold, Hyaluronic Acid, royal jelly, nano emas 24K, Golden C, alga merah, nutrisi propolis, peptida antipenuaan, esen ros, ekstrak akar manis, madu dan niacinamide.⁷²

3.3.2 Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, farmaseutikal ialah perihal yang berkaitan dengan ubat-ubatan atau farmasi.⁷³ Dalam bahasa Inggeris farmaseutikal disebut sebagai *pharmaceutical* yang membawa maksud (1) *something relating to the production of medicines*, (2) *connected with the science, preparation, and production of medicines* dan (3) *a drug that is made by a big drug company*.⁷⁴ Adapun dalam bahasa Arab, farmaseutikal disebut *āl-ṣaydalāh* yang membawa maksud suatu ilmu sains yang mengkaji tentang dadah, sifat dan komposisi dadah serta segala yang berkaitan dengannya.⁷⁵ Kesimpulannya, farmaseutikal merupakan suatu ilmu sains berkaitan ubat-ubatan atau dadah yang diberikan kepada pesakit bagi tujuan merawat, menyembuhkan atau mengurangkan gejala penyakit.

Industri farmaseutikal di Malaysia telah berkembang dengan stabil sepanjang dekad yang lalu. Produk farmaseutikal yang dikeluarkan di Malaysia terdiri daripada produk ubat baru seperti *inovator* atau pencipta, produk biologi yang terdiri daripada vaksin, hormon dan antibodi monoclonal serta produk generik sama ada preskripsi atau tanpa preskripsi. Selain itu, produk farmaseutikal di Malaysia juga merangkumi produk makanan tambahan dan tambahan kesihatan seperti vitamin, enzim, dan probiotik produk

⁷² *Ibid.*,

⁷³ Kamus Dewan Edisi Keempat, "Farmaseutikal," laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, dikemaskini 2017, diakses 30 Januari 2023, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=farmaseutikal>

⁷⁴ Cambridge Dictionary, "Pharmaceutical," laman sesawang *Cambridge University Press & Assessment* 2023, dikemaskini 2023, diakses 30 Januari 2023, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/pharmaceutical>

⁷⁵ Aḥmad Ṣhawqī Daif et al., *āl Mu'jam āl-Wasit Edisi kelima* (āl-Qāherah: Maktabah āl-ṣyuruq āl-dawliyah, 2011), 550.

perubatan tradisional dan komplementari seperti nutraseutikals dan makanan tambahan herba serta produk veterinar seperti vaksin, hormon dan vitamin.⁷⁶ Kesemua produk farmaseutikal termasuk suplemen kesihatan dan ubat-ubatan tradisional perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dipasarkan di Malaysia. Penilaian terhadap produk perlu dijalankan bagi memastikan kualiti, dan keselamatan produk farmaseutikal serta ubat-ubatan tradisional terjamin untuk digunakan oleh masyarakat Malaysia. Selain itu, penilaian keberkesanan juga dijalankan bagi memastikan produk farmaseutikal yang berada di pasaran tempatan adalah berkesan.⁷⁷ Produk yang berdaftar dengan PBKD mempunyai dua ciri utama iaitu mempunyai nombor pendaftaran MAL dan pelekat hologram FarmaTagTM. Kedua-dua ciri ini perlu dipamerkan pada setiap pek jualan ubat-ubatan.⁷⁸

Sebagai masyarakat Islam yang peka akan perihal produk farmaseutikal yang terdapat di pasaran, pengguna perlu memastikan produk farmaseutikal tersebut halal dan selamat sebelum dikonsumsi. Produk farmaseutikal halal adalah ubat-ubatan dan produk kesihatan pengguna termasuk ubat tradisional yang telah berdaftar dengan KKM yang mengandungi ramuan dibenarkan oleh hukum syarak dan fatwa serta proses pengeluarannya mematuhi hukum syariah dan fatwa.⁷⁹ Ubat-ubatan yang disahkan halal bukan sahaja untuk manfaat umat Islam, bahkan diyakini suci dari aspek kebersihan dimana ubat-ubatan tersebut selamat untuk dimakan dan digunakan, mempunyai jaminan keberkesanan produk, mempunyai standard pengeluaran dan bahan ramuan yang berkualiti serta diproses dalam keadaan yang bersih.⁸⁰ Selain itu, dalam Islam produk

⁷⁶ MIDA, "Farmaseutikal," laman sesawang *Malaysian Investment Development Authority*, dikemaskini 2023, diakses 4 Februari 2023, <https://www.mida.gov.my/ms/industri/perkilangan/sains-hayat-teknologi-perubatan/farmaseutikal/>

⁷⁷ Kementerian Kesihatan Malaysia, "Bagaimana mengenal pasti ubat-ubatan berdaftar?," laman sesawang *Portal Rasmi Program Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia*, dikemaskini 2023, diakses 4 Februari 2023, <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/soalan-lazim/bagaimana-mengenal-pasti-ubat-ubatan-berdaftar.html>

⁷⁸ *Ibid.*,

⁷⁹ Duopharma Biotech, "Apa itu Farmaseutikal Halal?," laman sesawang *halal4pharma*, dikemaskini 2021, diakses 4 Februari 2023, <https://halal4pharma.com/what-is-halal-pharmaceutical/?lang=ms>

⁸⁰ *Ibid.*,

farmaseutikal yang selamat bukan sahaja perlu suci, bersih dan menyihatkan malah terhindar daripada perkara-perkara yang berbahaya, memabukkan, najis dan menepati konsep *halālan tayyiban*.⁸¹ Berdasarkan kepada MS 2424:2019 produk farmaseutikal dan perubatan yang dibenarkan di bawah peraturan syariah sekiranya menepati syarat-syarat berikut:⁸²

- a) tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal dari segi syarak atau mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak
- b) tidak mengandungi najis mengikut hukum syarak,
- c) selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak merbahaya kepada kesihatan mengikut dos yang di preskripsi
- d) tidak disediakan, diproses, dikilang menggunakan peralatan yang tercemar dengan najis mengikut hukum syarak,
- e) tidak mengandungi mana-mana bahagian manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak,
- f) semasa penyediaan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, dan pengedarannya, produk farmaseutikal halal dipisahkan secara fizikal daripada mana-mana produk farmaseutikal lain yang tidak memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a), b), c), d), atau e), atau mana-mana butiran yang telah dihukumkan sebagai tidak halal dan najis menurut hukum syarak.

Seterusnya, terdapat beberapa kaedah rawatan yang digunakan dalam bidang farmaseutikal bagi merawat sesuatu penyakit seperti kaedah rawatan tradisional dan kaedah rawatan moden. Kaedah rawatan tradisional merupakan sejenis kaedah rawatan

⁸¹ Nazatul Nabila Mohd Jalil & Zalina Zakaria, "Keselamatan Produk Farmaseutikal dalam Perundangan Malaysia dan Syariah: Satu Sorotan Literatur," *Journal of Shariah Law Research* 1.2 (2016), 195-196.

⁸² Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2012 Farmaseutikal Halal: Garis Panduan Umum* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia 2012), 1-2.

yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Lazimnya kaedah rawatan tradisional ini menggunakan sumber daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan bahan semulajadi yang diaplikasikan secara khusus atau gabungan bagi tujuan diagnosis atau merawat penyakit.⁸³ Adapun kaedah rawatan moden pula merupakan salah satu cabang sains yang berkaitan dengan biologi serta mengamalkan kaedah diagnosis, rawatan dan pencegahan sesuatu penyakit. Kaedah rawatan moden mempunyai hubungan langsung dengan sains kesihatan dan biopembuatan yang meliputi pelbagai bidang seperti perubatan klinikal, penyelidikan perubatan dan pembedahan dalam merawat penyakit berbahaya dan kecederaan.⁸⁴ Kedua-dua kaedah rawatan ini merupakan alternatif yang digunakan bagi merawat sesuatu penyakit dalam bidang farmaseutikal.

Kini produk farmaseutikal dan ubat-ubatan berasaskan nanopartikel emas telah digunakan secara meluas dalam bidang farmaseutikal sama ada melalui kaedah rawatan tradisional mahupun kaedah rawatan moden. Penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal bukanlah suatu perkara yang baharu kerana ia telah digunakan sejak berabad tahun yang lalu. Sebagai contoh dalam kaedah tradisional, nanopartikel emas telah digunakan bagi merawat penyakit seperti cacar, ulser, masalah kulit dan campak di China sementara di Jepun nanopartikel emas diletakkan dalam teh kerana memberi manfaat kepada kesihatan. Di Bangladesh, Pakistan dan India, ubat-ubatan tradisional Ayurveda bersama emas digunakan secara meluas bagi tujuan peremajaan dan merawat penyakit tua.⁸⁵ Sementara di negara barat, nanopartikel emas digunakan bagi merawat penyakit epilepsi, sifilis serta penyakit yang berkaitan batuk kering.⁸⁶ Di samping itu, dalam kaedah rawatan moden, nanopartikel emas digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser⁸⁷ dan mempunyai potensi yang besar dalam merawat dan menghapuskan

⁸³ Ab Razak Ab Karim, "Transformasi Perubatan Tradisional ke arah Perubatan Moden," (kertas persidangan di Padang, Indonesia, 2018), 2-3.

⁸⁴ *Ibid*, 4-5.

⁸⁵ Am Mujibul Haq, ASM Giasuddin & KA Jhuma, "Use of Gold Nanoparticles," 57.

⁸⁶ Ravishankar Rai V. & Jamuna Bai A., "Nanoparticles and their potential," 202.

⁸⁷ Martien R. et al., "Pekembangan Teknologi Nanopartikel," 133-144.

sel kanser,⁸⁸ digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi⁸⁹ dan sebagainya.

3.3.3 Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, makanan ialah apa sahaja yang boleh dimakan sama ada yang mempunyai zat, vitamin, dan protein seperti nasi, roti, ikan, sayur-sayuran dan sebagainya mahupun yang ringan, tidak begitu mengenyangkan, ringkas dan dapat disediakan dengan cepat seperti keropok, kacang dan sebagainya.⁹⁰ Dalam bahasa Inggeris, makanan disebut sebagai *food* yang dihuraikan sebagai (1) *articles used for food or drink for man or other animals*, (2) *chewing gum*, (3) *articles used for food components of any other such article*.⁹¹ Adapun dalam bahasa Arab, makanan disebut *al-ṭa'am* jamaknya *al-aṭ'imah* beerti sesuatu yang diambil oleh manusia dan hidupan lain sebagai keperluan asasi demi kelangsungan hidup.⁹² Oleh itu, makanan merupakan sesuatu yang diambil untuk dimakan dan menjadi keperluan asasi yang diperlukan oleh tubuh badan tidak kira sama ada manusia, tumbuhan, haiwan, mahupun hidupan lain demi meneruskan kelangsungan hidup.

Dalam memilih makanan, aspek keselamatan haruslah dipertimbangkan oleh setiap individu. Makanan yang selamat merujuk kepada makanan yang bebas daripada risiko yang tidak boleh diterima oleh suatu populasi manusia.⁹³ Dua organisasi yang terlibat dalam penggubalan standard keselamatan makanan adalah International Commission on

⁸⁸ Yuxuan Zhu et al., "Multifunctional Gold Nanoparticles," 2041-2067.

⁸⁹ *Ibid.*,

⁹⁰ Kamus Dewan Edisi Keempat, "Makanan," laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka*, dikemaskini 2017, diakses 30 Januari 2023, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=makanan>

⁹¹ Fortin, N.D., *Food Regulation: Law, Science, Policy, and Practice* (New Jersey: John Wiley & Sons, 2009), 35.

⁹² 'Abd Allah bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭāriqī, *Aḥkām al-aṭ'imah fī al-ṣyarīah al-Islāmiyyah*, (Riyādh: t.p. 1984), 6.

⁹³ Yasmine Motarjemi et al., *Encyclopedia of Food Safety* (USA: Elsevier, 2014), 4.

Microbiological Specification for Foods (ICMSF) dan CODEX Alimentarius Commission (CAC).⁹⁴ Menurut CAC, keselamatan makanan adalah satu jaminan bahawa makanan tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna semasa ia disediakan atau dimakan merujuk kepada kegunaannya.⁹⁵ Mengikut Jabatan Standard Malaysia produk makanan yang selamat dan dibenarkan oleh hukum Syarak sekiranya menepati ciri-ciri berikut:⁹⁶

- a) tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal kepada orang Islam mengikut hukum syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak,
- b) tidak mengandungi ramuan daripada bahan najis mengikut hukum syarak,
- c) selamat dan tidak memudaratkan
- d) tidak disediakan, diproses, atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak,
- e) tidak mengandungi mana-mana bahan atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan syarak,
- f) semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan lain yang tidak menepati keperluan seperti a) b) c) d) atau e) atau bahan-bahan lain yang telah disahkan najis mengikut hukum syarak.

Di samping itu, Islam juga amat menitikberatkan aspek pengambilan makanan yang selamat dan menganjurkan penganutnya untuk mengambil makanan bersesuaian dengan tubuh badan iaitu yang tidak mendatangkan sebarang kemudharatan, alahan mahupun penyakit terhadap tubuh badan.⁹⁷ Hal ini seiring dengan gaya pemakanan

⁹⁴ Jean Kinsey, "Does Food Safety Conflict with Food Security? The Safe Consumption of Food" (working paper, The Food Industry Center, University of Minnesota, 2004), 3.

⁹⁵ Yasmine Motarjemi & Hubb Lelieveld, *Food Safety Management: A practical Guide for Food Industry* (USA: Elsevier, 2014), 6.

⁹⁶ Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500: 2019 Makanan Halal: Keperluan Umum* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia 2019), 2.

⁹⁷ Musfirah Syahida, Saadan Man & Mohd Anuar Ramli, "Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam : Kajian Terhadap Pengambilan Makanan Berisiko," *Jurnal Fiqh* 12 (2015), 23-24.

Rasulullah SAW yang sentiasa menjaga pemakanan dengan mengambil makanan yang berkhasiat dan bernutrisi. Antara kriteria pemakanan halal yang digariskan menurut al-Quran ialah tidak mengandungi sesuatu yang memabukkan, tidak bersumberkan darah haiwan, bukan berasaskan sumber manusia, khinzir dan derivatifnya, serta tidak bersumberkan bangkai atau tidak disembelih.⁹⁸

Secara umumnya, setiap negara mempunyai badan yang bertanggungjawab memastikan produk makanan dan minuman yang jual di pasaran selamat digunakan. Di Malaysia, terdapat pelbagai agensi yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam isu berkaitan makanan halal. Bagi tujuan pesijilan halal, JAKIM, JAIN dan MAIN merupakan pihak yang bertanggungjawab di bawah Perintah 3, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Agensi lain yang turut berperanan sekiranya berlaku penyalahgunaan terhadap makanan antaranya KKM dan KPDNKK.⁹⁹ Selain itu, Badan Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) ditubuhkan dibawah bidang kuasa KKM berperanan untuk melindungi orang awam dari bahaya dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penyimpanan makanan.¹⁰⁰

Kini, penggunaan nanopartikel emas sebagai perhiasan dan bahan tambahan dalam sesuatu makanan semakin mendapat tempat dikalangan pengusaha produk makanan. Emas yang digunakan sebagai bahan tambahan dalam makanan ialah *edible gold* iaitu emas murni khusus yang tidak berbahaya dan telah mendapat kelulusan daripada European Food Safety Administration (EFSA) serta dipersetujui oleh European Commision (EC) sebagai bahan tambahan makanan di bawah kod E 175.¹⁰¹ *Edible gold* ini berbeza dengan emas yang kebiasaannya digunakan sebagai perhiasan kerana *edible*

⁹⁸ Muhammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli & Suhaimi Ab. Rahman, "Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Isu-Isu Makanan Semasa" (Kertas Persidangan, 2011), 13.

⁹⁹ Setiyawan Gunardi et.al, "Panduan Makanan dan Minuman Halal," 302.

¹⁰⁰ Musfirah Syahida Mohamad, Saadan Man & Mohd Anuar Ramli, "Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam," 23-24.

¹⁰¹ EFSA Panel, "Scientific Opinion on the re-evaluation of gold," 2-3.

gold merupakan campuran emas murni dengan kadar 23 hingga 24 karat digabungkan bersama perak. Komposisi umumnya terdiri dari 98% emas dan 2% perak, di mana perak juga telah diisytiharkan selamat untuk dimakan di Eropah.¹⁰² Adapun emas biasa terdiri dari emas 24 karat iaitu 99.9% emas tulen, emas 22 karat iaitu 91.66% emas tulen bersama 8.34% gabungan logam seperti tembaga, zink, nikel dan aloi lain, emas 18 karat iaitu 75% emas tulen bersama 25% logam lain seperti tembaga, zink, nikel dan perak serta emas 9 karat iaitu 37.5% emas tulen bersama 62.5% logam lain seperti nikel, zink, dan paladium.¹⁰³ Emas yang digunakan dalam makanan disebut *edible* kerana jenis emas ini tidak mengandungi racun dan tidak diserap oleh tubuh yang terdiri daripada pelbagai bentuk seperti daun emas, serpihan emas dan debu emas.

Daun emas merupakan emas asli yang dipukul menggunakan peralatan khas sehingga membentuk kepingan emas nipis yang mengandungi 92% emas asli serta mempunyai label *food grade*.¹⁰⁴ Seterusnya, serpihan emas yang boleh dimakan adalah serpihan yang biasanya digunakan oleh chef untuk menghias makanan dan meletakkannya menggunakan pinset. Serpihan tersebut boleh didapati dalam bentuk bebas dan saiznya adalah lebih besar sedikit berbanding serbuk. Adapun debu emas yang boleh dimakan merupakan serbuk yang sangat halus digunakan bersama berus khas dan ditaburkan pada konfeksi hiasan pastri dan kek, minuman serta pencuci mulut bertujuan menghasilkan rupa makanan yang cantik.¹⁰⁵ Antara contoh makanan bersalutkan emas yang terdapat dipasaran adalah seperti pizza bersama daun emas 24K, sandwich keju yang dililit emas sebenar, roti burger bersama emas 24K, kopi yang ditabur serbuk emas, kek coklat bersama beberapa lembaran emas, kepek ayam goreng celup emas tulen, rollney

¹⁰² Umi Aulia, "Tinjauan Maqasid Syari'ah," 99.

¹⁰³ Habib, "Apakah Beza Antara Emas 24K, 22K, 18K, 9K?" *laman sesawang Habib*, dikemaskini 12 Julai 2022, dicapai 7 Februari 2024, <https://www.habibjewels.com/apakah-beza-antara-emas-24k--22k--18k--9k-->

¹⁰⁴ Iksir Faukonuri, "Tinjauan Hukum Islam," 18-19.

¹⁰⁵ *Ibid.*,

yang disalut dengan serbuk emas tulen¹⁰⁶ dan sebagainya. *Edible gold* lazimnya digunakan sebagai hiasan makanan bagi menambahkan kesan mewah pada makanan tersebut.

3.4 Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk

Dalam memilih atau menggunakan sesuatu produk mahupun rawatan, pengguna akan melihat dan menilai dari segi fungsi serta manfaat yang bakal diperoleh hasil penggunaan sesuatu produk. Berikut merupakan manfaaat penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan.

3.4.1 Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik

Penggunaan produk kosmetik berasaskan nano telah digunakan sejak berabad tahun yang lalu khususnya dalam penjagaan kesihatan dan keserian wajah. Antara teknologi nano yang digunakan untuk menghasilkan produk kosmetik adalah menggunakan nanopartikel emas. Hal ini berikutan keunikan fungsi emas yang terdapat pada nanopartikel tersebut. Antara manfaat penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik adalah seperti berikut :

Pertama, menjadikan kulit lebih muda, bersih, dan cantik. Berdasarkan sejarah, penggunaan emas dalam penjagaan wajah telah digunakan oleh Ratu Cleopatra di Mesir pada zaman kegemilangannya. Beliau menggunakan topeng emas setiap malam untuk menjadikan kulitnya lebih muda, berseri dan cantik.¹⁰⁷ Selain itu, penggunaan

¹⁰⁶ AbdusFauzi, "8 Makanan Bersalut Emas Tulen Bkal Buat Anda Rasa 'Like A Royal'," laman sesawang *Makanlena* dikemaskini 18 Januari 2019, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.makanlena.com/2019/01/18/8-makanan-bersalut-emas-tulen-bakal-buat-anda-rasa-like-a-royal/>

¹⁰⁷ Pet'ko Lyudmila & Faut Maria, "The Magic of the Queen of Egypt in the Rose Cleopetra," DOI: 10.32370/IA (2021), 8.

nanopartikel emas dalam produk kosmetik berfungsi meningkatkan percambahan sel fibroblas supaya regenerasi kulit berlaku secara teratur dan kulit kelihatan lebih muda dan bersih.¹⁰⁸

Seterusnya, manfaat penggunaan emas dalam produk kosmetik ialah menjadikan kulit lebih cerah, putih dan berseri. *Skin whitening* atau pemutih kulit merupakan produk kosmetik yang menjadi tumpuan di kalangan pengguna yang menginginkan wajah yang putih, cerah dan gebu. Penghasilan agen pemutih wajah menggunakan bahan alam bersama teknologi nanopartikel emas dapat meningkatkan kemampuan zat aktif dalam proses penyerapan sel kulit. Keberkesanan sesuatu agen pemutih ditentukan melalui kandungan melanin dalam sel kulit. Kombinasi bahan alam bersama nanopartikel emas memberi kesan yang lebih baik bagi mencerahkan dan memutihkan kulit.¹⁰⁹

Manfaat penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik yang lain ialah merawat kulit yang rosak akibat penggunaan bahan kimia secara berlebihan¹¹⁰ serta penggunaan kosmetik berbahaya seperti merkuri yang boleh merosakkan kulit.¹¹¹ Kulit yang sering terdedah dibawah sinaran matahari menyebabkan pengeluaran melanin atau pigmen hitam pada kulit. Hal ini dapat diatasi dengan penggunaan nanopartikel emas yang berfungsi memudahkan dan menghilangkan tompokan hitam pada wajah serta merawat kulit yang berminyak kembali normal dan kulit yang normal menjadi semakin cerah, halus, segar dan baik.¹¹²

Selain itu, penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik penjagaan rambut menjadikan rambut lebih cantik dan gelap. Menurut suatu kajian yang dilakukan oleh saintis Perancis Philippe Walter dan rakan-rakan, rambut yang berwarna putih telah bertukar kepada kuning keputihan dan kemudian menjadi lebih gelap setelah

¹⁰⁸ Titik Taufikurohmah, D.Winarni & A.Baktir, "Histology Study: Pre-Clinic Test," 57.

¹⁰⁹ Sista Werdyani, Lisnawati Tiara Putri & Yandi Syukri, "Aplikasi Gold Nanopartikel," 116-127.

¹¹⁰ Titik Taufikurohmah et al., "The Clinical Test of Nano Gold," 1-5.

¹¹¹ Titik Taufikurohmah et al., "Clinical Test of Nanogold-Nanoseaweed," 891-895.

¹¹² *Ibid.*,

dicampurkan dengan nanopartikel emas. Warnanya juga masih kekal gelap walau dicuci berulang kali.¹¹³ Hal ini menunjukkan keberkesanan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik penjagaan rambut.

Di samping itu, nanopartikel emas berfungsi menjadikan kulit lebih anjal dan tegang. Kulit cenderung menjadi kendur apabila keanjalannya berkurangan atau hilang sepenuhnya. Sel-sel kulit yang telah dirangsang bersama nanopartikel emas boleh mengurangkan pecahan elastin dan menyebabkan kulit menjadi lebih anjal dan tegang sekaligus memperbaiki tona kulit.¹¹⁴ Selanjutnya, zarah-zarah kecil yang diserap ke dalam kulit memberikan khasiat sebagai antioksidan, anti penuaan dan anti jerawat untuk melindungi kulit dari sinar ultraviolet (UV) serta memperbaiki penatrasi kulit.¹¹⁵ Penggunaan nanopartikel emas dalam penjagaan kulit terbukti dapat melambatkan pengurangan tahap kolagen dalam sel-sel kulit seterusnya menjadikan kulit lebih licin, anjal, dan terjaga walaupun usia bertambah tua.¹¹⁶ Kolagen dihasilkan dalam badan untuk menjadikan tubuh lebih fleksibel serta bertanggungjawab untuk memberikan kulit yang lebih anjal dan licin dan awet muda.

Akhir sekali, nanopartikel emas telah diuji secara *in vitro*¹¹⁷ pada radikal bebas dan ia adalah antioksidan yang kuat daripada Vitamin E dan Vitamin C.¹¹⁸ Ciri ciri antioksidan yang hadir dalam nanopartikel emas membantu meningkatkan peredaran darah yang membawa kepada pengurangan jerawat dan alahan terhadap kulit.¹¹⁹ Ion yang hadir dalam nanopartikel emas berfungsi merangsang sel-sel saraf dan urat dalam badan

¹¹³ Philippe Walter et al., "Hair Fiber as a Nanoreactor in Controlled Synthesis of Fluorescent Gold Nanoparticles," *Nano Letters* 12 (2012), 6212-6217.

¹¹⁴ Gupta Swaroopa R.N., "Applications of gold nano particles," 181-198.

¹¹⁵ Irma Rahayu Latarissa & Patihul Husni, "Review Artikel: Aplikasi Nanopartikel Pada Sediaan Kosmetik," *Artikel Farmaka*, 14.1 (tt), 104-113.

¹¹⁶ C.Y. Tsai et al., "Amelioration of Collagen-induced arthritis in rats by nanogold," *Arthritis & Rheumatism* 56.2 (2017), 544-554.

¹¹⁷ Di luar badan organisma, biasanya di dalam tabung uji.

¹¹⁸ Achmad Syahrani et al., "Activity Test of Nanogold," 611-617.

¹¹⁹ Dong Hye Suh et al., "Photothermal therapy using gold nanoparticles for acne in Asian patients: A preliminary study," *Dermatologic Therapy* 34.3 (2021), 12-15.

yang membawa kepada peredaran darah yang lebih baik sekaligus meningkatkan kadar metabolisme sel kulit dan rembesan sisa dalam tubuh badan.¹²⁰

Berdasarkan senarai yang telah dinyatakan di atas, jelas menunjukkan nanopartikel emas digunakan bertujuan untuk menjadikan kulit lebih muda, bersih, cantik, cerah, putih dan berseri. Selain itu, penggunaanya juga bertujuan merawat kulit yang rosak dan berminyak, mendapatkan rambut yang lebih cantik dan gelap serta membantu meningkatkan peredaran darah yang membawa kepada pengurangan jerawat dan alahan terhadap kulit. Akhir sekali, penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik digunakan sebagai antioksidan, anti penuaan dan anti jerawat untuk melindungi kulit dari sinar ultra violet serta memperbaiki penatrasi kulit sekaligus menjadikan kulit lebih anjal dan tegang. Oleh sebab itu, nanopartikel emas digunakan dalam penghasilan produk kosmetik kerana terdapat banyak kesan positif dan manfaat berikutan sifat unik yang terdapat pada nanopartikel emas.

3.4.2 Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal

Nanopartikel emas telah digunakan dalam bidang farmaseutikal sejak berabad tahun yang lalu. Di China, penggunaan terapeutik emas dalam bidang farmaseutikal telah dikesan pada tahun 2500 sebelum masihi di mana emas digunakan bagi merawat penyakit seperti cacar, masalah kulit, ulser dan demam campak.¹²¹ Di India, koloid emas merah digunakan dalam penyediaan ubat-ubatan bagi merawat penyakit tua¹²² adapun di negara barat emas digunakan bagi merawat masalah saraf.¹²³ Pada abad ke 16, emas telah digunakan bagi rawatan epilepsi dan pada awal abad ke 19 emas digunakan bagi rawatan sifilis.¹²⁴

¹²⁰ *Ibid.*,

¹²¹ Giasuddin A., Jhuma K., & Mujibul A., "Use of Gold Nanoparticles," 57.

¹²² Mahdihassan S. "Cinnabar-gold as the best," 93-108.

¹²³ Higby G.J., "Gold in medicine," 130-140.

¹²⁴ Ravishankar Rai V. & Jamuna Bai A., "Nanoparticles and their potential," 202.

Berikutan penemuan kesan bakteriostatik sianida emas terhadap *bacillus tubercle*¹²⁵ oleh Robert Koch, terapi berasaskan emas bagi merawat penyakit batuk kering atau dikenali sebagai tibi telah diperkenalkan pada tahun 1920.¹²⁶ Selain itu, sebatian emas dalam bidang farmaseutikal digunakan bagi merawat penyakit berkaitan artritis reumatoid¹²⁷ termasuk artritis psoriatik,¹²⁸ *juvenile idiopathic arthritis*,¹²⁹ rematik palindromik¹³⁰ dan *discoïd lupus erythematosus*.¹³¹

Teknologi menggunakan nanopartikel emas semakin mendapat tempat dalam bidang farmaseutikal berikutan manfaatnya yang pelbagai. Antara manfaat penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal adalah digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser.¹³² Hal ini kerana nanopartikel emas boleh menembus ruang-ruang antara sel yang hanya dapat ditembus oleh ukuran partikel koloid,¹³³ memiliki kestabilan dan kapasiti yang tinggi, dilindungi dari degradasi, mempunyai pelepasan yang terkawal, toleransi yang sangat baik,¹³⁴ selamat dan memenuhi keperluan dos.¹³⁵ Oleh sebab sifat optik¹³⁶ nanopartikel emas yang unik dan konjugasi¹³⁷ yang pelbagai, penggunaan nanopartikel emas telah menunjukkan potensi yang besar dalam merawat penyakit kanser.¹³⁸ Antara kaedah yang digunakan bagi merawat penyakit kanser adalah dengan

¹²⁵ Sejenis bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang menyebabkan penyakit *tuberculosis* atau batuk kering.

¹²⁶ S.S. Ghambir et al., "Gold Nanoparticles: A Revival," 4029-4036.

¹²⁷ *Ibid.*,

¹²⁸ Penyakit radang sendi yang mempunyai kaitan dengan penyakit kulit psoriasis.

¹²⁹ Sejenis penyakit autoimun di mana sistem imun atau sisitem pertahanan badan kanak-kanak itu sendiri melawan sendi-sendi kanak-kanak tersebut dan menyebabkan keradangan.

¹³⁰ Sejenis artritis radang yang jarang berlaku kebiasaannya muncul pada orang yang berumur 20 dan 50 tahun yang menyebabkan sakit sendi dan bengkak.

¹³¹ Bentuk keradangan kulit yang berlaku terutamanya pada kulit yang terdedah kepada cahaya matahari dan boleh menyebabkan parut.

¹³² Martien R. et al., "Pekembangan Teknologi Nanopartikel," 133-144.

¹³³ Buzea C., Blandino I., & Robbie K., "Nanomaterials and Nanoparticles: Sources and Toxicity," *Biointerphases*, 2:4 (2007), 171-172.

¹³⁴ Bawarski W.E. et al., "Review Article: Pharmacology, Emerging Nanopharmaceutical," *Nanomedicine* 4 (2008), 273-282.

¹³⁵ Merisko-Liversidge E.M. & Liversidge G.G., "Drug Nanoparticles: Formulating Poorly Water-Soluble Compounds," *Toxicologic Pathology* 36 (2008), 43-38.

¹³⁶ Optik merupakan salah satu cabang fizik yang menerangkan ciri dan sifat cahaya dan hubungan cahaya dengan jirim.

¹³⁷ Tindak balas metabolisme ubat yang berlaku di hepar. Tindak balas ini melibatkan proses gabungan molekul ubat atau metabolitnya dengan molekul tertentu.

¹³⁸ Yuxuan Zhu et al., "Multifunctional Gold Nanoparticles," 2041-2067.

cara penghantaran dadah dan asid nukleik,¹³⁹ terapi fotodinamik (PDT)¹⁴⁰, *photothermal therapy* (PTT)¹⁴¹ serta gabungan PDT dan PTT yang menggunakan nanopartikel emas.¹⁴²

Dadah yang dibawa menggunakan nanopartikel emas dikesan dapat menghapuskan sel kanser.¹⁴³ Hal ini kerana nanopartikel emas tertarik kepada protein yang terdapat pada permukaan sel kanser dan nanopartikel emas dapat menyesuaikan diri untuk menusuk masuk sehingga ke dalam sel nukleus. Apabila berada di pintu masuk sel nukleus, nanopartikel emas akan melepaskan dadah ke dalam sel nukleus bagi menjalankan tugasnya.¹⁴⁴ Menurut Yuxuan Zhu, kajian penggunaan nanopartikel emas telah dilakukan keatas dua belas jenis kanser manusia di mana hasil kajian menunjukkan kesan positif yang sama. Hal ini membuktikan kaedah menggunakan nanopartikel emas sebagai pembawa untuk menyerang sesuatu sel merupakan strategi yang terbaik untuk membawa dadah masuk kedalam sel nukleus.¹⁴⁵ Di samping itu, PDT dan PTT menggunakan nanopartikel emas merupakan salah satu terapi menggunakan aplikasi cahaya aktif yang diuji berkesan apabila digabungkan bersama bagi tujuan merawat penyakit kanser.¹⁴⁶

Selain itu, nanopartikel emas juga berkesan digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer yang membolehkan maklumat anatomi tisu diberi dengan khusus dan tepat kepada doktor untuk mendiagnosis penyakit.¹⁴⁷ Terdapat kajian yang melaporkan nanopartikel emas mempunyai potensi terhadap pengesanan

¹³⁹ Sejenis makromolekul yang terdiri daripada rangkaian nukleotida yang mampu membawa maklumat atau membentuk struktur dalam sel.

¹⁴⁰ Ubat fotoaktif disuntik ke dalam sel-sel kanser untuk memamatkannya.

¹⁴¹ Terapi pencernaan merujuk kepada usaha untuk menggunakan radiasi electromagnet untuk rawatan pelbagai keadaan perubatan, termasuk kanser.

¹⁴² Yuxuan Zhu et al., "Multifunctional Gold Nanoparticles," 2041-2067.

¹⁴³ *Ibid.*,

¹⁴⁴ Teri W. Odom et al., "Light Mediated Directed Placement of Different DNA sequences on Single Gold Nanoparticles," *Journal of the American Chemical Society* 143.10 (2021) 3671-3676.

¹⁴⁵ *Ibid.*,

¹⁴⁶ Yuxuan Zhu et al., "Multifunctional Gold Nanoparticles," 2041-2067.

¹⁴⁷ *Ibid.*,

kanser terutamanya dalam pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer. Pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer telah menjadi alat diagnostik yang digunakan secara meluas kerana kecekapannya yang tinggi dan kos yang agak rendah.¹⁴⁸ Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Beik dan rakan-rakan mendapati penggunaan asid folik bersama nanopartikel emas menghasilkan kesan yang positif terhadap peningkatan imbasan imej serta pengurangan dos sinaran dalam pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer.¹⁴⁹ Hal ini adalah disebabkan oleh nombor atom dan ketumpatan elektron nanopartikel emas yang lebih tinggi (79 dan 19.32g/cm³) di mana nanopartikel emas mempamerkan pekali penyerapan sinar-X yang lebih tinggi daripada agen kontras berasaskan iodin.¹⁵⁰

Selanjutnya, manfaat penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal adalah mampu membentuk ikatan yang stabil dengan Deoxyribonucleic Acid (DNA) dan biomeleкул yang lain. Hal ini menjadikan nanopartikel emas berfungsi membawa biomeleкул ke suatu tempat di dalam tubuh di mana biomeleкул tersebut sangat berguna untuk menyampaikan ubat pada sasaran tertentu seperti sel kanser atau gen-gen tertentu.¹⁵¹ Selain itu, penggunaan nanopartikel emas berupaya mengurangkan kesan sampingan terhadap imunisasi tubuh badan dan efektif dalam menangani masalah keguguran rambut.¹⁵² Nanopartikel emas juga digunakan dalam peralatan perubatan seperti wayar yang digunakan bagi rawatan penyakit jantung¹⁵³ dan mempunyai tahap ketahanan yang tinggi untuk melawan bakteria daripada berjangkit serta digunakan dalam bidang pergigian, terapi gen, jantung, implan telinga dan sten.¹⁵⁴

¹⁴⁸ *Ibid.*,

¹⁴⁹ Beik J et al., "The benefits of folic acid-modified Gold Nanoparticles in CT-based molecular imaging: radiation dose reduction and image contrast enhancement," *Artif Cells Nanomed Biotechnol* 46.8 (2018), 1993-2001.

¹⁵⁰ *Ibid.*,

¹⁵¹ Cachibaia T., "Nanoparticles – New Medical Potential," 5-12.

¹⁵² Giasuddin A., Jhuma K. & Mujibul A., "Use of Gold Nanoparticles," 56-60.

¹⁵³ Nayak P.L. & Parida U.K., "Biomedical Applications of Gold Nanoparticles," 10-25.

¹⁵⁴ Nuraili & Ahmad Dahlan Salleh, "Penggunaan Partikel Nano Emas," 63.

Sehubungan itu, dengan pelbagai hasil kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan nanopartikel emas merupakan salah satu bahan yang dijadikan sebagai alternatif dalam bidang farmaseutikal yang telah digunakan sejak dahulu dalam merawat penyakit cacar, masalah kulit, campak, ulser, penyakit tua, masalah saraf, epilepsi, sifilis dan batuk kering. Seiring dengan perkembangan nanoteknologi yang kian canggih, kini nanopartikel emas digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser bagi merawat dan menghapus sel kanser. Selain itu, nanopartikel emas juga berkesan digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer yang membolehkan maklumat anatomi tisu diberi dengan khusus dan tepat kepada doktor untuk mendiagnosis penyakit. Nanopartikel emas digunakan untuk membentuk ikatan yang stabil dengan DNA dan biomelekul yang lain serta digunakan dalam dalam bidang pergigian, terapi gen, jantung, implan telinga dan sten.

3.4.3 Manfaat Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan

Selain digunakan dalam produk kosmetik dan farmaseutikal, nanopartikel emas juga digunakan sebagai bahan tambahan dan perhiasan dalam makanan. Menggunakan nanopartikel emas bagi tujuan perhiasan lalu dimakan bukanlah suatu perkara yang baharu kerana perkara tersebut telah diamalkan sejak berkurun abad yang lalu iaitu ketika zaman Rom Purba di mana emas menjadi hidangan istimewa di istana-istana terkenal pada zaman Renaissance.¹⁵⁵ Di samping itu, pada zaman pertengahan Eropah terdapat resipi tat dan buah-buahan kering bersama badam yang disalut dengan daun emas tercatat di dalam buku resipi manuskrip Inggeris abad ke-15.¹⁵⁶ Pada zaman pertengahan Le

¹⁵⁵ Osman Affandi, "Adakah Selamat dan Bolehkah Manusia Makan Emas?", laman sesawang *Illuminasi*, dikemaskini 7 Januari 2020, diakses 28 Oktober 2022, <https://iluminasi.com/bm/bolehkah-manusia-makan-emas.html>

¹⁵⁶ Regita Lorena, "Sentuhan Emas pada Makanan yang lagi Tren Sudah dilakukan orang sejak Berabad yang lalu," laman sesawang detikFood, dikemaskini 11 September 2017, diakses 26 Januari 2023, <https://food.detik.com/info-kuliner/d-3637633/sentuhan-emas-pada-makanan-yang-lagi-tren-sudah-dilakukan-orang-sejak-berabad-lalu>

Viandier, seorang tukang masak Perancis menyediakan resipi ayam panggang dihiasi bebola daging yang disalut bersama daun emas tercatat dalam resipi masakan Perancis kontemporari.¹⁵⁷ Hal ini membuktikan penggunaan emas sebagai bahan tambahan dalam makanan bukanlah suatu perkara baru kerana ia telah digunakan sejak dahulu lagi dan mengalami revolusi dalam bidang kulinari masakan pada zaman kini.

Kini, emas digunakan secara meluas dalam dunia kulinari apabila *edible gold* digunakan sebagai perhiasan atau bahan tambahan dalam sajian makanan. *Edible Gold* merupakan emas murni khusus yang digunakan dalam makanan serta telah mendapat kelulusan daripada EFSA sebagai bahan tambahan makanan di bawah kod E 175.¹⁵⁸ *Edible Gold* digunakan dalam makanan dan minuman seperti dalam hiasan biskut, kek dan pastri, hiasan sushi, aiskrim, minuman keras dan sebagainya. Penggunaan *edible gold* dengan gred emas karat yang tinggi tidak memberikan kesan yang negatif mahupun manfaat kepada tubuh badan kerana ia lengai secara biologi dan kebiasaannya digunakan dalam makanan kerana emas tidak teroksida atau terhakis dalam udara lembap seperti logam lain. Penggunaan emas yang tulen iaitu sekurang-kurangnya 23 hingga 24 karat adalah lebih selamat kerana emas yang kurang tulen mudah dicemari dengan logam atau bahan-bahan lain yang tidak selamat untuk dimakan.¹⁵⁹

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, emas yang digunakan dalam makanan iaitu *edible gold* terdiri daripada pelbagai bentuk seperti daun emas, serpihan emas, debu emas dan banyak lagi. Emas merupakan logam yang neutral, sangat stabil serta lengai¹⁶⁰ iaitu tidak memberi apa-apa kesan terhadap sistem pencernaan dan pada asasnya termasuk dalam kategori unsur logam yang toksik pada badan dan tidak boleh dipecahkan atau

¹⁵⁷ *Ibid.*,

¹⁵⁸ EFSA Panel, "Scientific Opinion on the re-evaluation of gold," 2-3.

¹⁵⁹ Rushdan Noor, "Mengapa Manusia Makan Emas?" laman sesawang Minda ke Tinta Dr. Rushdan Noor, dikemasikini 10 Jun 2020, diakses 26 Januari 2023, <https://www.minda2tinta.com/2020/06/mengapa-manusia-makan-emas.html>

¹⁶⁰ *Ibid.*,

dihadam oleh manusia.¹⁶¹ Apabila emas dimakan, ia tidak mempunyai sebarang rasa, tekstur mahupun sebarang nilai nutrisi dan khasiat. Seterusnya, emas mudah hancur apabila disentuh kulit dan lidah, tidak boleh reput dalam tubuh badan dan tidak akan diserap dalam darah. Dalam tempoh 24 jam, sebanyak mana kuantiti emas tersebut dimakan, sebanyak itulah kuantiti emas yang akan keluar bersama najis melalui sistem pencernaan badan.¹⁶² Tujuan emas digunakan dalam makanan hanyalah sebagai perhiasan agar makanan kelihatan cantik dan mewah tanpa sebarang manfaat bagi tubuh badan.

Kesimpulannya, penggunaan emas dalam produk makanan bukanlah suatu perkara baru kerana ia telah digunakan sejak dahulu lagi dan mengalami revolusi dalam bidang kulinari masakan pada zaman kini. Penggunaan emas dalam makanan adalah sebagai perhiasan dan bahan tambahan dalam makanan dibawah kod E175. Manfaat makan makanan yang bersalut emas hanyalah sebagai merasa makanan yang mewah lebih-lebih lagi bagi sesetengah orang yang ingin menunjukkan simbol kemewahan dan status sosial mereka dalam masyarakat. Selain itu, makan makanan bersalut emas tidak mengganggu pencernaan bahkan telah diperakui selamat untuk dimakan oleh EFSA. Emas yang dimakan mudah hancur apabila disentuh pada kulit dan lidah, tidak boleh reput dalam tubuh badan dan tidak akan diserap dalam darah. Namun begitu, makanan yang bersalut emas tidak mempunyai sebarang rasa kerana rasanya tawar, tidak mempunyai sebarang khasiat yang diperlukan oleh tubuh badan dan emas tersebut akan dicernakan bersama najis sebagaimana kuantiti yang dimakan.

¹⁶¹ Iksir Faukonuri, "Tinjauan Hukum Islam," 17.

¹⁶² *Ibid*, 19.

3.5 Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan memberikan banyak manfaat dan kesan positif terhadap pengguna. Walaubagaimanapun, penggunaan nanopartikel emas masih berpotensi mendatangkan implikasi atau kesan sampingan yang tidak diinginkan terhadap pengguna. Berikut merupakan implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan terhadap pengguna.

3.5.1 Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik

Penggunaan kosmetik berasaskan nanopartikel emas mendatangkan implikasi atau kesan yang berbeza bergantung kepada keadaan pengguna. Antara implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik ialah mendatangkan kesan sampingan yang kecil dan minimum seperti wajah kegatalan, tumbuh jerawat dan meggelupas bergantung kepada keadaan kulit pengguna.¹⁶³ Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Titik Taufikurohmah bersama rakan-rakannya di mana pengguna yang menggunakan produk kosmetik berasaskan nanopartikel emas tidak mengalami sebarang implikasi besar yang memudaratkan sewaktu tempoh kajian dijalankan, hanya kesan sampingan yang kecil seperti wajah kegatalan, tumbuh jerawat dan meggelupas terhadap segelintir pengguna¹⁶⁴ serta diperakui selamat untuk digunakan pada masa akan datang.¹⁶⁵

Selain itu, menurut kajian yang dijalankan oleh Yelvia Reza juga menyatakan penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik tidak mendatangkan implikasi berbahaya

¹⁶³ Rahmi D., Yulinawati R. & Ratnawati E., "Pengaruh Nanopartikel terhadap Aktivitas Antiaging pada Krim," *Jurnal Sains Materi Indonesia* 14.3 (2014), 235-238.

¹⁶⁴ Titik Taufikurohmah et al., "The Clinical Test of Nano Gold," 4.

¹⁶⁵ Titik Taufikurohmah et al., "Nanogold Synthesis Using Matrix Mon Glyceryl Stearate as Antiaging Compounds in Modern Cosmetics," 864, lihat juga Titik Taufikurohmah et al., "Clinical Test of Nanogold-Nanoseaweed," 894, lihat juga Titik Taufikurohmah et al., "Histology Study: Pre-Clinic Test of Nanogold," 55.

terhadap pengguna meskipun penggunaannya tidak dilakukan secara konsisten. Bagi pengguna yang menggunakan produk kosmetik nanopartikel emas secara berkala, tiada sebarang perubahan yang berlaku terhadap kesihatan pengguna, adapun bagi pengguna yang menggunakan produk kosmetik nanopartikel emas secara konsisten mendatangkan kesan yang positif terhadap pengguna dimana kulit menjadi semakin cerah, bersih dan berseri.¹⁶⁶

Seterusnya dalam suatu kajian yang dilakukan oleh SCI Centre (SOL International Company Limited) menyatakan tiada sebarang bukti yang menunjukkan penggunaan produk kosmetik dengan nanopartikel emas mendatangkan kesan sampingan terhadap kesihatan manusia.¹⁶⁷ Di samping itu, terdapat suatu penelitian yang dijalankan menunjukkan bahawa sintesis nanopartikel emas dengan matriks gliseril monostearat selamat untuk digunakan dalam produk kosmetik kerana tidak merosak protein sehingga penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik terutama sebagai anti penuaan sangat disyorkan kerana nanopartikel emas merupakan katalis dalam pembentukan kolagen.¹⁶⁸

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas menunjukkan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik selamat digunakan kerana tidak mendatangkan implikasi berbahaya di samping tiada sebarang kajian mahupun bukti yang menunjukkan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik mendatangkan mudarat terhadap kesihatan pengguna. Namun begitu, masih terdapat kesan sampingan yang kecil seperti wajah kegatalan, tumbuh jerawat dan kulit meggelupas hasil penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik bergantung kepada keadaan kulit pengguna. Oleh itu, penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik adalah selamat digunakan kerana tidak mendatangkan mudarat yang besar terhadap kesihatan pengguna.

¹⁶⁶ Yelvía Reza, "Tinjauan Hukum Islam," 48-49.


¹⁶⁷ P.P. Yupapin "Gold Nano-Particles Separation," 1228.

¹⁶⁸ Irma Rahayu Latarissa & Patihul Husni, "Review Artikel: Aplikasi Teknologi Nanopartikel," 111.

3.5.2 Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal

Penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal bukanlah suatu perkara yang baharu. Selain memberikan kesan yang positif, produk farmaseutikal yang menggunakan nanopartikel emas juga mendatangkan implikasi atau kesan yang berbeza bergantung kepada keadaan pengguna. Berikut merupakan implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal dan rawatan perubatan terhadap kesihatan pengguna.

Pertama, implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal adalah mendatangkan kesan toksik terhadap kulit pengguna bergantung kepada saiz dan bentuk sesuatu nanopartikel.¹⁶⁹ Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Dr. Shuguang Wang mendapati penggunaan nanopartikel emas dengan saiz dan bentuk yang berbeza memberi kesan toksik terhadap kulit pengguna. Nanopartikel emas yang berbentuk sfera dengan saiz semula jadi yang berbeza antara 1 nm hingga 1500 nm tidak memberi kesan toksik kepada kulit pengguna manakala nanopartikel emas dalam bentuk nanorods dengan saiz 10x20 nm sehingga 50x250nm memberi kesan toksik yang tinggi terhadap kulit pengguna.¹⁷⁰ Berikut merupakan gambar rajah perbandingan saiz nanopartikel emas.¹⁷¹



Gambar rajah 3.1: Perbandingan saiz nanopartikel emas yang diambil dari sumber *Nanopartz*

¹⁶⁹ Ghambir S.S et al., "Gold Nanoparticles: A revival," 4029.

¹⁷⁰ Chachibaia T., "Nanoparticles-New Medical," 9.

¹⁷¹ Nanopartz, "Gold Nanoparticles Choose By Size," laman sesawang *Nanopartz*, dikemaskini 2024, dicapai 29 Februari 2024, https://www.nanopartz.com/choose_by_size.asp

Selain itu, implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal adalah penembusan nanopartikel emas ke dalam selaput kulit dikhuatiri memasuki saluran darah. Umum mengetahui rawatan kemoterapi merupakan kaedah yang biasa digunakan bagi mengubati penyakit kanser pada masa kini di mana penggunaan nanopartikel emas berfungsi untuk menghentikan atau melambatkan perkembangan sel-sel kanser. Kaedah rawatan kemoterapi bukan sahaja boleh melihat sel-sel kanser, bahkan berpotensi menjejaskan sel-sel yang sihat. Akibatnya, pesakit akan menjadi lemah dan mengalami masalah seperti cirit-birit, anemia, loya dan muntah, kerap mengidam, rambut gugur dan sembelit.

Hal ini dapat diatasi dengan penggunaan nanopartikel emas di mana penyasaran sel kanser akan menjadi lebih tepat dan tertumpu hanya pada sel kanser dan bukan pada sel sihat yang lain. Namun begitu, menurut Noviana Anjar Hastuti penggunaan nanopartikel emas boleh menyebabkan penembusan sehingga ke dalam selaput lapisan nipis tisu kulit berikutan saiz partikelnya yang sangat kecil. Penembusan ini dikhuatiri memasuki ke dalam saluran darah seterusnya ke otak sehingga boleh menyebabkan tersumbat, lumpuh dan juga kematian jika tidak dapat dikawal.¹⁷² Hal ini juga diperakui oleh Nuraili dalam kajiannya yang menyatakan kaedah penggunaan nanopartikel emas dalam merawat penyakit kanser ini masih menghadapi masalah di mana pengkaji masih tidak yakin bahawa ikatan nanopartikel emas bersama biomolekul tidak mempunyai kesan sampingan atau beracun pada tubuh manusia pada jangka masa panjang.¹⁷³

Seterusnya, implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal mengganggu sistem kardiovaskular lelaki. Menurut sebuah kajian yang dilakukan oleh William S. Rapson, pakar perunding dari International Gold Corporation di Johannesburg Afrika Selatan menyatakan bahawa penggunaan nanopartikel emas mampu menembusi kulit dan masuk ke dalam saluran darah manusia sekaligus memberi kesan buruk kepada

¹⁷² Noviana Anjar Hastuti, "Gold Nano Particle," 9.

¹⁷³ Nuraili & Ahmad Dahlan Salleh, "Penggunaan Partikel Nano Emas," 64.

ketahanan badan dan menjejaskan kesihatan pengguna. Dari sudut sains menjelaskan bahawa kondisi dan tekstur kulit lelaki sangat berbeza dengan kondisi dan tekstur kulit seorang wanita, di mana apabila nanopartikel emas sudah masuk ke dalam epidermis dan sistem peredaran darah boleh menyebabkan protein terkumpul dan tidak berfungsi lalu memberikan impak kepada sistem kardiovaskular lelaki.¹⁷⁴ Perkara ini turut disokong oleh Mohamadreza Behnammorshedi dan rakan-rakan dalam hasil penelitian dan kajian yang dilakukan di mana mereka menyatakan penggunaan nanopartikel emas memberikan kesan sampingan terhadap tubuh badan dan menyebabkan rembesan hormon testis mengalami kerosakan.¹⁷⁵

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas menunjukkan terdapat beberapa implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal seperti mendatangkan kesan toksik terhadap kulit pengguna bergantung kepada saiz dan bentuk nanopartikel emas. Selain itu, penembusan nanopartikel emas yang digunakan dalam rawatan kemoterapi bagi merawat kanser dikhuatiri memasuki saluran darah seterusnya ke otak jika tidak dapat dikawal. Akhir sekali, implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal adalah mengganggu sistem kardiovaskular lelaki dan menyebabkan rembesan hormon testis mengalami kerosakan. Justeru, kajian lanjutan berkaitan teknologi nanopartikel emas dalam bidang farmaseutikal diperlukan bagi membuktikan keselamatan penggunaannya

3.5.3 Implikasi Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan

Implikasi negatif penggunaan emas yang berupa *edible gold* dalam penyediaan sesuatu sajian makanan adalah tidak mengandungi sebarang nutrien yang diperlukan oleh tubuh

¹⁷⁴ William S. Rapson, "Skin contact with gold and gold alloys," *Contact Dermatitis* 13.2 (2006), 56-65.

¹⁷⁵ Mohammadreza Behnammorshedi, Habibollah Nazem & Masoud Saleh Moghadam "The Effect of Gold Nanoparticle on Luteinizing Hormone, Follicle Stimulating Hormone, Testosterone and Testis In Male Rat," *Biomedical Research* 26.2 (2015), 348-352.

badan. Nutrien merupakan bahan kimia yang terkandung di dalam semua bahan makanan di mana ia berfungsi menjadikan sesuatu makanan itu berkhasiat sekaligus memelihara kesihatan tubuh badan. Terdapat lima nutrien utama dalam sesuatu makanan yang diperlukan oleh tubuh badan iaitu protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan garam mineral.¹⁷⁶ Komposisi nutrien bagi sesuatu makanan dipengaruhi oleh bahan utama yang digunakan dalam penyediaan makanan tersebut.¹⁷⁷ Bagi makanan yang berasaskan *edible gold*, emas tersebut tidak mempunyai sebarang nutrien¹⁷⁸ mahupun khasiat yang diperlukan oleh tubuh badan melainkan sekadar untuk perhiasan dalam sesuatu makanan.

Seterusnya, emas yang digunakan dalam makanan tidak mempunyai sebarang rasa. Aditif makanan atau bahan tambahan dalam makanan kini digunakan secara meluas sebagai gantian kepada bahan asli dalam penghasilan sesuatu produk makanan. Antara fungsi aditif makanan adalah sebagai bahan pewarna, perisa tambahan, pengawet, pengemulsi, antioksidan, penstabil, agen anti pengerakan dan sebagainya.¹⁷⁹ *Edible gold* merupakan salah satu aditif makanan yang digunakan dalam penghasilan sesuatu produk makanan. Sebagai contoh, topping makanan yang menggunakan aditif makanan seperti coklat, vanila, keju, krim dan sebagainya lazimnya mempunyai rasa yang tersendiri akan tetapi *edible gold* yang digunakan sebagai topping makanan tidak mempunyai sebarang rasa,¹⁸⁰ rasanya tawar dan hanya digunakan sebagai hiasan bagi menambah selera dan kepuasan terhadap pelanggan.

Selain itu, implikasi penggunaan emas dalam penghasilan produk makanan ialah data keselamatan yang masih belum menyeluruh. Makanan yang selamat merujuk kepada

¹⁷⁶ Ahmad Khairi Abu Bakar & Shahira Salleh, "Teknologi Rumah Tangga II Nutrien Makanan" (latihan ilmiah, Institut Perguruan Teknik Cheras, Kuala Lumpur, 2007), 11-40.

¹⁷⁷ Rashidah Mohd Yusoff, "Penentuan Makronutrien Dalam Makanan Terpilih Yang Terdapat Di Kelantan" (tesis Ijazah Sarjana Sains, Universiti Sains Malaysia, 2012), 26.

¹⁷⁸ Iksir Faukonuri, "Tinjauan Hukum Islam," 37.

¹⁷⁹ Muhammad Afiq Abd Razak, "Panduan Halal Aditif Makanan E Halal," laman sesawang *Halal Food Industry*, dikemaskini 3 September 2018, diakses 23 Januari 2023, https://www.academia.edu/37331690/Panduan_Halal_Aditif_Makanan_E_Number

¹⁸⁰ Iksir Faukonuri, "Tinjauan Hukum Islam," 37.

makanan yang bebas daripada sebarang risiko yang tidak boleh diterima oleh tubuh badan seseorang.¹⁸¹ Data keselamatan mengenai penggunaan *edible gold* sebagai bahan tambahan dalam makanan masih belum diputuskan secara menyeluruh dan masih menjadi perbincangan dikalangan ahlinya, Hal ini diakui oleh Nuri Andarwulan, pengarah *Sotheast Asian Food and Agricultural Science and Technology Center (Seafast Center)* di Institut Pertanian Bogor yang menyatakan perkara ini masih menjadi perbincangan.¹⁸² Namun begitu, penggunaan *edible gold* telah mendapat kelulusan daripada Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat sebagai bahan tambahan makanan di bawah kod E 175 akan tetapi bukan semuanya berisiko sifar. Hasil penilaian keselamatan makanan terkini yang dijalankan oleh EFSA pada tahun 2016 menyatakan bahawa penggunaan emas sebagai bahan tambahan makanan masih dibenarkan meskipun data keselamatan masih belum menyeluruh.¹⁸³

Di samping itu, harga yang mahal merupakan salah satu implikasi penggunaan emas dalam makanan. Pengguna cenderung melihat harga dalam membuat penilaian terhadap tahap kualiti sesuatu barangan di mana lazimnya perkhidmatan atau produk yang berkualiti tinggi dianggap lebih mahal berbanding dengan yang berkualiti rendah.¹⁸⁴ Ramai penyelidik bersepakat menyatakan bahawa kepuasan pelanggan dipengaruhi oleh persepsi harga sesuatu barangan.¹⁸⁵ Sebagai contoh, terdapat segelintir pelanggan yang sanggup membeli aiskrim coklat Sundae Emas yang diselaputi daun emas 23 karat disertakan bersama sudu khas emas 18 karat di Restoran New York Serendipity.¹⁸⁶ Hal ini adalah demi mencapai kepuasan dalam menikmati sesuatu hidangan makanan

¹⁸¹ Musfirah Syahida Mohamad, "Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam," 2.

¹⁸² Umi Aulia, "Tinjauan Maqasid Syariah," 101.

¹⁸³ EFSA Panel, "Scientific Opinion on the re-evaluation of gold," 2-3.

¹⁸⁴ Azzamurni Mohtar & Suhaini Hj Mat Daud, "Kesan Harga dan Kualiti Makanan Terhadap Tahap Kepuasan Pengguna Trak Makanan (Food Truck)," *International Journal of Business Management* 4.4 (2020), 19-20.

¹⁸⁵ Chitty B., Ward S., & Chua C., "An application of the ECSI model as a predictor of satisfaction and loyalty for backpacker hostels," *Marketing Intelligence and Planning* (2007), 563-580.

¹⁸⁶ Penulis tidak diketahui "Menu Makanan Emas," laman sesawang Hargaemas MY, diakses 23 Januari 2023, <https://www.hargaemas.com.my/terkini/menu-makanan-emas/>

meskipun harga yang ditawarkan terlalu mahal¹⁸⁷ sekaligus meletakkan diri seseorang dalam kategori berlebih-lebihan dalam berbelanja.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas menunjukkan implikasi penggunaan emas sebagai bahan tambahan dalam makanan adalah emas tersebut tidak mengandung sebarang khasiat dan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan seorang manusia. Selain itu, emas yang digunakan dalam makanan tidak mempunyai sebarang rasa kerana rasanya tawar. Seterusnya, implikasi lain penggunaan emas dalam makanan adalah masih belum ada data keselamatan yang menyeluruh berkaitan keselamatan penggunaan emas dalam makanan di samping harganya yang mahal.

3.6 Kesimpulan

Secara ringkasnya, nanopartikel merupakan zarah atau partikel kecil bersaiz nanometer yang memiliki ukuran diantara 1 hingga 100 nm dan merujuk kepada penyatuan atom-atom. Sifat-sifat nanopartikel yang keras, mulur pada suhu tinggi, mempunyai ketahanan yang kuat, tahan karat dan aktif secara kimia membuatkan nanopartikel digunakan bersama sebatian kimia yang lain dalam penghasilan pelbagai produk dalam industri. Nanopartikel dapat dibentuk dari pelbagai jenis unsur kimia termasuk emas. Penggunaan nanopartikel emas adalah yang paling baik kerana emas memiliki kesesuaian yang paling tinggi berbanding unsur kimia lain. Sejarah telah membuktikan penggunaan nanopartikel emas telah digunakan sejak dahulu lagi dan memberi banyak manfaat dalam penghasilan produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan berikutan sifat unik dan ciri-ciri baik yang terdapat pada nanopartikel emas.

Seiring perkembangan nanoteknologi yang kian canggih, kini penggunaan nanopartikel emas telah digunakan secara meluas dalam penghasilan produk kosmetik,

¹⁸⁷ Iksir Faukonuri, "Tinjauan Hukum Islam," 38.

farmaseutikal dan makanan. Antara produk kosmetik yang dihasilkan menggunakan nanopartikel emas adalah seperti Safi Rania Gold, Safi Youth Gold, *Gold Brightening Facial Treatment Mask by 111 Skin*, *Farsali 24k Rose Gold Elixir*, *Adore Golden Touch Magnetic Facial Mask*, *Tatcha Camelia Gold Spun Lip Balm*, *Shangpree Gold Black Pearl Eye Mask* dan banyak lagi. Penggunaan nanopartikel emas juga digunakan dalam bidang farmaseutikal menggunakan kaedah rawatan tradisional dan moden sejak dahulu lagi bagi merawat penyakit. Seterusnya, nanopartikel emas yang digunakan dalam produk makanan ialah *edible gold* iaitu emas murni khusus yang telah mendapat kelulusan daripada (EFSA) dan dipersetujui oleh (EC) sebagai bahan tambahan makanan di bawah kod E 175.

Terdapat banyak manfaat yang boleh diperoleh hasil penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik seperti menjadikan kulit lebih muda, bersih, cantik, cerah, putih dan berseri serta merawat kulit yang rosak dan menjadikan rambut lebih cantik dan gelap. Selain itu, penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik juga menjadikan kulit lebih anjal dan tegang serta memberikan khasiat sebagai antioksidan, antipenuaan dan antijerawat yang membantu meningkatkan peredaran darah dan membawa kepada pengurangan jerawat serta alahan terhadap kulit. Seterusnya dalam produk farmaseutikal, nanopartikel emas digunakan bagi merawat penyakit seperti cacar, masalah kulit, demam campak, ulser, penyakit tua, masalah saraf, rawatan epilepsi, sifilis, batuk kering, dan penyakit berkaitan artritis reumatoid sejak berabad tahun yang lalu. Kini, nanopartikel emas digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser dan mempunyai potensi yang besar dalam merawat dan menghapus sel kanser. Selain itu, nanopartikel emas juga berkesan digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer yang membolehkan maklumat anatomi tisu diberi dengan khusus dan tepat kepada doktor untuk mendiagnosis penyakit. Nanopartikel emas bermanfaat membentuk ikatan yang stabil dengan DNA dan biomeleкул yang lain serta digunakan dalam dalam bidang

pergigian, terapi gen, jantung, implan telinga dan sten. Dalam produk makanan, nanopartikel emas bermanfaat sebagai perhiasan dan bahan tambahan makanan di bawah kod E175 yang tidak memberikan kesan negatif mahupun manfaat kepada tubuh badan. Apabila nanopartikel emas dimakan, ia tidak mempunyai sebarang rasa, tekstur mahupun sebarang nilai nutrisi dan akan dicerna bersama najis mengikut kuantiti dimakan. Emas yang dimakan mudah hancur apabila disentuh oleh kulit atau lidah, tidak boleh reput dalam tubuh badan dan tidak akan diserap dalam darah apabila dimakan.

Walaupun penggunaan nanopartikel emas dalam penghasilan sesuatu produk mendatangkan banyak manfaat, penggunaan nanopartikel emas masih berpotensi untuk memberi implikasi atau kesan sampingan terhadap pengguna. Penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik memberi kesan sampingan yang kecil dan tiada kesan toksik yang bahaya terhadap pengguna ditemukan setakat ini. Seterusnya implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk perubatan adalah mendatangkan kesan toksik yang minimum terhadap pesakit, penembusan nanopartikel emas ke dalam membran dikhuatiri memasuki saluran darah seterusnya mendatangkan mudarat terhadap pesakit serta mengganggu sistem kardiovaskular bagi lelaki dan menyebabkan rembesan hormon testis mengalami kerosakan. Adapun implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk makanan adalah tidak mengandungi nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan, tidak mempunyai sebarang rasa, data keselamatan yang masih belum menyeluruh dan harga makanan yang sangat mahal.

BAB 4:

ANALISIS HUKUM PENGGUNAAN EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK, FARMASEUTIKAL DAN MAKANAN DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM SEMASA

4.1 Pengenalan

Bab empat merupakan penjelasan terhadap objektif kajian menganalisis hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dari perspektif hukum Islam semasa. Analisis hukum dilakukan dengan merujuk kepada sumber hukum dan dalil serta data-data maklumat yang telah diperoleh melalui metode perpustakaan dan temu bual separa struktur yang telah dijalankan. Lima orang responden yang terdiri daripada pakar syariah, ahli akademik, dan pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjadi responden temu bual separa struktur dalam kajian ini. Dapatan kajian dicerakinkan kepada tiga aspek utama iaitu sumber dan jenis penggunaan, tujuan dan manfaat, serta implikasi dan kesan penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Perbincangan bab empat diakhiri dengan garis panduan hukum penggunaan emas dalam produk dan kesimpulan yang dilakukan oleh pengkaji

4.2 Analisis Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik.

Seiring perkembangan teknologi yang kian canggih, penggunaan emas dalam penghasilan pelbagai produk semakin mendapat tempat di kalangan pengusaha berikutan manfaatnya yang pelbagai. Antara produk yang menggunakan sumber emas adalah produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan yang dikonsumsi oleh semua lapisan masyarakat tidak kira golongan wanita atau lelaki, tua mahupun muda. Secara umum, dapat difahami bahawa hukum penggunaan emas dan perhiasan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu penggunaan emas yang diharuskan dan penggunaan emas yang diharamkan. Penggunaan emas dan perhiasan adalah diharuskan ke atas wanita selagi

mana tidak digunakan secara berlebih-lebihan dan tidak melanggar hukum syarak adapun penggunaan perhiasan emas adalah diharamkan ke atas golongan lelaki kerana perbuatan tersebut merupakan perbuatan *tašyabbuh* iaitu menyerupai golongan wanita. Hal ini adalah merujuk kepada dalil-dalil berikut:

Riwayat Imam Mālik yang menyatakan:

فاما النساء فلا بأس بتختم الذهب لهن

Terjemahan: Adapun bagi perempuan maka tidak mengapa berhias dengan cincin yang diperbuat daripada emas.¹

Daripada Abū Musa, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ أَحَلَّ لِلنَّاتِ أُمَّتِي الْحَرِيرَ وَالذَّهَبَ وَحَرَّمَهُ عَلَى ذُكُورِهَا

Terjemahan: Allah menghalalkan sutera dan emas bagi kaum wanita dari umatku, dan mengharamkannya dari yang laki-laki.²

Daripada Abū Hurairah r.a, bahawa Rasūlullah SAW bersabda:

أَنَّهُ نَهَى عَنْ حَاتِمِ الذَّهَبِ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi SAW melarang (lelaki) daripada memakai cincin emas.³

Daripada Barra' bin 'Azib r.a berkata:

نَهَانَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ سَبْعٍ نَهَانَا عَنْ حَاتِمِ الذَّهَبِ أَوْ قَالَ حَلْقَةِ الذَّهَبِ وَعَنْ الْحَرِيرِ وَالْإِسْتَبْرَقِ وَالِدِّيَّاجِ وَالْمِيشْرَةِ الْحُمْرَاءِ وَالْقَسِيِّ وَأَنْيَةِ الْفِضَّةِ وَأَمَرَنَا بِسَبْعٍ بِعِيَادَةِ الْمَرِيضِ وَاتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ وَتَشْمِيتِ الْعَاطِسِ وَرَدِّ السَّلَامِ وَإِجَابَةِ الدَّاعِي وَإِبْرَارِ الْمُقْسِمِ وَنَصْرِ الْمَظْلُومِ

Terjemahan: Nabi SAW melarang kami tujuh perkara yaitu melarang mengenakan cincin dari emas atau kalung dari emas, memakai kain sutera, istibraq, dibaj, misarah, hamra', Qasiy (sejenis kain sutera campuran) dan tempat air dari perak, dan

¹ Mālik bin Anas, *āl-Muwatta'*, 3:375-376.

² Abū 'Abd al-Rahman Aḥmad bin Alī bin Šyu'aib bin Alī bin Sinān bin Baḥr al-Kḥurāsānī al-Nasā'i, "Sunan al-Nasā'i al-Sughra", dalam *Māwsū'āi al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin 'Abd al-Aziz al-Šhāykh (Riyāḍ: Dār āl-Salām, 2008), 2424 (Kitāb al-Zinah, bāb Taḥrīm labsi al-ḍahab, no. ḥadīth 5267).

³ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī* (Damsiyq: Dār Ibn Kaṭhīr, Dār al-Yamāmah, 1994) 7:155, no. Hadis 5864.

memerintahkan kami tujuh perkara, yaitu menjenguk orang sakit, mengiringi jenazah, mendo'akan orang bersin, menjawab salam, memenuhi undangan, menunaikan sumpah dan menolong orang yang terzalimi.⁴

Daripada Abī Musa al-Ash'ari sesungguhnya Rasulullah SAW berkata:

حرم لباس الحرير والذهب على ذكور أمتي وأحل لإناثهم.

Terjemahan: Diharamkan memakai sutera dan emas bagi orang-orang lelaki dalam kalangan umatku dan dihalalkan bagi orang perempuan.⁵

Daripada Alī bin Abī Thalib berkata:

أن نبي الله (ص) أخذ حريرا فجعله في يمينه، وأخذ ذهباً فجعله في شماله، ثم قال: إن هذين حرام على ذكور أمتي.

Terjemahan: Rasulullah SAW mengambil sutera, diletakkan di sebelah kanannya, kemudian Baginda mengambil emas dan diletakkan kesebelah kirinya, lalu berkata: “Kedua-dua ini haram bagi orang-orang lelaki dalam kalangan umatku.”⁶

Daripada Ibn Abbās r.a beliau berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ،
وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat orang-orang lelaki yang menyerupai wanita dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.⁷

Dalam menentukan hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik dari perspektif hukum Islam semasa, pengkaji membuat rumusan hukum berdasarkan tiga elemen utama iaitu sumber dan jenis penggunaan emas, manfaat dan tujuan, serta

⁴ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī”, dalam *Māwsū'āt al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šāliḥ bin 'Abd al-'Azīz al-Shaykh (Riyāḍ: Dār āl-Salām, 2008), 499 (Kitāb al-Libās, Bāb Khawāfīm al-ḍahab, no. hadith 5863).

⁵ Abū 'Īsā Muḥammad Ibn 'Īsā as-Sulamī aḍ-Ḍarīr al-Būghī at-Tirmidhī, “Jāmi' at-Tirmidhī”, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif lī al-Nashr wa al-Tawzī', t.t), 401 (Kitāb al-Libās 'an Rasūl Allāh Šallallāhu 'Alayhi wa Sallam, Bāb Mā Ja'a fī al-Harīr wa al-ḍahab, no. hadis 1720).

⁶ Abū 'Abd al-Rahman Aḥmad bin Alī bin Šyua'ib bin Alī bin Sinān bin Baḥr al-Kḥurāsānī al-Nasā'i, “Sunan al-Nasā'i al- Kubra”, dalam *Māwsū'āt al-Ḥadīth al-Šhārīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šāliḥ bin 'Abd al-Azīz al-Šhāykh (Riyāḍ: Dār āl-Salām, 2008), 436 (Kitāb al-Zinah, Bāb Tahrīm al-ḍahab 'ala al-Rijāl, no. hadith 9446).

⁷ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī* (Damsyiq: Dār Ibn Kaṭṭhīr, Dār al-Yamāmah, 1994) 5: 2207, no. hadith 5546.

implikasi dan kesan penggunaan emas dalam kosmetik. Pertama dari sudut sumber dan jenis penggunaan, emas yang digunakan dalam penghasilan produk kosmetik ialah nanopartikel emas iaitu 99.99% emas tulen dengan saiz zarah 20-30 nm dan berwarna serbuk coklat gelap di mana ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan hanya boleh dilihat dengan menggunakan mikroskop. Nanopartikel emas tersebut dihablur menjadi serbuk yang bersaiz lebih kecil dari molekul dan digunakan bersama bahan-bahan lain dalam penghasilan produk kosmetik. Pengkaji melihat sumber dan jenis penggunaan emas dalam produk kosmetik adalah harus dan dibenarkan. Hal ini merujuk kepada dalil dan keterangan berikut:

Firman Allah SWT tentang manfaat ciptaan Allah SWT secara umum tentang kepentingan manusia, termasuk perhiasan:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ
آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ
يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

Surah al-A'raf 7: 13-32

Terjemahan: Katakanlah (Muhammad), “Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah disediakan untuk hamba-hamba-Nya dan rezeki yang baik-baik?” Katakanlah, “Semua itu untuk orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia, dan (khusus untuk mereka saja) pada hari kiamat. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat itu untuk orang-orang yang mengetahui.

Kaedah *fiqhiyyah*:

الأصل في الأشياء الإباحة، ما لم يقم دليل معتبر على الحرمة

Terjemahan: Hukum asal mengenai sesuatu adalah boleh selama tidak ada dalil muktabar yang mengharamkannya.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati sumber nanopartikel emas adalah harus untuk digunakan kerana menepati ciri-ciri hukum syarak merujuk kepada MS 2200:2008 iaitu a) tidak terdiri daripada bahagian atau bahan daripada manusia atau terbitan daripadanya, b) tidak terdiri daripada haiwan yang dilarang dalam Islam atau tidak

disembelih mengikut syarak, c) tidak mengandungi bahan terubah suai genetik (GMO) yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak, d) tidak di sedia, diproses, dikilang atau disimpan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas daripada bahan-bahan najis mengikut hukum syarak, e) apabila menyedia, memproses atau mengilang produk kosmetik tidak bersentuhan atau berdekatan dengan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak pada a) b) c) dan d) serta tidak memudaratkan pengguna⁸ seperti yang telah dinyatakan pada bab 3.

Selain itu, sumber emas yang digunakan dalam produk kosmetik menepati parameter yang telah ditetapkan iaitu kuantiti nanopartikel emas adalah sedikit sehingga apabila ia dibakar dengan api, emas tersebut tidak dapat dipisahkan dengan peralatan barangan tersebut. Sekiranya kadar emas tersebut lebih banyak daripada bahan lain dalam kosmetik, maka penggunaannya adalah tidak dibenarkan kerana kandungannya terlalu banyak. Bagi mengenalpasti kandungan emas yang telah bercampur dengan kosmetik, cukup hanya dengan merujuk kepada mereka yang pakar dalam bidang tersebut serta boleh memberi justifikasi tentang banyak ataupun sedikit kadar kuantiti emas yang digunakan. Perkara ini adalah merujuk kepada kenyataan hasil temu bual pengkaji bersama Ustaz Dr. Syed Shahridzan Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan pendapat terhadap hukum penggunaan sumber emas dalam kosmetik ke atas golongan lelaki di mana pandangan tersebut menyatakan hukumnya adalah haram serta tidak dibenarkan walaupun emas tersebut dalam kuantiti sedikit, bebas daripada najis dan bukanlah dari sumber yang haram. Hukum tersebut dibuat mengikut prinsip asal di mana lelaki diharamkan menggunakan emas dan terdapat dalil yang jelas mengenai pengharaman tersebut. Sekiranya kebenaran

⁸ Jabatan Standard Malaysia, *MS 2200: Bahagian 1: 2008 Barangan Kepenggunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia 2008), 2.

diberi, ia akan membuka ruang kepada masyarakat khususnya golongan lelaki menggunakan emas dalam penggunaan dan perhiasan yang lain.⁹ Perkara ini juga turut dipersetujui oleh responden lain yang menyatakan larangan penggunaan kosmetik emas terhadap lelaki merujuk kepada hadis larangan memakai cincin emas ke atas lelaki. Namun begitu, terdapat situasi dimana golongan lelaki dibenarkan menggunakan kosmetik emas iaitu ketika dalam keadaan darurat dan bertujuan untuk membaiki kecacatan.¹⁰ Hal ini sebagaimana dalam pernyataan:

Responden	Kenyataan
Responden 2	Kenyataan 1: “Dia tidak kira kecil ke besar, sedikit atau banyak, bagi orang lelaki hukumnya masih lagi tertakluk kepada larangan Nabi SAW iaitu larangan ke atas orang lelaki daripada menggunakan emas.” Kenyataan 2: “Kita lihat bahawa asas daripada larangan ini ialah atas dasar <i>Israf</i> dan dari segi <i>sad al-dhara’i</i>.. Makna kata kalau kita benarkan dalam kosmetik yang sedikit kepada orang lelaki, walaupun bahan tersebut bebas daripada najis, ia membuka ruang kepada masyarakat.. dimana kalau kosmetik boleh pakai, kalau kita pakai untuk perhiasan pun boleh lah... jadi saya rasa pandangan yang tidak membenarkan itu lebih kuat atas dasar untuk menutup ruang-ruang yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat”
Responden 3	Kenyataan 1: “Prinsip umum dalam penggunaan emas ini asalnya diharuskan untuk wanita dan diharamkan untuk lelaki melainkan dengan beberapa syarat. Lelaki boleh gunakan emas dalam konteks membaiki kecacatan dan sebagaimana yang disebut dalam hadis-hadis nabi SAW dan tujuan untuk menghilangkan darurat. Kalau ikut prinsip asalnya, haramlah menggunakan emas itu bagi lelaki...” Kenyataan 2: “Untuk lelaki lagi la tak boleh. Kita balik kepada prinsip asal tadilah kalau untuk tujuan perhiasan tak boleh sebab dia kembali kepada prinsip asal nabi sebut tidak boleh pakai cincin emas.. pakai cincin emas pun tak boleh

⁹ Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 5 Januari 2023

¹⁰ Saadan Man (Pensyarah, Jabatan Fiqh & Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis, 5 Januari

	apatah lagi menjadikan ia sebagai perhiasan ataupun alat <i>make up</i> ke apa ke, tidak boleh...”
--	--

Jadual 4.1 : Kenyataan Sesi Temubual 1

Oleh itu, pengkaji membuat rumusan hukum penggunaan nanopartikel emas dari aspek sumber dan jenis penggunaan adalah harus dan dibenarkan kerana nanopartikel emas adalah zarah yang bersaiz 20-30 nm, telah dihablur menjadi serbuk yang bersaiz lebih kecil dari molekul dan digunakan bersama bahan-bahan lain dalam penghasilan produk kosmetik. Selain itu, sumber nanopartikel emas menepati ciri-ciri hukum syarak merujuk kepada MS 2200:2008 dan menepati parameter yang telah ditetapkan iaitu kuantiti nanopartikel emas adalah sedikit sehingga apabila ia dibakar dengan api, emas tersebut tidak dapat dipisahkan dengan peralatan barangan tersebut maka penggunaannya adalah harus dan dibenarkan.

Kedua, aspek lain yang perlu diteliti dalam menentukan hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik adalah dengan melihat kepada manfaat serta tujuan seseorang individu menggunakan produk kosmetik berasaskan emas. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab 3, manfaat serta tujuan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik adalah untuk menjadikan kulit lebih muda, bersih, cantik, cerah, putih dan berseri. Selain itu, penggunaannya juga bertujuan merawat kulit yang rosak dan berminyak, mendapatkan rambut yang lebih cantik dan gelap serta membantu meningkatkan peredaran darah yang membawa kepada pengurangan jerawat dan alahan terhadap kulit. Penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik digunakan sebagai antioksidan, anti penuaan dan anti jerawat untuk melindungi kulit dari sinar ultra violet serta memperbaiki penatrasi kulit sekaligus menjadikan kulit lebih anjal dan tegang.

Berdasarkan kenyataan di atas, pengkaji melihat tujuan dan manfaat penggunaan emas dalam produk kosmetik adalah sekadar mengekalkan kesegaran serta kebersihan wajah dan tidak sampai kepada tahap mengubah ciptaan Allah maka penggunaannya

diharuskan. Selain itu, penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik dilihat sebagai sesuatu yang positif dan memberi manfaat serta menghilangkan kesempitan yang dihadapi individu. Hal ini bertepatan dengan objektif syariah yang menekankan aspek penjagaan diri (*hifz nafs*) supaya memelihara sesuatu itu dalam keadaan baik mengikut kepada syariat Islam tanpa melakukan sebarang perubahan sehingga mengubah fitrah manusia. Perkara ini bertepatan dengan ajaran Islam yang menganjurkan umatnya untuk berhias di mana produk kosmetik merupakan salah satu bahan yang digunakan untuk berhias. Nabi Muhammad SAW sendiri menggesa agar kita menjaga kecantikan, kebersihan diri, berketerampilan rapi dan disenangi oleh sesiapa sahaja ketika berinteraksi.¹¹ Hal ini merujuk kepada dalil-dalil berikut:

Firman Allah SWT tentang perintah untuk berhias:

يٰۤاٰدَمُ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَشَرِبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا ۗ اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾
Al-A'raf 7: 31

Terjemahan: Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Hadis Rasulullah SAW yang menerangkan tentang galakan untuk berhias:

إن الله جميل ويحب الجمال
Terjemahan: Sesungguhnya Allah itu cantik dan amat sukakan kecantikan.¹²

Namun begitu, sekiranya tujuan penguunaan nanopartikel emas dalam kosmetik adalah untuk bermegah-megah dengan kecantikan yang dimiliki sehingga menimbulkan rasa riak, takbur, sombong dan bangga dalam diri maka hukumnya adalah haram. Begitu

¹¹ Norliah Sajuri, "Suntikan Kosmetik Botox," 159-160

¹² Abū al-Husāyn Muṣlīm bin al-Hajjāj, "Ṣaḥīḥ Muṣlīm", dalam *Māwsū'at al-Ḥadīth al-Ṣhāriḥ: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Ṣāliḥ bin A'bd al-Aziz al-Ṣhāykh (Riyādh: Dār āl-Salām, 2008), 693 (Kitāb al-Imān, bāb tahrīmī al-kibrī wa bayānihi, no. ḥadīth 265).

juga, sekiranya tujuan individu menggunakan kosmetik berasaskan nanopartikel emas untuk menarik perhatian mereka yang berlainan jantina maka hukum penggunaan kosmetik tersebut adalah haram. Hal ini merujuk kepada dalil dimana Allah melarang dari sifat sombong dan bermegah-megah. Firman Allah SWT:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Luqman 31: 18

Terjemahan: Dan janganlah kamu memalingkan wajah dari manusia (kerana sombong) dan janganlah berjalan di bumi dengan angkuh. Sungguh, Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membanggakan diri.

Hal ini juga menepati kaedah *fiqhiyyah*:

الأمور بمقاصدها

Terjemahan: Hukum segala sesuatu tergantung pada tujuannya

للسايل حكم المقاصد

Terjemahan: Pada wasilah (hukumnya) sebagaimana hukum pada yang ditujunya

Seterusnya, keharusan penggunaan emas dalam produk kosmetik dari aspek manfaat dan tujuan adalah merujuk kepada pandangan responden dalam temubual yang menyatakan penggunaan kosmetik emas dibenarkan kerana kosmetik berperanan sebagai pencuci untuk pembersihan wajah, mempunyai manfaat dengan syarat tujuan penggunaannya bukanlah dengan niat untuk menunjuk-nunjuk. Selain itu, kandungan nanopartikel emas yang terdapat dalam produk kosmetik perlu menepati parameter yang ditetapkan dimana saduran emas dengan kuantiti yang sedikit sehingga apabila ia dibakar dengan api, emas tersebut tidak dapat dipisahkan.¹³ Hal ini merujuk kepada kenyataan berikut:

¹³ Syed Shahridzan Syed Mohamed (Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 9 Februari 2023.

Responden	Kenyataan
Responden 3	Kenyataan 1: “Pertama sekali lihat kepada tujuan nanopartikel emas itu untuk apa sebenarnya, mungkin untuk digunakan sebagai kosmetik, lebih kepada mengalakkan atau menghaluskan kulit wajah itu tiada masalah untuk guna... dia bukan untuk membaiki kecacatan tapi lebih kepada kosmetik iaitu perhiasan... tapi kalau sampai tahap membangga diri melebihi apa yang sepatutnya itu tidak bolehlah.. jadi tujuan-tujuan ini perlu dipertimbangkan dengan prinsip-prinsip syarak... sebab dalam syarak kita melihat kepada niat... itu adalah satu perkara yang paling pentinglah. Jadi kalau tujuan penggunaan emas itu adalah untuk tujuan-tujuan yang diharuskan maka haruslah...” Kenyataan 2: “Ha okei, yang meresap dalam kulit tu kita tengok dia punya implikasi ataupun kesan sampingan, kalau membawa kepada kemudaratan tak boleh.. kalau emas itu menjadikan meresap dalam kulit lepastu jadi asbab kepada penyakit-penyakit lain asbab masuk metal dalam badan.. Hurm mungkin menyebabkan kesihatannya terjejas kita kene tengok pada implikasinya.. kalau implikasi tidak mempunyai sebarang masalah, okeilah dia tiada kesan sampingan yang negative maka tidak mengapa meresap masuk dalam kulit pun tak jadi masalah.”
Responden 5	“Tetapi ada perkara yang dibenarkan oleh hukum syarak itu sendiri iaitu boleh menggunakan emas itu sendiri sebagai manfaat samaada kekal ataupun hilang asalkan dengan kadar yang sangat sedikit. Menurut perspektif Imam Syafi’i, boleh diletakkan contoh bagaimana satu pinggan yang disadurkan menggunakan emas, yang mana saduran emas dan perak itu terlalu sedikit, dan di samping itu juga fuqaha’ ada meletakkan parameter macam mana nak tau sedikit itu yang dibenarkan atau tidak, maksudnya saduran emas pada pinggan perak contohnya terlalu sedikit sehingga kalau dibakar dengan api maka ia tidak boleh dipisahkan emas dengan bahan barangan itu. Menurut pakar, kalau dibakar dengan api ternyata tidak dapat dipisahkan seumpamanya emas itu sudah dianggap bersatu dengan peralatan itu maka itu dihalalkan. Jadi disebutkan oleh para ulama’, parameter sedikit dimana kalau menepati syarat-syarat apabila dibakar dengan api, maka ia tidak menghasilkan pemisahan antara emas dengan barangan itu maka hukumnya adalah halal. Tapi kalau menurut pakar, pakar emas ataupun pakar pelebur emas ini dia melihat pada kadar yang ada melalui kajiannya menyatakan emas boleh dipisahkan kalau dia leburkan dengan api, maksudnya dia pisahkan barangan pinggan yang dipisahkan daripada emas, maka saduran emas itu tidak halal dan hukumnya haram. Jadi kita kata bagaimana kita nak bezakan contoh kosmetik ini sudah memang dicampur dengan emas, macam mana kita nak bakar dengan api dia akan musnahkan barangan itu ataupun harta, maka cukup merujuk kepada pakar yang boleh bagi

	justifikasi tentang banyak ataupun sedikit maka secara umumnya sama juga dengan penggunaan emas dan perak dimasukkan dalam bahan kosmetik berpandukan apa yang telah ditetapkan para fuqaha' sedikit ataupun banyak parameternya, samaada boleh dipisahkan ataupun tidak melalui pembakaran.”
Responden 4	“So kalau tanya saya berkenaan dengan hukum kita kena tengok baliklah dari sudut bahan itu sendiri, lepastu tujuan atau niat itu sendiri, penggunaannya dan juga dan yang lebih lagi daris sudut bahan itu sendirilah... bahan tadi tiada isu la disitu ye... kecuali yang memudaratkanlah kalau kita guna... Dalam LR boleh kita tengok kan bahan-bahan tersebut adalah bahan yang tidak memberikan kemudaratkan kalau dari sudut penggunaannya itu yang pertama... yang kedua, adalah dari sudut dia nanopartikel, nano ni dia bersifat zarah yang halus hukum tanya tadi... boleh diterima tak atau tak boleh masuk meresap ke dalam kulit, dalam badan seseorang, yang ni pun kita kata secara asasnya bila kita menetapkan hukum, orang akan kaitkan dengan hukum susuk sebenarnya... tapi kalau dari sudut pandangan peribadi ataupun pandangan pihak jabatan sebelum ni boleh tengok juga pandangan-pandangan daripada pejabat mufti dan sebagainya... secara asasnya dia bukanlah sesuatu yang kalau kita kata susuk itu diletakkan melalui kaedah sihir ke. Ataupun mantera dan sebagainya... tapi dalam konteks ini kita merujuk kepada konteks yang fizikal... tapi orang tanya juga apa hukum dia, tapi ada beberapa apa kita katakan dari sudut pensijilan, bila kita meletakkan hukum tu, kita melihat bahawa benda ni apa orang kata secara asasnya boleh dibersihkan ia sebagai apa, sebagai bahan pencuci...”

Jadual 4.2 : Kenyataan Sesi Temubual 2

Oleh itu, pengkaji membuat rumusan hukum penggunaan nanopartikel emas dari aspek tujuan dan manfaat dengan menetapkan suatu penetapan bahawa setiap perkara bergantung kepada niat dan tujuannya. Sekiranya penggunaan emas dalam kosmetik digunakan bagi tujuan merawat, membersihkan dan terdapat manfaat, maka penggunaannya adalah dibolehkan dan hukumnya adalah harus. Namun begitu, jika tujuan penggunaannya untuk berhias serta mencantikkan diri bagi menarik perhatian mereka yang berlainan jantina, maka hukumnya adalah haram. Begitu juga sekiranya dengan kecantikan yang dimiliki menimbulkan rasa ujub, takbur, riak dalam hati maka hukumnya tidak dibenarkan dan haram untuk menggunakan produk kosmetik nanopartikel emas tersebut.

Ketiga, pengkaji membuat analisis hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik merujuk kepada implikasi dan kesan penggunaan emas terhadap pengguna. Meneliti perbincangan sebelum ini, hasil kajian mendapati penggunaan kosmetik berasaskan nanopartikel emas mendatangkan implikasi atau kesan yang berbeza bergantung kepada keadaan pengguna dimana. Secara umum, penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik selamat digunakan kerana tidak mendatangkan implikasi berbahaya di samping tiada sebarang kajian mahupun bukti yang menunjukkan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik mendatangkan mudarat terhadap kesihatan pengguna. Namun begitu, masih terdapat kesan sampingan yang kecil seperti wajah kegatalan, tumbuh jerawat dan kulit meggelupas hasil penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik bergantung kepada keadaan kulit pengguna.

Oleh itu, dalam membuat rumusan hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik dari aspek implikasi dan kesan penggunaan, pengkaji melihat kepada dua perkara iaitu implikasi positif dan implikasi negatif. Sekiranya penggunaan nanopartikel emas memberikan implikasi, kesan dan hasil yang positif maka penggunaannya adalah diharuskan. Namun begitu, sekiranya penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik memberi implikasi, kesan dan hasil yang negatif terhadap pengguna maka hukumnya berubah menjadi haram. Hal ini kerana maqasid syariah amat menekankan pemeliharaan dalam lima perkara salah satunya penjagaan diri (*hifzu nafs*). Ia menjadi suatu garis panduan bahawa kemudaratannya hendaklah dihilangkan bersesuaian dengan dalil-dalil berikut:

Firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ۚ وَأَحْسِنُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ

الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Al-Baqarah 2: 195

Terjemahan: Dan janganlah kamu mencampakkan dirimu

sendiri kedalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.

Begitu juga selaras dengan Hadis Rasulullah SAW:

لا ضرر ولا ضرار

Terjemahan: Tidak memudaratkan dan tidak memberi kemudatan¹⁴

Menepati kaedah *fiqhiyyah*:

الأصل في الأشياء النافعة الإباحة، وفي الأشياء الضارة الحرمة.

Terjemahan: Hukum asal sesuatu yang bermanfaat adalah boleh dan hukum asal sesuatu yang berbahaya adalah haram.

الأصل في المنافع الإباحة.

Terjemahan: Hukum asal pada setiap yang bermanfaat adalah boleh.

Perkara ini juga merujuk kepada temu bual pengkaji bersama Ustaz Syed Shahridzan yang menyatakan jika terdapat kajian saintifik mengatakan penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik memberi kesan sampingan yang berbahaya maka hukumnya secara jelas adalah haram. Akan tetapi, sekiranya ia memberi kesan yang kurang pasti dan melihat kepada testimoni pengguna banyak yang mendapat kesan sampingan negatif hukumnya adalah makruh. Sekiranya penggunaan nanopartikel emas tidak memberi kemudatan dan dibuktikan secara saintifik baik dan selamat untuk digunakan maka penggunaanya diharuskan oleh syarak.¹⁵ Oleh itu, pengkaji membuat analisis hukum penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik dari sudut kesan dan implikasi adalah dibolehkan atau diharuskan kerana penggunaannya memberikan kesan positif dan manfaat terhadap pengguna. Akan tetapi bagi pengguna yang menerima kesan sampingan yang kecil hukum penggunaanya adalah makruh dan sekiranya pengguna

¹⁴ Abu al-Qāsim Sulaymān Ibn Ahmad ibn Ayyub ibn Muṭayyir al-Lakhmī al-Shāmī al-Ṭabarānī, “Al-Mu’jam Al-Kabīr”, (al-Qaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, 1994), 2:86; no. hadis 1387.

¹⁵ Syed Shahridzan Syed Mohamed (Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 9 Februari 2023.

menerima kesan sampingan atau mudarat yang besar maka hukumnya berubah menjadi haram.

4.3 Analisis Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal

Syariat telah menjelaskan kepentingan ilmu perubatan dan mendapatkan rawatan hukumnya adalah harus dan umat Islam dituntut supaya menjaga kesihatan tubuh badan agar sentiasa berada dalam keadaan sihat sesuai dengan tuntutan maqasid syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Selain itu, Islam juga menyuruh umatnya berikhtiar mencari penawar atau ubat apabila dijangkiti sesuatu penyakit supaya kembali sihat untuk meneruskan ibadah dalam kehidupan seharian. Terdapat beberapa hadis yang menyatakan bahawa Allah SWT menurunkan penawar bagi setiap penyakit yang diturunkan. Antara hadis tersebut adalah daripada Abū Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Terjemahan: Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.¹⁶

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الدَّوَاءِ الْحَيْثِ

Terjemahan: Nabi melarang daripada berubat dengan ubat yang kotor¹⁷

Daripada Abī Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat

¹⁶ Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī", dalam *Māwsū'at al-Ḥadīth al-Šhāri'f: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin A'bd al-Aziz al-Šhāykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 486 (Kitāb al-Ṭibb, bāb mā anzālā Allah dā' illā anzālā lahu šhifa', no. hadith 5678).

¹⁷ Riwayat Ahmad (8048) Syeikh Syu'aib al-Arna'uth menilai sanad hadith ini adalah hasan.

dengan benda yang haram.¹⁸

Berdasarkan hadith-hadith di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT telah menciptakan ubat atau penawar bagi setiap penyakit yang diturunkan ke atas manusia, maka sebagai umat Islam kita perlu berusaha dan berikhtiar dalam mengubati sesuatu penyakit yang menimpa. Hadith-hadith ini juga menunjukkan keterikatan dalam perubatan ini hanya dengan sumber yang halal sahaja. Maka dengan ini, tidak dibenarkan bagi seseorang untuk berubat dengan sumber yang haram dan kotor sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani.¹⁹ Walaubagaimanapun, di dalam kitab *al-Majmu'* dinyatakan bahawa larangan tersebut digunapakai jika tidak ada keperluan untuk menggunakan ubat-ubatan yang haram dan najis kerana masih terdapat ubat yang suci.²⁰

Sepertimana yang dinyatakan dalam bab tiga, penggunaan emas dalam produk farmaseutikal merupakan salah satu alternatif dalam rawatan perubatan yang telah digunakan sejak dahulu hingga kini berikutan manfaatnya yang pelbagai. Penggunaan nanopartikel emas telah digunakan secara meluas dalam bidang farmaseutikal sama ada melalui kaedah rawatan tradisional mahupun kaedah rawatan moden tidak kira ke atas golongan wanita mahupun golongan lelaki. Penggunaan emas dalam produk farmaseutikal dibenarkan ke atas wanita manakala bagi golongan lelaki hukumnya merujuk kepada beberapa keadaan di mana penggunaannya dibenarkan sekiranya tiada pilihan lain yang boleh digunakan selain daripada sumber emas serta telah mendapat pengesahan daripada golongan pakar dan dalam keadaan darurat. Sekiranya terdapat alternatif rawatan perubatan lain yang boleh digunakan selain daripada sumber emas maka hukumnya adalah haram. Hal ini merujuk kepada situasi sahabat pada zaman

¹⁸Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī, "Sunan Abī Dāwūd", dalam *Māwsū'at al-Ḥadīth al-Ṣhāriḥ: al-Kutūb al-Sittāh*, ed. Sālih bin A'bd al-Aziz al-Ṣhāykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008) 1507 (Kitāb al-Ṭibb, bāb fī al-adwiyah al-makrūhah, no. hadith 3874).

¹⁹Aḥmad Ibn 'Alī Ibn-Ḥaḡar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyād: Dār al-Ṭayyibah, 2011), 10:135.

²⁰ al-Nawāwī, *al-Majmu' Syarḥ al-Muhazzab*, 9:58.

Rasulullah SAW iaitu ‘Arfajah Ibn As’ad yang dibenarkan menggunakan emas bagi tujuan merawat hidungnya yang cedera dalam situasi darurat. Terdapat beberapa hadith yang menceritakan perkara ini antaranya hadis yang diriwayatkan oleh ‘Arfajah Ibn As’ad R.A beliau berkata:

أَصِيبَ أَنْفِي يَوْمَ الْكُلابِ فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَأَخَذْتُ أَنْفًا مِنْ وَرَقٍ فَأَنْتَنَ عَلَيَّ
فَأَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَخَذَ أَنْفًا مِنْ ذَهَبٍ

Terjemahan: Hidungku mengalami kecederaan parah pada hari peperangan Al-Kulab (suatu tempat yang terletak di antara Basrah dan Kufah) semasa Jahiliyyah dahulu. Lalu aku pun menggantikan hidungku dengan perak kemudian hidungku menjadi busuk. Maka Rasulullah S.A.W memerintahkan kepadaku untuk mengambil hidung daripada emas.²¹

Hadis ini merujuk kepada keharusan keatas golongan lelaki memakai sesuatu yang diperbuat daripada emas dalam keadaan darurat. Imam Al-Khattabi ketika mensyarahkan hadis di atas beliau berkata hadis ini menunjukkan kepada keharusan menggunakan sedikit daripada emas oleh orang lelaki ketika berada dalam keadaan darurat seperti menguatkan gigi-gigi dengannya.²² Manakala dalam kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji* ada disebutkan:

لو جدد أنفه، فاستعاض عنه أنفا من ذهب، أو احتاج أن يشد أسنانه
بالذهب، فإنه يباح في هذا وأمثاله من حالات الضرورة استعمال الذهب

Terjemahan: Sekiranya hidung seseorang itu terputus lalu digantikan dengan hidung yang diperbuat daripada emas, atau seseorang itu berhajat kepada menguatkan gigi-giginya dengan emas, maka ia dibenarkan dalam keadaan ini dan yang seumpamanya dari keadaan darurat untuk menggunakan emas.²³

Perkara ini juga merujuk kepada kenyataan responden seperti berikut:

²¹ Riwayat Al-Tirmizi (1770)

²² Abū Sulaymān Ḥamad ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Khaṭṭāb al-Khaṭṭābī al-Bustī, Ma’ālim al-Sunan Ṣharḥ Sunan Abī Dāwūd (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Imīyah, 1991) 4: 215.

²³ Muṣṭafa al-Khinn, Muṣṭafa al-Bugha & ‘Alī al-Ṣharbajī, *Al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Mazhab al-Imām al-Ṣhāfi’i* (Damshiq: Dār al-Qalam, 2013), 3:95.

Responden	Kenyataan
Responden 1	“Bidang perubatan ini memang terikat diharuskan berdasarkan hadith Arfajah bin As’ad yang terpotong hidung dia tu kan... makna kata boleh menggunakan emas untuk rawatan kesihatan ataupun kita kata rawatan perubatan lah.. jadi kita berpandukan hadith Arfajah tu la.. Sekiranya ada alternatif lain maka kita gunakan yang tiada khilaf, yang harus dipakai... tapi sekiranya ada alternatif lain, tapi alternatif tu tidak seefektif menggunakan emas atau ada kesan sampingan atau sebagainya, maka dibenarkan...”
Responden 3	“Dalam perubatan pun sama jugalah, sekiranya tiada alternatif lain untuk melakukan rawatan perubatan jadi bolehlah digunakan emas yang dikatakan boleh merawat penyakit... tapi kalau bagi wanita tak jadi masalah lah kan... Perhiasan pun boleh apatah lagi berubatkan... Cuma bagi lelaki la dia bukan pakai, dia cuma guna untuk merawat penyakit jadi takde masalah ye berbalik kepada prinsip ganti hidung sahabat nabi dengan emas, nabi suruh pakai emas untuk ganti hidung dia. Dia sama la macam tu, kalau nanopartikel lagila boleh. Samalah tiada masalah...”
Responden 2	“Penggunaan emas bagi orang lelaki dibenarkan dalam keadaan darurat iaitu terpaksa, jadi perlu diteliti terlebih dahulu tentang konteks darurat sejauh mana penggunaan bahan tersebut memberi kesan kepada sembuhnya sesuatu penyakit... Bila kita sebut darurat, dalam konteks ini perlu lihatlah ada tambahan benda lain yang berkesan, bahan alternatif lain yang berkesan, benda-benda halal lain yang sesuai untuk merawat sesuatu penyakit... jadi kalau kata sesuatu gigi yang patah ataupun hidung yang cedera tadi hanya emas yang sesuai untuk menggantikan anggota tersebut maka dibenarkanlah di dalam konteks perubatan.. Secara asalnya kalau tiada unsur darurat, bagi orang lelaki dia tidak dibenarkan... untuk perempuan dia tiada masalah, hukum dia ringan sedikit berbanding dengan lelaki...”

Jadual 4.3 : Kenyataan Sesi Temubual 3

Berdasarkan pernyataan diatas, responden berpendapat bahawa penggunaan emas dalam produk farmaseutikal dibenarkan ke atas golongan lelaki dengan syarat dalam situasi darurat dan tiada alternatif lain yang boleh digunakan untuk merawat penyakit selain daripada emas.

Seterusnya, dalam menentukan hukum penggunaan emas dalam produk farmaseutikal dari perspektif hukum Islam semasa, pengkaji membuat rumusan hukum berdasarkan tiga elemen utama iaitu sumber dan jenis penggunaan emas, manfaat dan tujuan, serta implikasi dan kesan penggunaan emas dalam bidang farmaseutikal. Pertama

dari sudut sumber dan jenis penggunaan, emas yang digunakan dalam penghasilan produk kosmetik ialah nanopartikel emas iaitu 99.99% emas tulen yang terdiri daripada pelbagai bentuk dan saiz seperti bentuk sfera dengan saiz semula jadi yang berbeza antara 1 nm hingga 1500 nm dan bentuk nanorods dengan saiz 10x20 nm sehingga 50x250nm. Kaedah yang digunakan adalah melalui kaedah rawatan tradisional seperti serbuk emas diletakkan dalam teh lalu diminum bagi merawat penyakit dan kaedah moden di mana nanopartikel emas digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser²⁴ dan mempunyai potensi yang besar dalam merawat dan menghapuskan sel kanser,²⁵ digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi²⁶ dan sebagainya. Pengkaji melihat sumber dan jenis penggunaan emas dalam produk farmaseutikal adalah harus dan dibenarkan. Hal ini adalah merujuk kepada:

Kaedah *fiqhiyyah*:

الأصل في الأشياء الإباحة، ما لم يَقم دليل معتبر على الحرمة

Terjemahan: Hukum asal mengenai sesuatu adalah boleh selama tidak ada dalil muktabar yang mengharamkannya.

Di samping itu, berdasarkan kepada MS 2424:2019 produk farmaseutikal dan perubatan yang dibenarkan di bawah peraturan syariah sekiranya menepati syarat-syarat iaitu a) tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal dari segi syarak atau mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak b) tidak mengandungi najis mengikut hukum syarak, c) selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak merbahaya kepada kesihatan mengikut dos yang di preskripsi d) tidak disediakan, diproses, dikilang menggunakan peralatan yang tercemar dengan najis mengikut hukum syarak, e) tidak mengandungi mana-mana bahagian manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak, f) semasa penyediaan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan,

²⁴ Martien R. et al., "Pekembangan Teknologi Nanopartikel," 133-144.

²⁵ Yuxuan Zhu et al., "Multifunctional Gold Nanoparticles," 2041-2067.

²⁶ *Ibid.*,

penyimpanan, dan pengedarannya, produk farmaseutikal halal dipisahkan secara fizikal daripada mana-mana produk farmaseutikal lain yang tidak memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a), b), c), d), atau e), atau mana-mana butiran yang telah dihukumkan sebagai tidak halal dan najis menurut hukum syarak²⁷ seperti yang telah dinyatakan pada bab tiga.

Berdasarkan syarat-syarat yang telah dinyatakan di atas, pengkaji membuat analisis hukum penggunaan nanopartikel emas dalam produk perubatan dari sudut sumber adalah harus untuk digunakan dengan syarat emas yang digunakan dalam rawatan perubatan menepati parameter yang telah ditetapkan. Penggunaan emas yang dibenarkan adalah dengan kadar kuantiti emas yang sedikit dan tidak dibenarkan menggunakan emas dalam kuantiti yang banyak kecuali ketika darurat. Namun begitu, sekiranya terdapat sumber farmaseutikal atau rawatan perubatan halal lain selain daripada emas, maka perlulah pilih sumber lain terlebih dahulu. Hal ini merujuk kepada kenyataan Ustaz Syed Shahridzan menjelaskan penggunaan emas yang dibenarkan dalam produk farmaseutikal adalah dengan syarat kadar kuantiti emas yang sedikit. Asas penentuan kadar kuantiti penggunaan emas adalah melalui pembakaran atau peleburan dimana sekiranya emas tersebut dibakar, lalu emas tersebut tidak dapat dipisahkan dengan produk farmaseutikal, maka penggunaannya adalah dibenarkan. Sekiranya emas yang digunakan dalam kapasiti atau kuantiti yang banyak, maka hukumnya adalah haram kecuali dalam keadaan darurat iaitu tidak ada pilihan lain untuk mendapatkan rawatan perubatan kecuali dengan menggunakan sumber emas itu sahaja. Sekiranya ada pilihan lain, maka wajib keatas umat Islam memilih sumber perubatan yang halal berbanding dengan sumber emas tersebut.²⁸

²⁷ Jabatan Standard Malaysia, *MS 2424:2012 Farmaseutikal Halal: Garis Panduan Umum* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia 2012), 1-2.

²⁸ Syed Shahridzan Syed Mohamed (Ketua Penolong Mufti (Penyelidikan) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 9 Februari 2023.

Kedua, pengkaji melihat tujuan penggunaan nanopartikel emas dalam perubatan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser, mempunyai potensi yang besar dalam merawat penyakit kanser, digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan *Computed Tomography* (CT), membentuk ikatan yang stabil dengan Deoxyribonucleic Asid (DNA) dan biomelekul yang lain serta digunakan dalam bidang perubatan lain seperti pergigian dan oftalmologi, terapi gen, jantung, implan telinga dan sten sebagai suatu tujuan yang positif dan mendatangkan manfaat kepada pesakit. Oleh itu, penggunaannya adalah diharuskan, namun begitu sekiranya terdapat alternatif rawatan daripada sumber halal lain, maka pada ketika itu penggunaan nanopartikel emas dalam rawatan perubatan adalah haram dan tidak dibenarkan. Perkara ini menepati kaedah fiqhiyyah iaitu:

الأمر بمقاصدها

Terjemahan: Hukum segala sesuatu tergantung pada tujuannya

Dalam konteks darurat, perlu dilihat terlebih dahulu sekiranya ada alternatif lain yang lebih berkesan bagi merawat sesuatu penyakit maka perlulah menggunakan alternatif lain yang tiada khilaf. Terdapat tiga kategori darurat iaitu pertama yang melibatkan mati bermaksud sekiranya tidak melakukan rawatan menggunakan emas tersebut akan menyebabkan kematian dan yang kedua mudarat yang tidak melibatkan mati akan tetapi menyebabkan keadaan menjadi lebih teruk, kronik, kritikal. Seterusnya yang ketiga, mudarat yang tidak membawa kepada kematian dan tidak menjadikan seseorang itu kritikal akan tetapi rawatan digunakan untuk memberikan satu ketenangan atau memberi satu keselesaan kepada seseorang atau disebut sebagai *al-hajah*.²⁹ Situasi ketiga ini dikatakan keperluan, sebagai contoh membaiki gigi yang jongang untuk keselesaan diri namun keperluan tersebut tidaklah sampai membawa kepada kematian atau keadaan kronik, dalam kaedah fiqh disebut sebagai:

²⁹ Irwan Mohd Subri (Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 4 Januari 2023

الحاجة تنزل منزلة الضرورة عامة أو في خاصة

Terjemahan: Sesuatu yang bersifat keperluan (*al-hajah*) mengambil hukum darurat yang mengubah hukum asal sesuatu perbuatan.

Bagi tujuan penggunaan emas pada gigi, perbuatan memakai pendakap gigi bagi membetulkan kedudukan gigi yang jarang atau pemakaian gigi palsu bagi tujuan memperbetulkan kekurangan pada bahagian gigi hukumnya adalah harus. Bahkan keharusan ini meliputi seluruh anggota tubuh yang ada keaiban atau kerosakan ketika darurat. Hal ini diqiyaskan berdasarkan hadith ‘Arfajah Ibn As’ad di atas. Jika dahulu nabi SAW membenarkan para sahabat menggunakan emas bagi membaiki gigi ketika darurat, namun kini penggunaannya dianggap sudah tidak relevan. Hal ini berikutan revolusi teknologi yang kian canggih dan terdapat pelbagai inisiatif lain yang boleh digunakan. Oleh itu, penggunaan emas dalam rawatan pergigian adalah dilarang atau haram digunakan pada masa kini. Hal ini adalah sepertimana pernyataan berikut:

Responden	Kenyataan
Responden 2	“Cuma kita kata konteks zaman sekarang kan, zaman dahulu mungkin kita kata darurat... tapi zaman sekarang banyak sumber alternatif lain yang boleh digunakan bagi menggantikan emas, maka wajiblah kita menggunakan bahan selain daripada emas...”
Responden 5	“Cuma pada pandangan saya, ini bukan fatwa pejabat mufti, pada pandangan saya sebagai pakar dalam bidang kefatwaan ini ataupun berkecimpung dalam bahagian fatwa dan konsultasi syariah, bagi saya hukum darurat tu seolah seperti tidak ada lagi dah.. sebab teknologi sudah berkembang dan banyak lagi gigi-gigi palsu yang boleh dikatakan mampu untuk mengganti kedudukan emas sebagai gigi.. maka di sini pada saya penggunaan gigi emas tidak lagi dibenarkan sebab ada bahan yang lain yang tidak melibatkan emas untuk menggantikan gigi yang cacat ataupun rosak...”

Jadual 4.4: Kenyataan Sesi Temubual 4

Ketiga, pengkaji membuat analisis hukum penggunaan emas dalam produk farmaseutikal merujuk kepada implikasi dan kesan penggunaan emas terhadap kesihatan pengguna. Seperti yang dinyatakan pada bab 3, terdapat beberapa implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal bergantung kepada keadaan individu

seperti mendatangkan kesan toksik terhadap kulit pengguna bergantung kepada saiz dan bentuk nanopartikel emas. Selain itu, penembusan nanopartikel emas yang digunakan dalam rawatan kemoterapi bagi merawat kanser dikhuatiri memasuki saluran darah seterusnya ke otak jika tidak dapat dikawal. Akhir sekali, implikasi penggunaan nanopartikel emas dalam produk farmaseutikal adalah mengganggu sistem kardiovaskular lelaki dan menyebabkan rembesan hormon testis mengalami kerosakan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, analisis hukum penggunaan emas dalam produk farmaseutikal dari sudut implikasi dan kesan penggunaan dilakukan merujuk kepada dua aspek iaitu implikasi positif dan implikasi negatif. Sekiranya penggunaan emas dalam produk farmaseutikal memberikan kesan dan hasil positif, maka penggunaannya adalah diharuskan. Namun begitu, sekiranya penggunaan emas dalam produk farmaseutikal memberikan kesan dan hasil negatif terhadap pengguna, maka hukumnya berubah menjadi haram. Hal ini kerana maqasid syariah amat menekankan pemeliharaan dalam lima perkara salah satunya penjagaan nyawa (*hifz nafs*). Ia menjadi suatu garis panduan bahawa kemudharatan hendaklah dihilangkan bersesuaian dengan dalil berikut:

Firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿195﴾

Al-Baqarah 2: 195

Terjemahan: Dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri kedalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.

Hadis Rasulullah SAW:

لا ضرر ولا ضرار

Terjemahan: Tidak memudaratkan dan tidak memberi kemudharatan

Selain itu, hukum penggunaan emas dalam produk farmaseutikal dari sudut implikasi dibolehkan atau diharuskan sekiranya penggunaannya memberikan kesan positif dan manfaat terhadap pengguna. Akan tetapi bagi pengguna yang menerima kesan sampingan yang kecil hukum penggunaannya adalah makruh dan sekiranya pengguna menerima kesan sampingan atau mudarat yang besar maka hukumnya berubah menjadi haram. Perkara ini merujuk kepada jawapan responden dalam temubual bersama pengkaji yang menyatakan sekiranya penggunaan nanopartikel emas dalam perubatan mendatangkan kesan sampingan, mudarat serta bahaya terhadap kesihatan pengguna, maka hukumnya adalah haram. Kenyataan temubual adalah seperti berikut:

Responden	Kenyataan
Responden 3	“Dia tengok kepada individu... kalau kesan sampingan itu menyeluruh bersifat mutlak maka tak haruslah... kesan sampingan yang negatif yang memudaratkan maka tak bolehlah... tapi kalau sebahagian individu sahaja yang mendapat kesan sampingan, maknanya untuk individu itu sahaja tidak dibenarkan.. bagi individu yang tidak mendapat kesan sampingan dibenarkan.. bergantung kepada keadaan individu...”
Responden 1	“Katakanlah KKM guna pakai kaedah emas dalam rawatan.. contohlahkan, tiba-tiba ada kesan sampingan yang teruk, sebenarnya kalau ada kesan sampingan yang teruk memang KKM akan tolak awal-awal lagi... kalau ada kesan sampingan kecil-kecilan lah kan macam vaksin kalau kita amek akan ada kesan lebam selepas suntik, mungkin gatal-gatal sedikit ataupun demam ke itu dipanggil kesan sampingan yang kecil, tapi demi menyelamatkan nyawa ha itu tiada masalah.. tapi kalau rawatan itu kita guna pakai pada 10 orang tiba-tiba 7 orang da mati ataupun 8 orang da mati, itu dari segi fiqhnya tidak dibenarkanlah..”

Jadual 4.5 : Kenyataan Sesi Temubual 5

Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan hukum penggunaan emas dalam produk farmaseutikal dari perspektif hukum Islam adalah diharuskan bagi golongan wanita manakala bagi golongan lelaki hukumnya bergantung kepada dua keadaan. Pertama, sekiranya terdapat pilihan lain selain daripada emas maka hukumnya adalah haram adapun sekiranya tiada pilihan lain selain daripada sumber emas serta perkara ini telah mendapat pengesahan daripada golongan pakar maka hukumnya adalah harus dengan syarat dalam situasi darurat dan tiada alternatif lain yang boleh digunakan untuk merawat

penyakit selain daripada emas. Penggunaan emas dalam produk farmaseutikal yang bertujuan mendatangkan manfaat dan implikasi yang positif hukumnya adalah harus dan dibenarkan. Akan tetapi bagi pengguna yang menerima kesan sampingan yang kecil hukum penggunaannya adalah makruh dan sekiranya pengguna menerima kesan sampingan atau mudarat yang besar maka hukumnya berubah menjadi haram.

4.4 Analisis Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan.

Islam menganjurkan umatnya untuk mencari makanan yang halal, bersih serta selamat untuk dimakan dan perkara tersebut merupakan satu kefardhuan serta ibadah ke atas umat Islam. Tuntutan mencari makanan yang halal meliputi pelbagai aspek seperti kebersihan makanan, sumber makanan serta cara sesuatu makanan itu diproses dan disediakan. Hal ini kerana setiap makanan yang masuk ke dalam tubuh akan memberi implikasi kepada kesihatan seseorang individu. Makanan yang tidak halal, tidak selamat ataupun syubhah boleh memberi kesan kepada kesempurnaan rohani dan jasmani seseorang individu.

Dewasa ini, pelbagai inovasi dalam bidang makanan telah dilakukan demi memenuhi kehendak pelanggan yang pelbagai. Kini, makanan yang dihidangkan bersama lapisan emas mula mendapat tempat dipasaran seperti pizza bersama daun emas 24K, sandwich keju yang dililit emas sebenar, roti burger bersama emas 24K, kopi yang ditabur serbuk emas, kek colat bersama beberapa lembaran emas, kepak ayam goreng celup emas tulen, *rollney* yang disalut dengan serbuk emas tulen³⁰ dan sebagainya. Seperti yang telah dinyatakan pada bab tiga, sumber bahan yang digunakan dalam penyediaan makanan berasaskan emas adalah *edible gold* iaitu emas murni khusus yang telah mendapat

³⁰ AbdusFauzi, "8 Makanan Bersalut Emas Tulen Bkal Buat Anda Rasa 'Like A Royal' ", laman sesawang *Makanlena* dikemaskini 18 Januari 2019, dicapai 28 Oktober 2022, <https://www.makanlena.com/2019/01/18/8-makanan-bersalut-emas-tulen-bakal-buat-anda-rasa-like-a-royal/>

kelulusan daripada *European Food Safety Administration* (EFSA) dan dipersetujui oleh *European Commission* (EC) sebagai bahan tambahan makanan di bawah kod E 175.³¹

Dalam menentukan hukum penggunaan emas dalam produk makanan dari perspektif hukum Islam semasa, pengkaji membuat rumusan hukum berdasarkan tiga elemen utama iaitu sumber dan jenis penggunaan emas, manfaat dan tujuan, serta implikasi dan kesan penggunaan emas dalam makanan. Pertama dari sudut sumber dan jenis penggunaan, emas yang digunakan dalam makanan ialah *Edible gold*. Emas ini berbeza dengan emas yang kebiasaannya digunakan sebagai perhiasan kerana *edible gold* merupakan campuran emas murni dengan kadar 23 hingga 24 karat digabungkan bersama perak dengan komposisi umumnya terdiri dari 98% emas dan 2% perak. *Edible gold* tidak mengandungi racun dan tidak diserap oleh tubuh serta terdiri daripada pelbagai bentuk seperti daun emas, serpihan emas dan debu emas. Dapatan kajian mendapati *edible gold* tidak termasuk dalam kategori makanan yang haram untuk dimakan. Hal ini merujuk kepada dalil-dalil berikut:

Firman Allah SWT:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ
وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ
عَلَى النُّصَبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ذَلِكُمْ فَسُقُ الْيَوْمَ يَمَسُّ الَّذِينَ كَفَرُوا
مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ
عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ
مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Al-Ma'idah 7: 31

Terjemahan: Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembeliknya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi

³¹ EFSA Panel, "Scientific Opinion on the re-evaluation of gold," 2-3.

nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-ridhai Islam itu jadi agama bagimu. Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Riwayat Tarmizi dan Ibn Majah:

عن سلمان الفارسي، قال: سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن السمن، والجبن، والفراء قال: الحلال ما أحل الله في كتابه، والحرام ما حرم الله في كتابه، وما سكت عنه، فهو مما عفا عنه

Terjemahan: Yang halal itu ialah sesuatu yang dihalalkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya dan yang haram itu sesuatu yang diharamkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya. Dan mana-mana yang didiamkan-Nya sahaja, maka ianya termasuk apa yang dimaafkan buat kamu.

Kaedah fiqhiyyah:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Terjemahan: Hukum asal sesuatu adalah harus sehingga datang dalil yang menunjukkan keharaman terhadap perkara tersebut.

Berdasarkan dalil-dalil di atas jelas menunjukkan logam emas tidak termasuk dalam kategori makanan atau perkara yang diharamkan untuk makan. Perkara ini juga merujuk kepada MS 1500:2019 iaitu makanan halal yang dibenarkan oleh hukum syarak adalah yang menepati syarat a) tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal kepada orang Islam mengikut hukum syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak, b) tidak mengandungi ramuan daripada bahan najis mengikut hukum syarak, c) selamat dan tidak memudaratkan d) tidak disediakan, diproses, atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak, e) tidak mengandungi mana-mana bahan atau anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan syarak, f) semasa

penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan lain yang tidak menepati keperluan seperti a) b) c) d) atau e) atau bahan-bahan lain yang telah disahkan najis mengikut hukum syarak³² seperti yang telah dinyatakan pada bab 3.

Selain itu, keharusan sumber dan jenis penggunaan emas dalam produk makanan adalah merujuk kepada perbincangan dalam kitab *Hasyiyah al Syarwani* yang mensyarahkan kitab *Tuhfah al-Muhtaj* salah satu kitab rujukan mazhab Syafi'i yang mana disebut dalam kitab tersebut beberapa persoalan antaranya:

وقع السؤال عن دق الذهب والفضة وأكلهما منفردين أو مع انضمامهما
لغيرهما من الأدوية هل يجوز ذلك كغيره من سائر الأدوية أم لا يجوز لما فيه
من إضاعة المال ،

Terjemahan: Terdapat persoalan mengenai serbuk emas dan perak dan hukum makan kedua-duanya secara berasingan ataupun digabungkan dengan selain daripadanya iaitu ubat, adakah dibolehkan dengan bercampur ubat-ubat yang lain ataupun tidak? adakah dikira sebagai menghilangkan harta? atau adakah ianya tidak dibenarkan kerana ia melibatkan pembaziran wang?³³

والجواب أن الظاهر أن يقال فيه أن الجواز لا شك فيه حيث ترتب عليه
نفع ، وكذا إن لم يحصل منه ذلك لتصريحهم في الأطعمة بأن الحجارة
ونحوها لا يحرم منها إلا ما ضر بالبدن أو العقل

Terjemahan: Maka jawabnya pada zahir hukumnya dibolehkan iaitu harus memakan serbuk emas yang mana tidak ada was-was kewujudan yang bermanfaat melalui emas itu, bukanlah ia tidak dikira sebagai makanan tetapi jika mahu makan dibolehkan sedangkan ada hukum fatwa para fuqaha' mengenai hukum makan batu, maka tidak haram makan batu yang mana sekiranya tidak memudaratkan tubuh badan dan akal.³⁴

Berdasarkan perbincangan tersebut, Imam Ibn Hajar menyatakan hukum makan emas adalah harus disisi Imam Syafi'i sama seperti hukum makan batu selagi mana

³² Jabatan Standard Malaysia, *MS 1500: 2019 Makanan Halal: Keperluan Umum* (Putrajaya: Jabatan Standard Malaysia 2019), 2.

³³ 'Abdūl Ḥāmid bin al-Ḥusain al-Daghīstānī al-Šyarwānī al-Makki, *Ḥawāšyī asy-Šyarwānī wa Ibn Qāsim al-'Abādī ala Tuhfah al-Muhtāj bi šyarḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah., 1996), 7:28.

³⁴ *Ibid.*,

makanan tersebut tidak mendatangkan mudarat terhadap kesihatan tubuh badan mahupun akal. Hal ini telah menjadi satu piawaian yang telah ditetapkan oleh ulama' mazhab Syafi'i yang menyatakan makan serbuk emas dibolehkan walaupun bukan termasuk dalam kategori emas dan makanan dengan syarat emas itu tidak memudaratkan tubuh badan dan tidak merosakkan akal.

Seterusnya, keharusan sumber dan jenis penggunaan emas dalam produk makanan adalah merujuk kepada hasil temubual pengkaji bersama beberapa responden. Encik Johari menjelaskan bahawa emas merupakan sumber makanan yang halal untuk dimakan dan tidak ada dalil yang menyatakan emas haram untuk dimakan.³⁵ Perkara ini dipersetujui oleh Professor Dr. Irwan dan Ustaz Syed Shahrizdan yang menyatakan hukum makan emas adalah harus selagimana tidak mendatangkan bahaya dan mudarat terhadap kesihatan tubuh badan.³⁶ Hal ini adalah merujuk kepada kenyataan berikut:

Responden	Kenyataan
Responden 4	“tapi kalau saya la, hukum asal makan emas itu adalah dibenarkan atau diharuskan kerana bahan asalnya iaitu emas bukan bahan yang diharamkan oleh syarak ataupun memudaratkan keselamatan dan kesihatan seseorang..”
Responden 1	“dalam bab makanan, selagi mana makanan tersebut tidak merbahayakan, maka dibenarkan untuk makan. Makna kata kita boleh makan emas lah.. kalau betul tidak bahayalah.. jadi, sekiranya emas tersebut mendatangkan bahaya terhadap kesihatan, maka tak boleh untuk kita makan. Itu dia premis ataupun kata kunci..”
Responden 5	“jadi antara piawaian yang telah ditetapkan oleh ulama' mazhab Syafi'i boleh makan serbuk emas walaupun bukan termasuk dalam kategori emas dan makanan, dengan syarat emas itu tidak memudaratkan tubuh badan dan begitu juga tidak merosakkan akal..”

Jadual 4.6 : Kenyataan Sesi Temubual 6

³⁵ Johari Bin Ab Latiff (Pegawai Penyelidik, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam temubual dengan penulis, 12 Januari 2023.

³⁶ Irwan Mohd Subri (Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 4 Januari 2023.

Di samping itu, dalam penentuan hukum penggunaan emas dalam produk makanan, aspek tujuan dan manfaat serta implikasi dan kesan penggunaan perlu dipertimbangkan seiring dengan prinsip syarak dan maqasid syariah yang telah ditetapkan kerana segala perkara itu bergantung kepada niat atau tujuannya (*al-umur bi maqasidiha*). Seperti yang telah dinyatakan pada bab 3, antara tujuan dan manfaat penggunaan emas dalam produk makanan adalah sebagai perhiasan dan bahan tambahan dalam makanan, merasa makanan yang mewah, tidak mengganggu pencernaan bahkan telah diperakui selamat untuk dimakan oleh EFSA serta emas yang dimakan mudah hancur apabila disentuh pada kulit dan lidah, tidak boleh reput dalam tubuh badan dan tidak akan diserap dalam darah. Adapun implikasi serta kesan penggunaan emas dalam produk makanan adalah emas tersebut tidak mengandungi sebarang khasiat dan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan seseorang manusia. Selain itu, emas yang digunakan dalam makanan tidak mempunyai sebarang rasa kerana rasanya tawar serta masih belum ada data keselamatan yang menyeluruh berkaitan keselamatan penggunaan emas dalam makanan di samping harganya yang mahal

Merujuk kepada kenyataan di atas, pengkaji melihat tujuan serta implikasi penggunaan emas dalam produk makanan adalah sekadar ingin merasa tanpa sebarang tujuan dan manfaat. Perbuatan tersebut telah meletakkan diri seseorang ke arah pembaziran dan menghabiskan harta seterusnya menimbulkan rasa sombong dan riak dalam diri. Perkara ini ditegah dalam Islam sebagaimana dinyatakan dalam dalil-dalil berikut:

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا اٰدَمُ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَشَرِبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا ۗ اِنَّهٗ

لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾

Al-A'raf 7: 31

Terjemahan: Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai

orang-orang yang berlebih-lebihan.

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

﴿27﴾

Al-Isra' 17: 27

Terjemahan: Seungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ

مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿31﴾

Luqman 31: 18

Terjemahan: Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Nasā'i:

أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ سَلِيمَانَ، قَالَ : حَدَّثَنَا يَزِيدٌ، قَالَ : أَخْبَرَنَا هَمَامٌ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُلُوا وَتَصَدَّقُوا وَابْسُوا فِي غَيْرِ إِسْرَافٍ وَلَا مَخِيلَةٍ

Terjemahan: Makanlah kalian, bersedekahlah kalian, dan berpakaianlah kalian, tanpa berlebih-lebihan dan tidak sombong.³⁷

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abū Bakr Bin Abī Šhaibah:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ قَالَ : حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ، قَالَ : حَدَّثَنَا هَمَامٌ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُلُوا وَاشْرَبُوا وَتَصَدَّقُوا، وَابْسُوا، مَا لَمْ يَخَالِطَهُ إِسْرَافٌ وَلَا مَخِيلَةٌ

Terjemahan: Makanlah kalian, bersedekahlah kalian, dan berpakaianlah kalian, tanpa berlebih-lebihan dan tidak sombong.³⁸

Berdasarkan dalil-dalil di atas, Allah menyeru kepada hambanya agar makan secara bersederhana dan tidak berlebih-lebihan kerana perbuatan tersebut membawa

³⁷ Abū 'Abd al-Rahman Aḥmad bin Alī bin Šyu'aib bin Alī bin Sinān bin Baḥr al-Kḥurāsānī al-Nasā'i, "Sunan al-Nasā'i al-Kubra", (Beirut: Mu'asasah al-Risālah Nāshirun, 2009), 3 : 62, no. ḥadīth 2351.

³⁸ Abū Bakr Bin Abī Šhaibah, "Musannaf Ibn Abī Šhaibah", (Riyāḍ : Maktabah Ibn Rusdī, 1409), 5: 171, no. ḥadīth 24877.

kepada sifat boros dan membazir di dalam Islam. Sesungguhnya sifat boros dan membazir itu adalah amalan syaitan. Selain itu, pengharaman penggunaan emas dalam makanan turut diqiaskan dengan larangan penggunaan bejana emas dan perak ke atas golongan lelaki dan wanita sepertimana yang disebutkan dalam hadith Rasulullah SAW:

عن علي بن أبي طالب رضي الله عنه قال : أن نبي الله (ص) أخذ حريرا فجعله في يمينه، وأخذ ذهباً فجعله في شماله، ثم قال : إن هذين حرام على ذكور أمتي.

Terjemahan: Dan jangan kamu minum menggunakan bekas-bekas emas dan perak. Jangan kamu makan menggunakan pinggan-pinggan (atau talam) yang diperbuat daripadanya. Seungguhnya semua itu untuk mereka) orang-orang kafir) di dunia dan untuk kita di hari akhirat.³⁹

Merujuk hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa Allah melarang umatnya makan dan minum daripada bekas yang diperbuat daripada emas dan perak. Perkara ini juga turut diqiaskan terhadap penggunaan emas dalam makanan tidak kira bagi golongan lelaki mahupun wanita. Hal ini kerana penggunaan emas dalam produk makanan tidak mendatangkan manfaat, tidak memberikan sebarang khasiat mahupun nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan, masih belum ada data keselamatan yang menyeluruh dan harga yang mahal. Di samping itu, penggunaan emas dalam produk makanan juga dianggap sebagai suatu bentuk pembaziran serta berlebih-lebihan dalam menunjukkan kemewahan. Oleh sebab itu, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat tidak dibenarkan menggunakan emas dalam produk makanan dari aspek tujuan dan manfaat serta implikasi dan kesan.

Perkara ini juga adalah merujuk kepada kenyataan hasil temu bual pengkaji bersama lima responden yang bersepakat menyatakan sekiranya penggunaan emas dalam makanan bertujuan untuk meluputkan atau menghilangkan harta dan menjerumus ke arah

³⁹ Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn-Ḥaḡar al-‘Asqalānī, “Fath al-Bārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, (Riyād : Dār al-Ṭayyibah, 2011), 12:342, no. ḥadīth 5426.

pembaziran, bermewah-mewahan, dan berlebih-lebihan menunjukkan kekayaan, maka hukumnya adalah haram. Hal ini adalah merujuk kepada pernyataan berikut:

Responden	Kenyataan
Responden 5	“manakala hukum memakan serbuk emas ini boleh jatuh haram jika pemakanan itu dianggap sebagai meluputkan harta ataupun menghilangkan harta ataupun pembaziran maka hukumnya adalah haram...”
Responden 3	“Ada dalam hadis nabi SAW yang melarang kita menggunakan emas dan perak sebagai bekas makanan.. jadi kalau bekas makanan pun dilarang sudah tentulah makanan yang berasaskan emas juga dilarang. Sebab makan emas tersebut tidak membawa apa-apa manfaat dan sekadar bertujuan untuk tunjukkan kemewahan yang berlebih-lebihan. <i>Illahnya</i> sama dalam penggunaan bekas-bekas daripada emas dan perak, dimana ada larangan yang khas daripada nabi SAW jangan makan daripada bekas emas... jadi kalau makan dalam bekas pun tak boleh, apatah lagi makan emas... Perbuatan tersebut adalah membazir, boleh menunjukkan kemewahan, boleh mendatangkan riak, boleh menimbulkan rasa kehebatan diri sendiri, kesombongan... Tidak boleh, perkara-perkara sebegitu dilarang dalam Islam...” “Kalau tiada khasiat dan tujuan untuk bermewah-mewahan maka tak boleh la... sebab dia masuk dalam kategori membazir, tiada tujuan, tidak memberi khasiat... semata-mata untuk bermewah-mewahan, termasuk dalam kategori membazir...”
Responden 4	“Mungkin juga dalam konteks emas ini saya tak kata tak tapi mungkin untuk menjaga masalah umat Islam di Malaysia supaya tidak masuk dalam kategori, kita kata ape ye makanan emas ni, menunjuk-nunjuk ke menayakan kekayaan dan sebagainya.. dia kena tengok menyeluruhlah... Walaupun bahan itu halal tapi niat dia da lari... tak bolehh...”
Responden 2	“Setengah ulama’ dia menghubungkan <i>illah</i> pengharaman itu kepada sebarang bentuk penggunaan yang boleh menimbulkan perasaan yang sama <i>illahnya</i> bila kita membazir dan juga kita mempamerkan rasa seronok mempamerkan kekayaan kita.. jadi atas dasar itu, bagi saya walaupun mungkin ada khilaf dari segi harus ataupun tidak makan emas ataupun minum ataupun kalau kita tengok dari segi bekas pun tidak dibenarkan untuk kita, kerana dia boleh buat kita rasa bangga dengan sombong. Jadi pakai ambil dari sudut makan emas. Jadi dari segi furu’ harus makan tu ada khilaf di kalangan ulama’. Jadi saya rasa yang paling tepat pandangan ialah mengharamkanlah kerana dia punya sebab sama seperti pengharaman penggunaan bekas yang diperbuat daripada emas...”

Jadual 4.7 : Kenyataan Sesi Temubual 7

Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan hukum penggunaan emas dalam produk makanan menurut perspektif hukum Islam semasa dari aspek sumber dan jenis penggunaan adalah harus dan dibenarkan kerana *edible gold* tidak termasuk dalam kategori makanan yang haram untuk dimakan. Walaubagaimanapun, hukum penggunaan emas dalam produk makanan dari aspek tujuan dan manfaat serta implikasi dan kesan penggunaan adalah haram dan tidak dibenarkan kerana perbuatan tersebut sekadar ingin merasa tanpa sebarang tujuan dan manfaat serta meletakkan diri seseorang ke arah pembaziran dan menghabiskan harta seterusnya menimbulkan rasa sombong dan riak dalam diri.

4.5 Garis Panduan Penggunaan Emas Dalam Produk

Beberapa perkara perlu dikenalpasti terhadap penggunaan emas dalam produk dari perspektif hukum Islam semasa agar tidak terkeluar daripada landasan syarak yang telah ditetapkan. Berikut merupakan garis panduan penggunaan emas penggunaan emas dalam produk menurut perspektif hukum Islam semasa yang perlu diikuti oleh seseorang individu:

- i. Sumber emas yang digunakan dalam sesuatu produk perlu menepati parameter yang telah ditetapkan iaitu kuantiti emas adalah sedikit sehingga apabila ia dibakar dengan api maka emas tersebut tidak dapat dipisahkan dengan peralatan sesuatu barangan tersebut. Bagi mengenalpasti kandungan emas yang telah bercampur dengan sesuatu produk, cukup hanya dengan merujuk kepada mereka yang pakar dalam bidang tersebut serta boleh memberi justifikasi tentang banyak ataupun sedikit kuantiti emas tersebut.
- ii. Melihat kepada tujuan dan niat seseorang individu. Sekiranya tujuan penggunaan emas dan perhiasan digunakan adalah bagi tujuan-tujuan yang diharuskan maka

dibenarkan, manakala sekiranya tujuan penggunaan emas dan perhiasan adalah bertujuan untuk riak, bangga diri dan takabbur dengan kecantikan dan kemewahan yang dimiliki maka penggunaannya tidak dibenarkan.

- iii. Selain itu, aspek implikasi dan kesan penggunaan emas dalam produk ke atas seseorang individu juga dilihat dalam penentuan garis panduan penggunaan emas dan perhiasan. Sekiranya penggunaan emas mendatangkan kesan yang positif maka penggunaannya dibolehkan adapun sekiranya mendatangkan kesan negatif maka penggunaan kosmetik nanopartikel emas tidak dibenarkan
- iv. Seterusnya, unsur-unsur kemudahan perlu diberi perhatian di dalam garis panduan penggunaan emas dalam produk menurut perspektif hukum Islam semasa. Penggunaan emas dalam sesuatu produk yang mendatangkan kemudahan pada anggota badan manusia adalah dilarang. Hal ini kerana perbuatan tersebut adalah diumpamakan meletakkan diri kedalam lembah kebinasaan.


Berdasarkan perbincangan diatas, Islam telah menetapkan garis panduan tertentu supaya penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan tidak melencong daripada tujuan asalnya.

4.6 Kesimpulan

Menerusi bab ini, pengkaji telah membuat analisis hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan dengan melihat kepada tiga elemen utama iaitu sumber, tujuan dan manfaat, serta implikasi penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Ketelitian perbincangan lebih menekankan kepada ketiga-tiga elemen ini dalam mencapai suatu rumusan yang lebih khusus. Analisis hukum dilakukan oleh pengkaji dengan merujuk kepada dalil-dalil serta data-data dan maklumat

yang telah diperoleh melalui metode kajian perpustakaan dan metode temubual separa struktur bersama lima orang responden yang terdiri daripada pakar syariah, ahli akademik, dan pegawai (JAKIM).


Hasil kajian mendapati bahawa hukum keharusan penggunaan emas dalam sesuatu produk itu bergantung kepada manfaat serta tujuan seseorang individu menggunakan produk berasaskan emas. Bagi tujuan penggunaan yang positif dan mendatangkan manfaat, penggunaannya adalah diharuskan manakala bagi tujuan negatif seperti berbangga-bangga serta memperlihatkan kecantikan dan kekayaan yang dimiliki penggunaannya adalah diharamkan. Di samping itu, pemerhatian kepada aspek sumber emas perlu ditekankan dengan menepati syarat parameter yang telah ditetapkan selain kuantiti nanopartikel emas yang sedikit. Dalam pada itu, penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan yang memberikan kesan positif dan manfaat terhadap pengguna adalah diharuskan, bagi kesan sampingan dan implikasi yang kecil hukum penggunaannya adalah makruh, adapun sekiranya mendatangkan implikasi atau mudarat yang besar maka hukumnya berubah menjadi haram. Akhir sekali, pengkaji telah merangka garis panduan dan rumusan hukum penggunaan emas dalam produk dari perspektif hukum Islam semasa agar penggunaannya tidak terkeluar daripada landasan syarak yang telah ditetapkan. Rumusan hukum adalah seperti berikut:



Gambar rajah 4.1 : Rumusan Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Kosmetik



Gambar rajah 4.2 : Rumusan Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Farmaseutikal



Gambarajah 4.3 : Rumusan Hukum Penggunaan Emas Dalam Produk Makanan

BAB 5:

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 Pengenalan

Bab lima merupakan rumusan bagi segala perbincangan daripada bab-bab yang telah dibincangkan sebelum ini. Dalam bab ini, pengkaji merumuskan dengan lebih jelas dan ringkas hasil dapatan yang diperoleh setelah kajian dijalankan bagi menjawab permasalahan kajian selaras dengan persoalan dan objektif kajian. Seterusnya, beberapa cadangan dan saranan kepada pihak yang terlibat turut disediakan oleh pengkaji bagi merealisasikan kepentingan kajian. Perbincangan bab lima diakhiri dengan kesimpulan yang dilakukan oleh pengkaji.

5.2 Rumusan Kajian

Pengkaji merumuskan hasil kajian dengan melihat dari sudut sumber, tujuan, manfaat serta implikasi penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Selain itu, rumusan dijelaskan bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian. Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji merumuskan kajian seperti berikut:

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap fakta-fakta yang diperolehi sepanjang kajian ini dilaksanakan, pengkaji telah mencapai objektif pertama kajian iaitu dengan mengemukakan kedudukan emas menurut perspektif hukum Islam. Dalam perkara ini, pengkaji terlebih dahulu mengemukakan penjelasan berkaitan kedudukan emas menurut perspektif hukum Islam. Justeru itu, pengkaji dapat memahami dan merumuskan bahawa emas merupakan sejenis logam berwarna kuning keemasan yang berharga dan terkenal digunakan secara semulajadi sama ada dalam bentuk tulen seperti syiling emas, kepingan emas, barang kemas dan medium pertukaran yang bernilai ataupun diambil manfaatnya

dalam penghasilan sesuatu produk. Lafaz emas atau dalam bahasa Arabnya *āl-ḡhahab* disebut sebanyak lapan kali di dalam al-Quran di mana emas merupakan suatu logam yang menjadi kecintaan terhadap manusia dan merupakan fitrah semulajadi. Logam emas juga diletakkan pada kedudukan yang tinggi sehingga dijadikan alat sebagai mengukur kedudukan antara mereka. Oleh sebab pandangan manusia yang tinggi terhadap emas, maka Allah SWT telah mengangkat kedudukan logam emas ke tahap yang lebih tinggi sehingga dijadikan antara medium untuk menceritakan kemewahan dan nikmat yang terdapat dalam syurga. Akhir sekali, disebalik kecintaan manusia terhadap logam emas ini dan kedudukan emas yang tinggi di mata mereka, pada hakikatnya emas merupakan ujian Allah SWT buat hambanya di dunia.

Seterusnya, perhiasan merupakan suatu medium atau peralatan yang digunakan oleh seseorang individu untuk menghias dan mencantikkan diri seperti pakaian dan peralatan lain yang dihalalkan untuk menghias dirinya yang terdiri daripada emas, perak, mutiara, permata dan seumpamanya. Berhias diri bagi golongan wanita mahupun lelaki merupakan satu fitrah di dalam diri dan dibenarkan dalam Islam selagi mana tidak melanggar etika perhiasan yang ditetapkan. Nas-nas yang berkaitan dengan gesaan berhias juga dibincangkan dalam al-Quran antaranya berkenaan galakan umat Islam untuk berhias, dunia sebagai perhiasan, sebaik-baik perhiasan adalah wanita solehah, dan sebaik-baik perhiasan adalah takwa.

Secara umumnya dapat difahami bahawa hukum penggunaan emas dan perhiasan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu penggunaan yang diharuskan dan penggunaan yang diharamkan. Penggunaan emas dan perhiasan adalah diharuskan ke atas wanita selagi mana tidak digunakan secara berlebih-lebihan dan tidak melanggar hukum syarak. Keharusan penggunaan perhiasan tersebut bukan khusus untuk emas sahaja, malah penggunaan perak, mutiara, berlian, sutera dan seumpamanya juga adalah dibenarkan ke atas wanita. Hal ini adalah bagi tujuan menambahkan keserian, keindahan dan menutup

kekurangan zahir yang terdapat pada diri seorang wanita serta mencantikan diri di hadapan suami.

Walaupun, penggunaan perhiasan emas adalah diharamkan ke atas golongan lelaki kerana perbuatan tersebut merupakan perbuatan *ta'syabbuh* iaitu menyerupai golongan wanita. Selain itu, diharamkan ke atas golongan lelaki dan wanita menggunakan bekas makanan dan minuman serta perkakas dan peralatan lain yang diperbuat daripada emas atau perak. Bagi logam yang bersadur emas, terdapat perbezaan pandangan dalam menentukan hukum penggunaannya di mana jika saduran itu sedikit iaitu tidak dapat dipisahkan dari logam tersebut maka harus menggunakannya kerana emas atau peraknya telah musnah di dalam logam lain dan ianya dianggap seperti tiada dan sekiranya saduran itu banyak serta dapat dipisahkan dari logam melalui proses lebur dan sebagainya, maka hukumnya penggunaan logam tersebut adalah haram. Begitu juga dengan hukum penggunaan suasa dimana hukumnya adalah sama seperti hukum logam yang bersadur emas. Walaupun, terdapat pengecualian yang mana hukum asal penggunaan sesuatu barangan yang diperbuat daripada emas bertukar menjadi harus merujuk kepada situasi dan keadaan yang tertentu seperti darurat.

Seterusnya, kajian ini juga telah mencapai objektif kedua kajian iaitu mengenal pasti penggunaan emas dalam produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Secara ringkasnya, nanopartikel merupakan zarah atau partikel kecil bersaiz nanometer yang memiliki ukuran diantara 1 hingga 100 nm dan merujuk kepada penyatuan atom-atom. Sifat-sifat nanopartikel yang keras, mulur pada suhu tinggi, mempunyai ketahanan yang kuat, tahan karat dan aktif secara kimia membuatkan nanopartikel digunakan bersama sebatian kimia yang lain dalam penghasilan pelbagai produk dalam industri. Nanopartikel dapat dibentuk dari pelbagai jenis unsur kimia termasuk emas. Penggunaan nanopartikel emas adalah yang paling baik kerana emas memiliki kesesuaian yang paling tinggi berbanding unsur kimia lain. Sejarah telah membuktikan penggunaan nanopartikel emas

telah digunakan sejak dahulu lagi dan memberi banyak manfaat dalam penghasilan produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan berikutan sifat unik dan ciri-ciri baik yang terdapat pada nanopartikel emas.

Seiring perkembangan nanoteknologi yang kian canggih, kini penggunaan nanopartikel emas telah digunakan secara meluas dalam penghasilan produk kosmetik, farmaseutikal dan makanan. Antara produk kosmetik yang dihasilkan menggunakan nanopartikel emas adalah seperti Safi Rania Gold, Safi Youth Gold, *Gold Brightening Facial Treatment Mask by 111 Skin*, *Farsali 24k Rose Gold Elixir*, *Adore Golden Touch Magnetic Facial Mask*, *Tatcha Camelia Gold Spun Lip Balm*, *Shangpree Gold Black Pearl Eye Mask* dan banyak lagi. Penggunaan nanopartikel emas juga digunakan dalam bidang farmaseutikal menggunakan kaedah rawatan tradisional dan moden sejak dahulu lagi bagi merawat penyakit. Seterusnya, nanopartikel emas yang digunakan dalam produk makanan ialah *edible gold* iaitu emas murni khusus yang telah mendapat kelulusan daripada (EFSA) dan dipersetujui oleh (EC) sebagai bahan tambahan makanan di bawah kod E 175.

Terdapat banyak manfaat yang boleh diperoleh hasil penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik seperti menjadikan kulit lebih muda, bersih, cantik, cerah, putih dan berseri serta merawat kulit yang rosak dan menjadikan rambut lebih cantik dan gelap. Selain itu, penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik juga menjadikan kulit lebih anjal dan tegang serta memberikan khasiat sebagai antioksidan, antipenuaan dan antijerawat yang membantu meningkatkan peredaran darah dan membawa kepada pengurangan jerawat serta alahan terhadap kulit. Seterusnya dalam produk farmaseutikal, nanopartikel emas digunakan bagi merawat penyakit seperti cacar, masalah kulit, demam campak, ulser, penyakit tua, masalah saraf, rawatan epilepsi, sifilis, batuk kering, dan penyakit berkaitan artritis reumatoid sejak berabad tahun yang lalu. Kini, nanopartikel emas digunakan sebagai pembawa dalam diagnosis kanser dan mempunyai potensi yang

besar dalam merawat dan menghapus sel kanker. Selain itu, nanopartikel emas juga berkesan digunakan dalam teknologi pemeriksaan imbasan tomografi berkomputer yang membolehkan maklumat anatomi tisu diberi dengan khusus dan tepat kepada doktor untuk mendiagnosis penyakit. Nanopartikel emas bermanfaat membentuk ikatan yang stabil dengan DNA dan biomelekul yang lain serta digunakan dalam dalam bidang pergigian, terapi gen, jantung, implan telinga dan sten. Dalam produk makanan, nanopartikel emas bermanfaat sebagai perhiasan dan bahan tambahan makanan dibawah kod E175 yang tidak memberikan kesan negatif mahupun manfaat kepada tubuh badan. Apabila nanopartikel emas dimakan, ia tidak mempunyai sebarang rasa, tekstur mahupun sebarang nilai nutrisi dan akan dicerna bersama najis mengikut kuantiti dimakan. Emas yang dimakan mudah hancur apabila disentuh oleh kulit atau lidah, tidak boleh reput dalam tubuh badan dan tidak akan diserap dalam darah apabila dimakan.

